

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002	(Halaman 14)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titivangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

Yang Berhormat	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

Yang Berhormat	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M. (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A. (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A. (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 19 September 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)]

mempengerusikan Mesyuarat**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kekerapan kemudahan International Youth Centre (IYC) digunakan untuk aktiviti belia dan adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan pusat ini untuk meningkatkan penggunaannya. Sekira ya, bila dan sekira tidak, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, International Youth Centre, dengan izin, (IYC) ataupun Pusat Belia Antarabangsa telah ditubuhkan pada tahun 1988 hasil sumbangan derma seorang penulis kaligrafi terkenal dari Jepun iaitu mendiang 'Tan Sri Kampo Harada'.

Antara objektif penubuhan IYC melalui Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk menampung keperluan segala bentuk penganjuran aktiviti-aktiviti belia di pelbagai peringkat melalui penyediaan tempat penginapan dan kemudahan-kemudahan bagi tujuan mengadakan latihan kepimpinan, pendidikan, seminar, dokumentasi kerja belia dan sebagainya.

Tahap penggunaan pusat ini adalah memuaskan. Pusat ini dibuka kepada penggunaannya dan tidaklah terhad kepada program serta aktiviti pembangunan belia sahaja. Walau bagaimanapun, hampir 57% daripada penggunaannya adalah program yang berasaskan pembangunan belia di mana penganjurnya terdiri daripada badan-badan atau pertubuhan bukan kerajaan yang berasaskan belia dan masyarakat serta Kementerian Belia dan Sukan sendiri.

Sehingga bulan Ogos tahun ini adalah didapati kekerapan penggunaan IYC oleh badan-badan belia semakin meningkat hampir kepada kadar 60%. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, soal penswastaaan IYC tidaklah wujud kerana pusat ini sebenarnya telah pun diperbadankan sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan IYC masih lagi mengekalkan statusnya sebagai sebuah yayasan yang berorientasikan perkhidmatan dan tidak mencari keuntungan. *Memorandum and Article of Association*, dengan izin, yang menjadi asas pembentukan IYC dengan jelas menerangkan kedudukan Menteri Belia dan Sukan sebagai pihak tertinggi yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembentukan IYC sebagai sebuah yayasan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekal serta memastikan IYC terus digunakan sepenuhnya oleh badan-badan yang menganjurkan aktiviti belia sama ada oleh badan bukan kerajaan atau pihak swasta, Kementerian Belia dan Sukan akan terus memperkasakan IYC daripada segi pembangunan dan penyelenggaraan pusat ini dengan lebih konsisten dan bersesuaian dengan keperluan pengguna. Di samping itu, kerja-kerja promosi turut akan diperhebatkan lagi menerusi pengedaran risalah-risalah dalam pelbagai bahasa dan mendapatkan kerjasama pihak Tourism Malaysia dengan membantu mempromosikan pakej-pakej tertentu bagi menarik golongan pelajar agar menggunakan kemudahan yang ada di pusat ini.

Langkah-langkah seumpama ini diperlukan agar penggunaan kemudahan di IYC dapat dioptimumkan dan dapat dinikmati oleh masyarakat khususnya golongan belia supaya dapat merealisasikan matlamat penubuhan pusat ini sebagai satu

daripada pusat belia yang serba lengkap dan memenuhi objektif penubuhan asalnya untuk kepentingan pembangunan belia.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan yang terang berhubung dengan penggunaan pusat kegiatan belia antarabangsa ini. Daripada jawapan tadi, kita dapati bahawa hanya lebih kurang 60% sahaja penggunaannya setakat ini dan ini adalah tidak seberapa menggalakkan memandangkan pusat-pusat kegiatan aktiviti belia di negara kita adalah tidak berapa banyak tempatnya. Saya memang tertarik dengan jawapan tadi bahawa pusat IYC mengadakan promosi untuk menarik lebih ramai persatuan belia menggunakan pusat ini. Tetapi dalam kefahaman saya didapati bahawa banyak persatuan belia yang menggunakan pusat ini didapati kosnya adalah terlalu tinggi dan tidak berapa menarik. Tambahan pula kelengkapan dalam pusat IYC ini adalah tidak diselenggarakan dengan begitu sempurna. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan kemudahan-kemudahan di dalam pusat IYC ini dapat dijaga dengan baik dan dapat digunakan sepenuhnya oleh belia-belia. Tambahan pula adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan pusat seperti ini selain daripada Kuala Lumpur, contohnya di Pulau Pinang ataupun di Johor Baharu, untuk memberi kemudahan kepada belia, untuk mempergiatkan lagi kegiatan-kegiatan yang sihat supaya kita dapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak bahaskah?

Tuan Liow Tiong Lai: ...memastikan belia kita tidak terdenderung kepada aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua soalan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bentong atas keprihatinan beliau dan juga beberapa soalan yang ditujukan kepada saya.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan tadi, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa saya sendiri telah pun membuat lawatan untuk menjenguk keadaan yang sebenar seperti mana yang didakwa ataupun yang dibangkitkan kepada saya sebelum ini.

Antara lain usaha-usaha promosi yang disebutkan tadi itu bukan sahaja terhad kepada pengedaran risalah, selain daripada itu setahu saya promosi yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan itu juga mencakupi promosi pakej aktiviti, umpamanya Pakej Aktiviti Rakan Muda. Dalam erti kata lain, promosi itu akan mencakupi kedua-dua *hardware* serta *software*, dengan izin, yang telah pun disediakan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan soal penyelenggaraan, ini merupakan salah satu dimensi yang perlu diambil kira dan saya juga berharap supaya soal penyelenggaraan ini juga akan dapat dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa kita membahaskan belanjawan nanti, sebab sedia maklumlah sesebuah premis ataupun bangunan yang serba lengkap seperti itu ianya tidak akan lengkap, tidak akan sampai hasrat kita sekiranya penyelenggaraan itu tidak dapat dijalankan dengan seelok mungkin tanpa peruntukan yang memadai. Ini yang hendak saya sarankan.

Satu lagi Yang Berhormat bagi Bentong juga bangkitkan iaitu sama ada pusat yang sama akan ditubuhkan di luar Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat IYC ini agak berbeza daripada pusat-pusat lain yang dimaksudkan sebab pusat ini seperti mana yang saya sebutkan tadi ianya merupakan satu derma dari seorang dermawan dari Jepun, sedangkan pusat-pusat giat yang lain dan sesuai untuk belia itu sebenarnya apa yang dimaksudkan itu adalah berkaitan dengan pusat Rakan Muda dan juga kompleks sukan yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan di setiap daerah sekiranya diizinkan daripada segi belanjawan.

[Soalan No. 2 - Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) tidak hadir]

3. **Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]** minta Menteri Kewangan menyatakan senarai kontraktor-kontraktor payung yang menikmati kontrak-kontrak di bawah skim tersebut dan jumlah nilai kontrak-kontrak itu.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan Kementerian Kewangan mempunyai kontrak di bawah skim payung seperti berikut:

Kontrak bekalan perabot pejabat kepada semua kementerian dan jabatan kerajaan, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan dengan Syarikat Guthrie Furniture Sdn. Bhd. Kontrak terkini yang diikat dengan Guthrie Furniture Sdn. Bhd. (GFSB) di bawah program ini ialah selama dua tahun mulai 1 April 2001 hingga 31 bulan Mac 2003 dengan nilai kontrak RM15 juta.

Sebanyak 142 anak-anak payung yang terlibat dalam skim ini. Kontrak pembekalan dan penghantaran sembilan jenis item makanan kepada semua kementerian, jabatan kerajaan, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan dengan Syarikat Besta Distributors Sdn. Bhd. Kontrak terkini yang diikat dengan Besta Distributors adalah bermula dari 15 September 1999 sehingga 31 Disember 2002 dengan anggaran nilai kontrak sebanyak RM12 juta. Terdapat 26 vendor yang berpayung di bawah program ini.

Yang ketiganya, projek penyelenggaraan ubah suai dan menaik taraf sekolah-sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan dengan Konsortium YGPSKCCE Sdn. Bhd. Nilai projek ini adalah sebanyak RM500 juta terdapat seramai 80 kontrak kelas F yang terlibat di bawah projek ini. Baru sekejap ini saya dapat satu lagi vendor ataupun kontrak di bawah skim ini daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada masa ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melaksanakan empat program utama pembangunan secara bersepadu dengan melantik kontraktor induk iaitu projek jalan kampung (PJK), bekalan air luar bandar (BALB), bekalan elektrik luar bandar (BELB) dan lampu jalan kampung (LJK).

Pelaksanaan projek melalui kaedah ini melibatkan 76 kontraktor induk dengan nilai kontrak sebanyak RM994.9 juta pada tahun 2001 dan 2002. Terima kasih.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Antara tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak kerajaan mengadakan skim kontraktor payung ini adalah untuk turut sama mempertingkatkan kontraktor-kontraktor kecil atau anak-anak payung yang dilantik di bawahnya supaya dapat menghidupkan dan memperbesar serta mempertingkatkan lagi usaha-usaha niaga mereka.

Akan tetapi, apa yang kita dapati ialah rungutan-rungutan daripada kontraktor-kontraktor yang dikatakan anak-anak payung itu tadi, tentang keuntungan yang diperolehi adalah pendek kata kontraktor besar yang dapat - jerung, banyak anak-anak payung ini hanya anak-anak bilis dan kadang-kadang tidak dapat langsung. Mereka mengharapkan kedudukan ini supaya mereka dapat turut sama maju, tetapi apa yang mereka dapati lambat menerima bayaran dan ada di antaranya yang buat rungutan mengatakan tidak terima bayaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Jadi soalnya ialah sejauh mana jaminan yang boleh diberikan oleh kementerian bahawa program yang sebegini dapat benar-benar memenuhi kehendak seperti mana yang dirancang untuk membela kontraktor-kontraktor kecil ini dan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Dan pun tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [Ketawa] Bila masuk 'dan' itu, nampak menjadi dualah bendanya Yang Berhormat. Ini bahasa Arab, saya ingat begitulah. [Ketawa] Sila.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kalau bahasa Arab, ia masuk 'wau' dah tu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, [Ketawa] 'Wau', 'wau'.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: 'Wau'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil satu persatu. Kita masuk tadi kontrak bekalan perabot misalnya. Kalau kita tengokkan kelebihan daripada segi pasaran dan pemasaran yang terjamin, jadi di sini kita tengokkan bahawa Guthrie ialah kontrak induk dan ia ada ramai tadi saya sebutkan, ada 142 kontraktor kecil. Jadi kontraktor-kontraktor kecil yang mempunyai perabot (*furniture*) ini yang dihantar kepada kerajaan melalui Guthrie, kita akan tengokkan ISOnya daripada segi SIRIM dan FRIM. Jadi dengan cara ini kita boleh meningkatkan kontraktor-kontraktor kecil yang 142 orang ini untuk kepada setaraf dengan ISO.

Keduanya, kalau kita tengokkan kontraktor pembekalan makanan misalnya. Kita ada 26 vendor. Jadi pembekalan makanan ini selalunya *cottage industry*, kita juga ada ISO daripada SIRIM dan Kementerian Kesihatan Bahagian Pemakanan dan mereka ini selalu diawasi supaya jam mereka ataupun apa-apa produk-produk makanan yang dikeluarkan tidak lekas berulat dan sebagainya dan tidak ada masuk pula khazanah-khazanah lain di dalam makanan yang disediakan itu. Jadi yang keduanya, mereka hendak meminta peruntukan ataupun pinjaman daripada Bank Pembangunan, jadi melalui vendor ini ia lebih terjamin daripada kontraktor-kontraktor yang mengeluarkan produk makanan secara bersendirian.

Akan tetapi saya lihat kekurangan yang ada pertamanya, ada pilih kasih sedikit antara Guthrie ini, dia pilih orang-orang dia sahaja, ini berlaku dan masalah kualiti yang tidak konsisten pun juga berlaku, ini yang sedang kita pantau. Tetapi Yang Berhormat tujuan tadi kemungkinan agaknya banyak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang ada kontraktor-kontraktor kecil yang kata dapat ikan bilis sahaja dan sebagainya.

Tujuan kita ialah untuk menaik taraf BQnya. Maknanya kalau dia buat jalan, kita hendak bagikan satu spesifikasinya yang standard, berapa *thickness*nya ataupun tebal jalan itu, berapa lebar jalan itu. Kita tidak hendak nanti kalau kita bagi sahaja kepada kelas 'F', jalan itu makin lama makin nipis dan jalan itu makin lama makin muncung. Kita tidak hendak itu, jadi kita hendak adakah BQ dan sebagainya. Tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, kita akan ambil perhatian dan kita akan ambil tindakan nanti.

Untuk pertanyaan Yang Berhormat bahawa ramai sudah tiap-tiap kali sesi Parlimen ini mengatakan ikan bilis kecil ini tidak menjadi ikan kurau, jadi saya telah bercakap dengan Menteri dan pegawai-pegawai kita bahawa untuk tahun hadapan projek payung di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini akan kita tutup.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan menyedari bahawa di sana berlakunya penjualan kontrak oleh kalangan-kalangan tertentu yang mendapat kontrak sehingga berlakunya perniagaan kontrak beberapa kali ganda dari kalangan yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan berlakunya kesan kepada kos dan mungkin implikasi kepada projek yang dilakukan oleh kerajaan sendiri dan memerlukan tambahan-tambahan yang kemudian kerana berlakunya kejadian yang tidak bertanggungjawab ini dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu memang kita sedari. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan telah menyatakan, kebanyakannya orang Melayu ini hendak lekas kaya, apabila diberi kontrak *disubnya*. Jadi apa yang kita hendak lakukan sekarang ini, kita hendak tengok, kalau misalnya pegawai-pegawai kita sampai di peringkat daerah – ADO Pembangunan, kalau kita dapat tahu bahawa *sub, sub, sub* itu berlaku sehinggakan sampai ke peringkat implementasi hanya tinggal rangka sahaja tidak ada dagingnya lagi, kita akan ambil tindakan untuk *black-listed* ataupun menyenaraihitamkan kontraktor yang berkenaan kerana pada saya, ini tentulah bercanggah daripada dasar kita yang kita buat di sini. Terima kasih.

4. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor pakar yang masih kekurangan di setiap bidang kepakaran di hospital kerajaan dan memaklumkan Dewan tentang statistik doktor-doktor pakar di hospital kerajaan yang juga berkhidmat di hospital atau klinik swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya Kementerian Kesihatan masih mengalami kekurangan doktor pakar di setiap bidang kepakaran terutamanya bidang-bidang seperti perubatan am, bedah am, neurologi, anesthesiologi, radiologi dan kardiologi. Walaupun kadar pengisian pakar perubatan hanya 54.2%, tetapi kadar pengisian jawatan akan ditingkatkan selepas pengisian dibuat berikutan pengeluaran pegawai perubatan pakar program lanjutan dari universiti tempatan yang berterusan setiap tahun.

Universiti tempatan mengambil di antara 300 hingga 400 pegawai perubatan setiap tahun untuk program latihan sarjana. Polisi Kementerian Kesihatan sedia ada tidak membenarkan doktor-doktor pakar ataupun pegawai perubatan berkhidmat dengan hospital atau klinik swasta. Sehubungan dengan itu, kementerian tidak mempunyai data-data tentang statistik doktor-doktor pakar di hospital kerajaan bagi berkhidmat dengan hospital atau klinik-klinik swasta.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Terima kasih, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima aduan daripada orang awam bahawa dalam beberapa kes kecemasan di hospital kerajaan yang mana pesakit memerlukan rawatan doktor pakar tetapi oleh kerana kekurangan doktor pakar, jadi pesakit haruslah mendapat rawatan di hospital swasta. Oleh sebab kos yang kena dibayar di hospital swasta sangatlah mahal, oleh itu ramai orang miskin tidak mampu membayar.

Jadi, saya ingin tahu adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan suatu peraturan antara hospital kerajaan dan hospital swasta supaya dalam kes-kes kecemasan hospital kerajaan boleh meminta perkhidmatan doktor pakar daripada hospital swasta dan doktor-doktor yang berkhidmat di hospital swasta itu haruslah memberi perkhidmatan secara *compulsory* dalam kes-kes kecemasan sekiranya diminta oleh hospital kerajaan dan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ini sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memaklumkan bahawa pengisian sebenarnya jumlah jawatan doktor pakar adalah 1,698 tetapi yang diisi cuma 920 jawatan sahaja. Jadi, ini menunjukkan memang kita menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai aduan orang awam bagi kes-kes kecemasan. Saya percaya kes-kes kecemasan di setiap hospital kita ada Bahagian Kecemasan, di mana doktor yang bertugas dan juga kakitangan yang bertugas itu boleh memberi rawatan buat seketika bila seseorang pesakit dimasukkan ke bahagian kecemasan. Tetapi bagi kes-kes yang serius, peraturan yang boleh dibuat ialah cuma mereka terpaksa memindahkan pesakit itu daripada hospital tersebut kepada hospital-hospital di mana terdapat pakar untuk merawat mereka sahaja.

Akan tetapi buat masa ini, kita tidak ada peraturan untuk kes-kes kecemasan di mana kita boleh menggunakan pakar-pakar daripada pihak swasta. Kita tidak ada apa-apa peraturan ataupun *arrangement* yang ada pada masa sekarang ini. Tetapi untuk semua kes kecemasan, saya percaya bila mereka dimasukkan, bilangan yang terlibat itu adalah yang memerlukan perkhidmatan pakar pada masa tersebut adalah bilangan yang terlalu kecil tetapi di hospital-hospital tersebut mereka memang tahu bahawa kalau sesuatu kes itu mungkin daripada Slim River, mereka tidak boleh memberi rawatan di tempat tersebut kerana mereka perlukan pindahkan ke Hospital Kuala Lumpur, maka mereka boleh membuat peraturan ataupun peraturan untuk menghantar mereka melalui ambulans dengan serta-merta ke Hospital Kuala Lumpur untuk menerima rawatan kepakaran pada masa tersebut. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini, pada pagi hari Khamis yang berbahagia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr. Abdullah Abdul Aziz Al Rabeeah daripada Hospital King Fahd, Riyadh di atas kejayaan memisahkan kembar siam Malaysia – Ahmad dan Muhammad Rosli yang disiarkan dua hari yang lalu. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Putera Mahkota Arab Saudi - Putera Abdullah Abdul Aziz kerana mengeluarkan perbelanjaan RM1.7 juta bagi membiayai kos pembedahan yang bersejarah ini.

Seorang Ahli: Soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi pihak rakyat Malaysia, kita ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi atas bantuan ini dan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan yang berkaitan Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan ini, ini pembukaan Tuan Yang di-Pertua, pembukaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya kira itu cukuplah mukadimahnyanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa Ahli Parlimen boleh dibenarkan untuk membuat mukadimah dalam sesuatu perkara yang besar ertinya dalam kehidupan manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lengkap dah mukadimah itu Yang Berhormat!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan yang berkaitan dengan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah pula peranan Kementerian Kesihatan kita dalam menangani kes-kes seperti ini pada masa-masa yang akan datang, di samping kita berterima kasih kepada ehsan orang lain, kita juga memerlukan, saya rasa kebaikan-kebaikan yang harus dapat kita berikan kepada rakyat kita dan apakah ada langkah-langkah agaknya kita mengirimi doktor-doktor kita untuk belajar di King Fahd, Riyadh ini kerana suatu ilmu yang berharga....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya bertanyalah kepada Kementerian Kesihatan dalam perkara ini tetapi yang penting rakaman ucapan tahniah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: dan doa kita kepada anak-anak ini - Ahmad dan Muhammad Rosli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran membuat sedikit permintaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih daun keladi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab.

Tuan S.G.Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sri Gading yang mengikuti perkembangan pembedahan

kepada kes anak kembar siam Rosli, ataupun *Rosli's twin* yang dikenali ramai. Jadi kita harap beliau, kedua-dua anak tersebut akan selamat dan mereka akan balik kembali ke tanah air.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kita juga menghantar doktor-doktor kita, umpamanya untuk kes-kes seumpama ini, memang ini adalah satu-satu yang diamalkan oleh Kementerian. Biasanya kalau kita lihat dalam negara kita ini, kita mempunyai kepakaran dalam beberapa aspek yang memang tidak terdapat di banyak negara lain seperti *hand and microsurgery* yang diadakan di Hospital Selayang dan juga *liver transplant* yang semuanya dilakukan di hospital-hospital kerajaan di negara kita ini.

Kita juga akan mengamalkan tidak lama lagi pembedahan menggunakan robot pun, memang sudah akan diperkenalkan. Jadi kita memang mengikuti segala perkembangan di dalam aspek perubatan di seluruh dunia dan kita cuba sekurang-kurangnya setanding dengan negara-negara maju di dunia ini. Jadi inilah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa kita sentiasa selaras dengan kemajuan dalam aspek-aspek perubatan di seluruh dunia.

[Soalan No. 5 – Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Shah Alam) tidak hadir]

6. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bahru]** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan Menteri Besar Kelantan, menjelaskan secara langsung menerusi RTM, mengenai isu kontroversi 'Tuhan Samseng' yang dihebohkan oleh media massa perdana, supaya rakyat dapat membuat penilaian dengan tepat dan betul, tidak seperti mana yang dimanipulasikan kerana kepentingan politik oleh pihak kerajaan UMNO dan BN.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tiada ada cadangan demikian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kota Bharu, ya. *[Ketawa]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih atas jawapan yang tegas dan tepat. Bagaimanapun saya hendak lagi satu soalan tambahan oleh kerana isu ini, isu yang berkaitan dengan tafsiran Al-Quran, di mana Dato' Nik Abdul Aziz telah menghuraikan 'Asma ul Husna'. Tok Guru kena betulkan.

Dalam penghuraian 'Asma ul Husna' ini, kalau kita belajar ilmu tafsir ada dua perkataan, yang melibatkan dua perkara, masalah ayat Musyakalah dan Mutasyabihah. Ini hanya boleh difahami orang belajar 'balaghah' sahaja.

Untuk menjelaskan perkara ini, Tuan Guru Nik Aziz menggunakan menghuraikan dengan bahasa yang difahami oleh masyarakat tempatan dan ini telah di hurai lama sejak bertahun-tahun dahulu dan tidak pernah menjadi isu sehinggalah apabila Menteri Besar ini menghubungkan masalah perkataan Al-Mutakbbir dan Al-Muntaqimum, mukadimah, sabarlah sikit, nanti tidak faham pula, atau mukadimah tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Nanti jawab tidak betul pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Dihubungkan dengan kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO terutama sekali masalah pemecatan, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan tekanan polis ke atas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: ...kumpulan reformasi..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim:...tekanan terhadap parti pembangkang... oleh Kerajaan BN.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: ..maka ini dimanipulasi oleh UMNO dan dihurai secara *misquoted* oleh TV Malaysia dan diulang berkali-kali, menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat dengan istilah ini. Kenapa? Sebenarnya soalan saya kenapa, kementerian tidak mengizinkan, tidak membenarkan orang yang terlibat menghurai perkataan ini, menjelaskan kepada masyarakat supaya kekeliruan yang besar yang berkaitan dengan Tuhan ini tidak dimanipulasi oleh kerajaan dan Barisan Nasional ini. Minta penjelasan.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM menyiarkan kapsul isu ini pada 26, 27 dan 28 Julai 2002. Pada 31 Julai dan 1 Ogos pula, RTM ada mengeluarkan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Nik Aziz Nik Mat sebagai penjelasan beliau di atas apa yang telah kita siarkan dan selepas itu kita juga mendapatkan pandangan-pandangan pelbagai pihak termasuklah mufti-mufti dan alim ulama, tokoh-tokoh yang berkaitan dengan agama dan keagamaan.

Tinggal lagi macam mana, Yang Berhormat bagi Kota Bharu mengupas, menganalisa, itu hak dia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita tahu Menteri Besar Kelantan telah dipanggil disoal siasat oleh JAKIM dan yang juga terkini pihak polis, mengambil kenyataan beliau berhubung dengan kenyataan beliau mengatakan 'Tuhan Samseng', kita tidak menganggap Tuhan itu samseng, yang ingin saya mahu penjelasan kerana ekoran daripada dakwaan Menteri Besar ini, kita bimbang penyakit samseng ini akan melarat ke dalam Dewan ini terutama di pihak sebelah sana.

Jadi adakah tingkah laku ini yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin PAS, terutamanya dan cuba disokong oleh pemimpin-pemimpin KeAdilan, sampingan DAP Wallah hu a'lam tidak tahu. Jadi adakah sikap-sikap negatif dan buruk ini, buruk kelaku ini, yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin PAS akan diteruskan oleh pihak RTM, walaupun tidak secara siaran langsung berulang-ulang kali bagi difahami oleh terutamanya rakyat di kawasan-kawasan luar bandar yang menjadi kawasan sasaran kempen PAS sambil mengutip derma, terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Biarlah seorang yang menjawab.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Dari segi RTM kita akan terus-menerus menyiarkan perkara-perkara yang kita fikirkan baik untuk rakyat di negara kita ini dan kita akan pulangkan kepada rakyat untuk *[Disampuk]* – hang kata apa pula ini, aku tengah dok bercakap, hang dengarlah. *[Ketawa]*

Ya, jadi kita akan terus siar, Tuan Yang di-Pertua dan biar rakyat nilailah, ya, siapa yang betul, siapa yang tidak betul, ya, siapa yang samseng, siapa yang tidak samseng, ya, biar dia nilai, biar rakyat nilai dan kita pun dari segi RTM, ya macam saya kata tadi, Yang Berhormat Dato' Nik Aziz dia hendak buat penjelasan, kita beri peluang, bukan kita tutup pintu langsung, kita beri dan ramai pun Yang Berhormat bagi Pokok Sena pun kita bagi peluang, semua kita bagi peluang, ya, *[Disampuk]*]. Itu biasa, gambar saya pun kadang-kadang tidak ada, suara saja keluar, biasa ha, terima kasihlah. *[Ketawa]*

[Dua orang ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato'... [Disampuk] Sudah, tidak bolehlah Yang Berhormat, karang kalau saya semua lebih baguslah nampaknya.

7. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah kes penyakit meningitis yang telah dilaporkan setakat ini dan sama ada ianya penyakit tempatan atau dibawa masuk ke negara ini dan apakah benar berlaku kekurangan vaksin penyakit ini bagi tujuan imunisasi rakyat seperti mana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G.Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat pelbagai jenis kuman yang boleh menyebabkan *meningitis* atau radang selaput otak dan tulang belakang di kalangan manusia. Salah satu penyakit yang menyebabkan *meningitis* adalah *meningococcal meningitis* yang disebabkan oleh bakteria *Neisseria meningitis*. Kejadian penyakit *meningococcal meningitis* di Malaysia berlaku secara *sporadic* dan pada kadar yang rendah dengan purata 50 kes setahun.

Kebanyakan kes yang dilaporkan adalah kes jangkitan tempatan. Bagi tahun 2002 tiada kes *meningococcal meningitis* dilaporkan yang dikaitkan dengan jemaah haji. Buat masa ini tiada keperluan untuk orang awam di Malaysia untuk mendapatkan pelalian *meningococcal meningitis* secara rutin. Pelalian ini hanya diperlukan untuk bakal jemaah haji dan umrah yang pergi ke tanah suci Mekah dan keperluan ini adalah disyaratkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mengambil tindakan memastikan bekalan vaksin adalah mencukupi bagi tujuan haji dan umrah dengan mengadakan konteks bekalan dengan pembekal vaksin. Tiada kekurangan bekalan vaksin dan semua bakal jemaah haji dan umrah boleh mendapatkan pelalian ini dari klinik kesihatan yang dekat secara percuma dan adalah dimaklumkan bahawa pelalian *meningococcal meningitis* hanya perlu diberikan sekali bagi tempoh tiga tahun kerana pelaliannya boleh bertahan sehingga tiga tahun.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen di atas penjelasan tadi. Soalan tambahan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan mereka yang masuk ke negara ini khususnya pekerja asing diberi imunisasi *meningitis* sebagai langkah mengelakkan wabak ini dari dibawa masuk ke negara ini. Walaupun kadang-kadang kita nampak di dalam buku catatan perubatan mereka, mereka telah diberikan imunisasi ini di negara mereka. Adakah langkah bagi pihak kerajaan untuk menentukan mereka diberikan imunisasi ini apabila mereka masuk ke negara kita.

Tuan S.G.Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya langkah vaksin yang diberikan kepada jemaah haji ini tidak boleh disamakan dengan mereka dengan pendatang ataupun pengunjung-pengunjung ke negara kita ini. Vaksin kepada jemaah haji diberikan untuk memastikan oleh kerana di kawasan *sub-sahara desert* ini adalah lebih, walaupun, ini adalah sejenis penyakit *endemic* tetapi di kawasan-kawasan tersebut kerana kesesuaian *climax* dia dan bakteria ini mudah merebak, itulah sebabnya ianya disyaratkan supaya jemaah haji yang pergi ke Mekah itu supaya mereka mendapat vaksin ini.

Bagi mereka yang datang ke negara kita ini, kita tidak perlu bimbang kerana ini adalah cara *endemic* dan bakteria ini memang kalau diperhatikan mungkin terdapat banyak di antara kita yang mungkin aktif *carrier* tetapi ini tidak membawa apa-apa mudarat kepada kita, iaitu ianya tidak mudah merebak kepada mana sesiapa sahaja kecuali ada satu konteks yang begitu rapat dan itu pun tidak biasa berlaku.

*Probability*nya adalah amat rendah dalam negara kita cuma 50 kes setahun saja. Jadi ini kita tidak boleh mensyaratkan semua pengunjung ke negara kita ini mendapat vaksin untuk *meningococcal meningitis* ini tidak ada menjadi satu keperluan sebenarnya dalam negara kita ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negara kita merupakan salah satu negara yang mempunyai sistem perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang terbaik di dunia. Walau bagaimanapun

serangan, kejadian ataupun *outbreak* dengan izin juga berlakunya penyakit tertentu tidak boleh duga, misalnya seperti yang kita ada itu *meningococcal meningitis* ini dan juga penyakit-penyakit lain. Tetapi apa yang menyedihkan ialah apa penyakit yang kita memang tidak tahu akan berlaku misalnya penyakit yang dibawa oleh *aedes*, Tuan Yang di-Pertua, *denggi*.

Yang kita tahu musim atau *outbreak* berlaku pada masa tertentu. Yang lebih memalukan lagi ialah apabila melibatkan pelancong dan juga peserta sukan misalnya suatu ketika dahulu, di mana beberapa peserta sukan kita telah kena denggi dan tidak boleh menyertai sukan tersebut.

Soalan saya ialah apakah kerajaan mempunyai satu kerangka khas dalam menangani masalah ini meramalkan berlakunya wabak ini supaya perkara ini dapat ditangani dengan serius dan tidak menjejaskan imej negara dan jikalau boleh perkara ini hendaklah melibatkan seluruh anggota kementerian untuk memastikan kita ini bebas dan dapat menangani masalah-masalah seperti ini supaya tidak menjejaskan imej negara, terima kasih.

Tuan S.G.Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat mengkhususkan soalan ini berkaitan dengan denggilah, kalau saya tidak silaplah. Jadi berkaitan dengan denggi memanglah amaran telah pun diberikan pada awal tahun ini dan begitu *World Health Organisation* ataupun *WHO* telah memberi amaran bahawa denggi ini merebak pada kadar yang amat serius di semua negara-negara tropika kerana perubahan cuaca di kawasan-kawasan seumpama ini yang menjadi begitu sesuai untuk nyamuk-nyamuk *aedes* membiak.

Jadi ini memang tanggungjawab untuk memastikan bahawa tiada nyamuk itu, memanglah adalah tanggungjawab rakyat. Jadi kita mesti memastikan bahawa kita menjaga persekitaran kita. Kita tahu kenapa bagaimana ia boleh membiak, jadi cara yang terbaik ialah supaya menghalang ianya daripada membiak.

Daripada segi kementerian kita juga memberi kesedaran kepada rakyat dan juga telah memberi amaran pada awal tahun ini dan juga kita telah pun mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan supaya mengambil tindakan serta-merta seperti memastikan bahawa kawasan-kawasan yang mudah merebak seperti di mana *aedes* boleh membiak seperti di kawasan-kawasan pembinaan, pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya supaya mereka mengambil langkah-langkah memastikan bahawa *aedes* ini tidak membiak. Dan juga rakyat pun mesti mengambil inisiatif mereka sendiri supaya tidak memberi ruang untuk *aedes* membiak dan masalah yang kita hadapi sekarang ini adalah wujudnya *strains virus* yang baru seperti *denfour* yang telah muncul baru-baru ini, ia adalah satu *strain* yang begitu merbahaya dan ini boleh memb

awa mudarat kematian kepada pesakit iaitu pendarahan dan sebagainya.

Jadi, saya percaya, Kementerian Kesihatan berharap semua agensi kerajaan bersama-sama khususnya pihak berkuasa tempatan akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan dan juga masyarakat tempatan supaya memastikan bahawa tindakan ini diteruskan sepanjang masa.

8. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang telah diberikan bantuan sara hidup.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, skim bantuan sara hidup bagi pekebun kecil getah daif adalah merupakan salah satu daripada tujuh skim bantuan Kerajaan Persekutuan kepada pekebun kecil getah yang dilaksanakan pada tahun 2001. Skim bantuan ini adalah khusus untuk pekebun kecil getah yang berpendapatan keluarga tidak melebihi RM230 sebulan.

Sejak skim ini dilaksanakan pada April 2001 sehingga 31 Ogos 2002 seramai 40,978 orang pekebun kecil getah telah dibayar bantuan sara hidup dengan nilai bantuan RM59,403,314. Sekian.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan daripada jumlah pekebun kecil getah dan kelapa sawit di negara kita ini, berapa peratus yang mendapat bantuan sara hidup, daripada angka yang diberikan itu adalah berapa peratus daripada jumlah

pekebun kecil getah dan kelapa sawit dan adakah ini adalah satu sistem sekuriti sosial iaitu melalui bantuan sara hidup yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan mendatangkan *political mileage* yang sangat baik kepada Barisan Nasional, tolong huraikan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat mengenai peratusan jumlah ini daripada peratusan keseluruhan pekebun kecil getah dalam negara, saya tidak ada perangkaan ini, tetapi saya ada *breakdown* mengenai penerima-penerima mengikut negeri-negeri dan ingin saya maklumkan di sini bahawa ini memanglah satu cara kita dapat membantu golongan-golongan ini khasnya pada masa pasaran atau harga getah telah merudum jatuh, ini adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk meringankan beban-beban mereka semasa menghadapi masalah ini. Insya-Allah, dari semasa ke semasa saya difahamkan bahawa jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat kajian dari semasa ke semasa sama ada program ini akan diteruskan mengikut keadaan dari segi harga getah, tetapi setakat ini jumlah yang saya beritahu tadi adalah jumlah yang telah diambil kira yang memenuhi keperluan mereka yang memerlukan.

Jadi, dari semasa ke semasa memang dibawa di dalam mesyuarat untuk menentukan sama ada program ini akan diteruskan dari masa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi pihak Gelang Patah menegaskan bahawa program ataupun skim bantuan sara hidup ini ada nilai *political mileage* kepada Kerajaan Barisan Nasional. Praktisnya kita nampak begitulah.

Sebab kes yang berlaku di Kelantan khususnya saya merujuk kepada satu kes di Pasir Puteh. Seorang ketua cawangan PAS untuk menerima bantuan sara hidup ini dipaksa tampil di pentas ceramah UMNO untuk mengisytihar masuk UMNO untuk mendapatkan skim ataupun bantuan sara hidup ini. Dan perkara itu telah berlaku dan memang beliau telah menerima sara hidup ini.

Jadi, pada pandangan Ahli Yang Berhormat apakah nilai *political mileage* yang diguna pakai dalam usaha mengambil kesempatan di atas kesusahan rakyat terhimpitnya pekebun kecil kita, ini akan membawa suatu peningkatan taraf hidup mereka khususnya pekebun kecil getah ataupun kelapa sawit ini kerana kita lihat tidak ada usaha-usaha yang bersifat susulan bagi membantu mereka ini untuk melepasi garis kemiskinan yang menjadi syarat untuk mereka maju kepada kemajuan yang telah pun dinikmati oleh seluruh rakyat pada hari ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi yang memang orang kata berunsur juga *political*. Dari segi soalan *political mileage*, itu terpulanglah kepada perasaan Yang Berhormat masing-masing.

Jadi, bagi Kerajaan Barisan Nasional masa itu harga getah begitu teruk, termasuk juga harga kelapa sawit, jadi ini adalah langkah yang diambil secara spontan dan cepat untuk membantu rakyat, bermaknanya begitu prihatinnya Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil langkah yang begitu cepat.

Dari segi impaknya, Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bolehlah pergi bertanya kepada mereka yang telah menerima, mereka begitu bersyukur, berterima kasih kepada kerajaan dalam masa-masa memerlukan ini, Kerajaan Barisan Nasional telah membantu. Kita tidak bercakap sahaja tetapi kita melaksana dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk memastikan bahawa apa segala maklum balas-maklum balas, teguran-teguran yang telah dibawa ke hadapan, kita sekarang ini di dalam proses melantik juru perunding atau konsultan untuk menjalankan suatu kajian impak mengenai bantuan sara hidup getah ini khasnya di kawasan Jeli dan Kuala Krai. Terima kasih.

9. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan keadaan imbalan perdagangan negara kita dengan negara luar pada tahun 2001 dan enam bulan pertama tahun 2002.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2001 Malaysia telah

mencatatkan lebih imbalan perdagangan berjumlah RM53.7 bilion. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2002 pula menikmati lebih sebanyak RM22.7 bilion, ini merupakan lebih perdagangan bagi 56 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa bagi tahun 2001 Malaysia menikmati lebih perdagangan dengan 160 buah negara yang bernilai di antara RM1,900 dan RM22.8 bilion. Amerika Syarikat merupakan negara yang mana Malaysia mencatat lebih dagangan paling tinggi iaitu berjumlah RM22.8 bilion diikuti oleh Singapura RM21.4 bilion. Belanda RM13 bilion, Hong Kong RM8.1 bilion dan India RM3.1 bilion.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2002 pula, Malaysia telah mencatat lebih imbalan perdagangan dengan 176 buah negara yang menilai di antara RM214 dan RM11.5 bilion.

Negara utama yang mana Malaysia mencatat lebih dagangan paling tinggi ialah Singapura, dengan nilai RM11.5 bilion diikuti oleh Amerika Syarikat RM9.7 bilion, Belanda RM5.3 bilion, Hong Kong RM4.9 bilion dan India RM1.7 bilion. Sekian, terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, izinkan saya meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu tentang barangan ataupun produk import dan eksport utama negara kita serta destinasi utama import dan eksport negara kita. Walaupun negara kita mencatat lebih dalam imbalan perdagangan dengan negara luar, apakah langkah-langkah lagi kementerian akan menjalankan untuk meningkatkan lagi produk eksport dan mengurangkan produk import di negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, destinasi utama eksport negara kita ialah ASEAN yang menyumbang sebanyak 26.4%, Amerika 21.3%, European Union – 12.2%, Jepun 11.2%. Inilah adalah angka-angka untuk tempoh Januari hingga Julai tahun ini. Produk utama yang kita eksport mengikut kategori ialah barangan perkilangan sebanyak 83.3% di mana kebanyakan ialah elektronik dan elektrik 57.3%, chemical, barangan kimia – 4.7%, minyak kelapa sawit – 4.1% dan *machinery* – 3.3%.

Untuk sumber import, negara yang terbesar ialah ASEAN sebanyak 23.1%, Jepun 17.6%, USA – 17.1%, EU – 11.3% dan barangan yang kita import mengikut kategori ialah untuk *intermediate goods* atau barangan perantaraan sebanyak 71.6%, barangan modal atau *capital goods* – 15.1% dan *consumer goods* sebanyak 6.2% kalau ikut produk ialah elektrik dan elektronik – 49%, *machinery* – 8% dan kimia – 7.1%.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh MITI dan MATRADE untuk terus mempromosikan eksport termasuk usaha memperbanyak lagi misi perdagangan untuk meningkatkan pasaran sedia ada dan pasaran utama seperti USA, Europe, Jepun, China, Korea Selatan dan Taiwan. Kita juga sedang berusaha memperluaskan lagi dan menembusi pasaran baru seperti pasaran di Asia Barat dan mengambil usaha mempromosikan barangan baru, produk baru dan juga produk yang berjenama Malaysia, termasuk mempromosikan eksport perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa imbalan dagangan positif ini kita perolehi apabila eksport melebihi import. Kita dapati 20% daripada eksport kita adalah ke negara Amerika Syarikat dan lebih kurang 15% ke negara Eropah dan kita sedia maklum ada kemungkinan bahawa permintaan dari negara-negara tersebut akan jatuh begitu teruk bermula daripada sekarang ini.

Jadi, soalan saya, apakah persediaan yang dibuat oleh kerajaan sekiranya berlaku kejatuhan teruk dari segi eksport kita ke negara-negara tersebut dan ke negara lain untuk memastikan ekonomi negara kita secara keseluruhannya tidak terjejas.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan kita sedari kemungkinan besar dalam separuh tahun yang kedua, keadaan yang kurang tentu di USA mungkin kita akan menghadapi eksport yang lebih rendah di pasaran USA. Oleh sebab itu kita sedang berusaha untuk mempromosikan lagi eksport di Asia Barat dan juga di pasaran ASEAN.

Kita lihat baru-baru ini, di pasaran ASEAN eksport kita telah pun meningkat. Selain daripada itu dua destinasi yang terbesar di mana kita lihat ada peningkatan yang besar iaitu negara China dan Netherlands. Pasaran di situ amat bagus dan kita sedang berusaha mempertingkatkan lagi eksport ke negara-negara tersebut.

Oleh itu Menteri MITI telah memperbanyakkan lagi misi perdagangan ke negara China. Pada tahun ini ada dua misi ke negara China di mana eksport telah meningkat dalam kadar melebihi 30% pada tahun ini.

10. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh manakah siasatan terhadap penyelewengan dan kerugian berjuta-juta ringgit dalam urus niaga kargo milik Penerbangan Malaysia (MAS Kargo) yang beroperasi di Harn, Jerman.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Siasatan yang dijalankan di dalam negeri adalah hampir selesai yang mana 22 daripada 24 saksi tempatan telah diarah ataupun telah diarah untuk menjawab persoalan berkaitan dengan perkara ini dan percakapan mereka telah dirakamkan oleh pihak polis dalam penyelesaian dan tinjauan kes ini.

Seterusnya lima orang saksi lagi akan dipanggil bagi siasatan lanjut di Jerman dan Amerika Syarikat untuk mengesahkan maklumat-maklumat yang terkumpul setakat ini. Pihak berkuasa masih menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa Jerman dan Amerika Syarikat untuk memulakan siasatan di negara-negara yang berkenaan. Sekian.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagaimana yang kita maklum kes MAS ini telah dibawa ke Parlimen ini setahun yang lalu yang mana Menteri Kewangan pada ketika itu, Ahli Parlimen bagi Merbok sekarang ini telah menjanjikan bahawa kes pembelian MAS balik oleh kerajaan dengan kadar harga lebih kurang RM8 itu adalah munasabah.

Kemudiannya, kita mendengar bahawa ada kes-kes yang meragukan dan mungkin melibatkan kegiatan-kegiatan jenayah dan ini disebut sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Lagi pula tokoh yang terlibat ini termasyhur akhir-akhir ini dengan kes di TRI, RM260 juta, dapat pampasan RM38 juta dan membeli kereta mewah dengan RM1 harganya.

Jadi saya harap bahawa polis dan kementerian mengambil tindakan yang lebih tegas dan lebih efisien dan menganggap ini suatu yang *fast track* memandangkan pihak polis dan kerajaan dan kementerian pun banyak kes yang hendak dilakukan. Kes laporan berkenaan dengan penyelewengan dalam Puteri UMNO.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: kes penyelewengan [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah, yang lain-lain Yang Berhormat ya. Cukuplah Yang Berhormat, soalan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yalah, yang lain-lainlah yang masyhur juga. Jadi adakah kementerian boleh berjanji akan mengenakan satu masa yang akan diputuskan, tindakan akan diambil terhadap penjenayah-penjenayah itu. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Perkara ini bersabit dengan penyelewengan yang dikaitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat. Puteri UMNO tidak terlibat dengan kes ini. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itu saya tegur tadi. [*Ketawa*] Sebab itu saya tegur, Yang Berhormat, ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kementerian Dalam Negeri tidak berhajat untuk hendak menjawab kes itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jawab yang terlibat sahaja Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kes yang dimaksudkan ini memang telah kita ambil tindakan. Pihak polis Bahagian *Commercial Crime* berasaskan laporan yang telah dibuat pada bulan Januari tahun ini, bukan tahun lepas, tahun ini, ya. Iaitu laporan yang telah dibuat *Report 347/02* di Dang Wangi pada 4 Januari 2002. Daripada 24 saksi, 22 telah selesai. Yang timbul masalah kita untuk pengetahuan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa minta kebenaran daripada pihak Kerajaan Jerman dan kebenaran daripada pihak Kerajaan Amerika Syarikat untuk membenarkan pasukan kita masuk ke negara yang berkenaan dan membuat penyiasatan kepada orang-orang dan syarikat-syarikat yang tertentu.

Saya telah memaklumkan bahawa kebenaran untuk kita masuk ke dalam negara yang berkenaan membuat penyiasatan ini masih belum kita dapat. Saya tidak dapat hendak beritahu berapa cepat kita boleh dapat kerana ini bukan kerajaan kita. Ini kerajaan orang, kita tak boleh main langgar, terban ikut suka hati kita sahaja.

Jadi untuk pengetahuan, minta maaf tidak boleh hendak bagi keputusan, kerana ini keputusan bukan kita yang buat, Jerman dan Amerika yang buat keputusan ini.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG

MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Menteri Pembangunan Usahawan.

11.03 pagi.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta Majlis MARA (Pindaan) 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Akta Majlis MARA tahun 1966 iaitu Akta 489 yang digunapakai oleh Majlis Amanah Rakyat atau MARA telah berkuat kuasa pada 1 Mac 1966. Akta ini mengadakan peruntukan mengenai kewajipan ke atas MARA untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam Malaysia khususnya kawasan-kawasan luar bandar.

MARA telah mengendalikan program pendidikannya dari persekolahan menengah di Maktab Rendah Sains Mara dan Kolej Mara sehingga ke program di peringkat sijil dan diploma di Kolej Profesional Mara, Kolej Yayasan Pelajaran Mara dan Akademik Infotek Mara serta menyediakan kemudahan penganjuran pelajaran.

Manakala program latihan teknikal dan vokasional di peringkat sijil sehingga diploma dijalankan di Pusat Giat Mara, Institusi Kemahiran Mara dan Institusi Kemahiran Tinggi Mara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, RMK6, hingga Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak tujuh buah institusi kemahiran tinggi Mara atau IKTM telah diluluskan penubuhannya oleh pihak kerajaan untuk mengendalikan pelbagai program latihan teknikal, kejuruteraan tahap diploma selaras dengan pembangunan tenaga kerja pada peringkat pertengahan bagi beberapa sektor perindustrian yang kritikal dan strategik.

IKTM-IKTM yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (i) German Malaysian Institute (GMI) iaitu dalam bidang *instrumentation and production technology*;
- (ii) Malaysia France Institute (MFI) dalam bidang *machine building and industrial maintenance technology*;

- (iii) British Malaysian Institute (BMI) dalam bidang *communication and industry electronic*;
- (iv) Malaysian Spanish Institute (MSI) dalam bidang *automotive and component manufacturing*;
- (v) Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT) dalam bidang *aircraft maintenance* dan *component manufacturing*;
- (vi) Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology (MICET) iaitu dalam bidang *industrial chemistry* dan *production technology*; dan
- (vii) Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (MIMET) dalam bidang *ship building technology* dan *design*.

Selain itu, MARA juga telah menubuhkan lima buah Kolej Profesional MARA atau KPM yang mengendalikan program latihan dalam bidang pengurusan teknikal pada tahap diploma seperti pengurusan kewangan, perniagaan dan *industrial communication*, dengan izin.

Di samping itu beberapa program yang dikendalikan oleh Institut Kemahiran Mara telah juga ditingkatkan ke tahap diploma untuk memenuhi keperluan tenaga kerja terlatih pada peringkat pertengahan.

IKTM, KPM dan sebilangan IKM telah mengendalikan program latihan formal dua setengah hingga tiga tahun pada tahap diploma dan diploma lanjutan iaitu setaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap empat dan lima.

Sasaran utama program latihan sepenuh masa ini ialah untuk pelajar lepasan SPM yang mencatatkan pencapaian sederhana setiap tahun. Bilangan mereka adalah tinggi berbanding kumpulan lain tetapi mereka tidak mendapat tempat atau tidak memenuhi kelayakan yang diperlukan bagi mengikuti program ijazah akademik di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Penubuhan IKTM juga bertujuan untuk memberi laluan kepada peningkatan latihan para lulusan peringkat sijil, SKM 3 lepasan institusi-institusi latihan kemahiran kendalian MARA dan agensi-agensi latihan yang lain. Di samping itu IKTM juga menawarkan latihan sambil kerja kepada para pekerja industri.

Umumnya IKTM merupakan pusat latihan industri yang menyediakan tenaga kerja peringkat pertengahan yang kritikal dan strategik mengikut keperluan sektor perindustrian yang berteknologi tinggi. Pembangunan kurikulum program latihan IKTM pada peringkat diploma ini memberi penekanan yang seimbang di antara kandungan teori dan aplikasinya dengan mengambil kira segala keperluan badan-badan pelesenan dan *regulatory bodies* dengan izin, di sektor perindustrian tempatan dan antarabangsa.

Pengurusan setiap IKTM dikendalikan oleh Lembaga Pengarah dengan keahlian terdiri daripada mereka yang mewakili sektor awam dan sektor swasta industri berkaitan termasuk wakil kerajaan asing yang bekerjasama dengan penubuhan IKTM berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, MARA menghadapi pelbagai isu dan masalah dalam membangunkan program latihan bercorak vokasional di mana pembangunan kurikulumnya tidak semata-mata memberi penekanan kepada bidang akademik. Program ini juga perlu disesuaikan untuk pelajar-pelajar lepasan SPM yang mempunyai pencapaian pada tahap sederhana yang cemerlang dalam subjek terpilih.

Ketika ini, program kemahiran vokasional adalah terbatas pada tahap diploma, SMK 4 atau diploma lanjutan sahaja SKM 5. Program yang terminal ini menjadi kurang menarik kepada kumpulan pelajar yang ingin meningkatkan kelayakan mereka selanjutnya.

Diploma yang diperoleh pula tidak menjamin pemegangnya diterima sepenuhnya untuk meneruskan pengajian program ijazah yang hampir kesemuanya bercorak akademik. Sebaliknya pusat-pusat pengajian tinggi aliran vokasional di luar negara menerima dengan mudah pemegang diploma berkenaan sekiranya mereka memohon untuk terus mengikut program Ijazah Pertama dengan tambahan masa satu atau dua tahun sahaja. Namun kebanyakan pelajar bumiputera kurang berkemampuan untuk membiayai pengajian mereka di negara-negara asing tersebut.

Batasan yang dihadapi oleh IKTM-IKTM tersebut menjadi lebih ketara dalam kes-kes tertentu apabila tindakan yang dilaksanakan mereka telah tidak diberi pengiktirafan sewajarnya. German Malaysian Institute atau GMI dengan izin, menawarkan Program Bachelor Teknologi telah dinasihatkan supaya menukarkan nama *bachelor* kepada Diploma Lanjutan kerana hanya IPTA sahaja yang boleh menganugerahkan ijazah pertama iaitu *bachelor*.

Untuk itu pihak institusi berkenaan terpaksa bekerjasama dengan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussin Onn bagi membolehkan ijazah tersebut dapat dianugerahkan kepada pelatih-pelatih yang lulus kelak. Penubuhan UNITEK MARA akan membuka laluan bagi pelajar-pelajar IKTM tersebut yang melanjutkan pelajaran untuk dianugerahkan ijazah dalam bidang kemahiran teknikal.

Penubuhan universiti yang dicadangkan ini akan melengkapkan para pemegang diploma yang terlatih dan berpengalaman dengan pengetahuan pengurusan, perundangan, pembangunan sumber manusia, perakaunan, ekonomi, kepimpinan serta peningkatan teknikal dan kejuruteraan khusus untuk sektor perindustrian tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, UNITEK MARA akan mengendalikan program mengikut beberapa kategori seperti program ijazah satu, dua tahun sebagai lanjutan program diploma IKTM, IKP, IKM dan program diploma taraf keluaran institusi-institusi pengajian lain.

Program ijazah iaitu tiga, empat tahun dalam bidang *soft trade* dengan izin, seperti *industrial product design* untuk melengkap program *hard trade* yang dikendalikan di IKTM.

Untuk lepasan SPM, program sambil kerja dan program *online* untuk memberi peluang kepada para pekerja dan mereka yang tidak berupaya mengikut program sepenuh masa dan program pasca ijazah dan latihan perguruan teknikal untuk meningkatkan kepakaran ahli-ahli profesional tertentu. Bilangan *enrolment* pelajar bagi program-program di bawah kelolaan UNITEK MARA pada satu-satu masa pula dianggarkan berjumlah 32,200 orang.

Penubuhan UNITEK MARA akan membuka laluan kerjaya alternatif di bidang kemahiran vokasional yang lebih luas seiring dengan laluan perdana kerjaya di bidang akademik sedia ada, khususnya kepada para lepasan SPM yang tidak memenuhi syarat kelayakan atau tidak berjaya ditempatkan di IPTA.

Penubuhan UNITEK MARA juga meningkatkan daya tarikan bagi program-program yang tidak mengutamakan pencapaian akademik yang tinggi. Ini akan meningkatkan kadar *enrolment* pelajar aliran vokasional di Malaysia setanding dengan kedudukan negara-negara perindustrian maju yang menekankan kepada pewujudan golongan *technologist* yang lebih berkebolehan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tahap dan teknologi dan kecanggihan peralatan moden yang digunakan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

UNITEK MARA adalah merupakan universiti industri di mana keperluan industri berteknologi tinggi tertentu iaitu *specific industry*, dengan izin, dipenuhi melalui program-program pada peringkat diploma. Keperluan pembangunan guna tenaga di tahap seterusnya akan dipenuhi melalui program ijazah dan pasca ijazah.

Penubuhan UNITEK MARA juga akan mengoptimumkan penggunaan peralatan dan kemudahan sedia ada, khususnya di IPTM di mana kos pembangunan yang tinggi telah dilaburkan untuk menyediakan kemudahan dan peralatan yang serba canggih.

Oleh itu, penubuhan UNITEK MARA tidak memerlukan kos tambahan yang tinggi bagi membiayai peralatan di mana sebahagian besar peruntukan pembangunan yang dipohon adalah untuk penyediaan sistem pengurusan dan pembelajaran serta kemudahan *online*.

Tuan Yang di-Pertua, kelangsungan daripada aktiviti-aktiviti pendidikan dan latihan yang dijalankan, MARA telah membuat permohonan kepada Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan sebuah universiti iaitu Universiti Teknikal MARA di

bawah Seksyen 21, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 iaitu Akta 555 bagi membolehkan pelajar-pelajar dianugerahkan ijazah dalam bidang kemahiran teknikal.

Bagi menubuhkan sebuah universiti, Seksyen 12(1), Akta 555, menghendaki sesuatu syarikat diperbadankan yang tujuan tunggalnya adalah menubuhkan dan menguruskan institusi pendidikan tinggi yang dinyatakan dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan.

MARA sebagai badan berkanun adalah tertakluk kepada apa-apa kuasa yang telah diperuntukkan di bawah Akta 489 yang mewujudkannya. Dalam Akta 489, tiada perenggan yang menyatakan kuasa bagi MARA untuk menubuhkan syarikat. Dengan itu, adalah tidak mungkin bagi MARA untuk menubuhkan sebuah universiti selaras dengan keperluan Akta Pendidikan Swasta.

Dengan itu, adalah perlu bagi MARA untuk menyediakan peruntukan khusus dalam Akta 489 untuk membolehkan dan memberi kuasa kepada MARA untuk menubuhkan syarikat. MARA juga perlu menambahkan satu peruntukan bagi mengesahkan tindakan MARA menubuhkan syarikat sebelum pindaan dilakukan.

Sehubungan dengan itu, pihak MARA telah dipelawa oleh Menteri Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan Universiti Teknikal MARA dengan memberi aku janji bahawa MARA akan meminda Akta 489 seperti yang dicadangkan.

UNITEK MARA akan beroperasi sebagai sebuah IPTS untuk meneruskan *efficiency*, dengan izin, pengurusan dan memudahkan jalinan dengan pihak industri sebagaimana yang telah diamalkan dalam pengurusan IPTS. Sebagai langkah sementara, MARA akan mewujudkan kampus induk dan pentadbiran UNITEK MARA, IPTM yang lain akan menjadi *associates*, dengan izin, kepada UNITEK MARA.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memperincikan cadangan pindaan kepada Akta Majlis MARA 1996 meliputi satu seksyen yang melibatkan pindaan dan peruntukan baru. Antara cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pindaan bagi subseksyen 6(2), Akta 489 adalah bagi membolehkan majlis mempunyai kuasa yang lebih luas untuk menunaikan kewajipan di bawah akta ini dengan lebih baik.
- (ii) Pindaan untuk subseksyen 6(2)(c) dan 6(2)(e) serta perenggan baru 6(2)(d) khususnya, akan membolehkan majlis menubuhkan syarikat supaya aktiviti yang dapat dijalankan dengan lebih baik oleh suatu entiti yang berasingan boleh dijalankan oleh syarikat sedemikian dan bukannya oleh majlis sendiri.
- (iii) Pindaan lain kepada subseksyen 6(2), Akta 489 yang tidak diperkatakan dalam huraian, merupakan pindaan kecil.
- (iv) Penambahan Seksyen 6(3) khususnya, membolehkan UNITEK MARA dan institusi-institusi pendidikan lain yang ditubuhkan oleh MARA supaya didaftar dan dikawal di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan memperkukuhkan peranan MARA di dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan untuk rakyat bagi memastikan segala perancangan dan aktiviti berjalan lancar, teratur dan sempurna serta dapat memenuhi keperluan pembangunan negara dan cabaran masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002 dibahaskan di Dewan yang mulia ini untuk kali kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokongan?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta

untuk meminda Akta Majlis Amanah Rakyat 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jeli.

11.21 pagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Saya, dalam membincangkan pindaan rang undang-undang yang melibatkan Majlis Amanah Rakyat, namanya cukup strategik sekali yakni majlis amanah kepada rakyat. Jadi, rakyat memberi harapan yang tinggi kepada MARA untuk berfungsi dan berperanan sejajar dengan namanya sendiri yakni Majlis Amanah Rakyat itu sendiri.

Ada pun MARA ini dahulunya adalah RIDA, sebelum 1965. Daripada nama Inggeris, menggunakan sinonim daripada Inggeris, RIDA, ditukar kepada nama sinonim Melayu, MARA, Majlis Amanah Rakyat.

Yang sebenarnya saya tidak melihat sebarang perkara yang luar biasa dari segi pindaan yang hendak dilakukan ini kerana sebelum daripada ini pun, memang MARA sudah pun membuka beberapa syarikat perniagaan mereka, menjalankan beberapa aktiviti perniagaan mereka. Di antara yang terlekat di kepala rakyat Malaysia dari sudut perniagaan MARA, yang masyhur ialah syarikat-syarikat bas itu sendiri yakni MARA Holdings, syarikat pengangkutan.

MARA Holdings dan dahulunya terlibat secara besar-besaran di dalam sektor pengangkutan lori itu sendiri. Tetapi apa yang diharapkan oleh rakyat semua terutama rakyat bumiputera yang mana MARA ini lebih khusus kepada hendak menjaga kepentingan rakyat bumiputera, sebab apa yang kita lihat ialah walaupun MARA telah diberikan banyak peluang sebagai syarikat kerajaan, kemudahan-kemudahan dari segi berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berpatutan dan juga dengan modal-modal yang diberikan oleh kerajaan.

Maka, kita harapkan supaya janganlah selepas ini, peristiwa yang sama, nasib yang sama yang berlaku kepada beberapa syarikat-syarikat MARA yang telah menjalankan perniagaan-perniagaannya mengalami nasib yang sama seperti mana syarikat pengangkutan lori dan juga seperti mana yang dialami oleh syarikat pengangkutan kenderaan awam yakni bas itu sendiri.

Yang kita sangat curiga ialah atas alasan apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjualkan MARA Holdings kepada satu pihak yang lain kerana kalau kita lihat bahawa kemampuan pihak yang membelinya sangat-sangat dicurigai.

Kerana kita lihat, kita bimbang syarikat yang membeli itu bukan lebih berminat kepada pengangkutan itu sendiri tetapi lebih berminat kepada harta-harta yang dimiliki oleh MARA Holdings itu sendiri. Ditakdirkan oleh Allah s.w.t, MARA Holding ini mempunyai harta-harta yang strategik di bandar raya-bandar raya terutamanya negara kita. Jadi, mereka melihat lebih kepada sudut pembangunan hartanah, lebih daripada hendak melicinkan operasi kenderaan MARA itu sendiri.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, yang kebetulan sahabat baik saya, saya suka bergurau dengan Yang Berhormat Menteri ini. Saya hendak tanya adakah Nadicorp sudah membayar sepenuhnya kepada MARA Holdings dari segi pengambilan MARA Holdings itu sendiri dan setakat ini, setakat mana kerajaan melihat tentang kejayaan dan pembaharuan dan juga *niche*, dengan izin, yang telah dilakukan oleh syarikat MARA Holdings itu sendiri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beberapa pengalaman syarikat MARA yang kita perhatikan adalah antaranya syarikat MARA yang dahulunya pernah terlibat dari segi pembuatan, dengan izin, *chopstick* dan juga *toothpick*. Yang ini diperbuat daripada buluh dan kebetulan syarikat-syarikat itu dibina di dalam kawasan Parlimen saya.

Tetapi setelah beroperasi hampir lima tahun, akhirnya syarikat ini terpaksa menghadapi keadaan 'gulung tikar'. Begitu juga selepas itu, syarikat MARA juga telah beroperasi dari segi pembuatan sarung tangan getah dan nasib yang sama juga yang dihadapi oleh syarikat MARA yang terlibat dari segi pembuatan sarung tangan getah. Cuma saya difahamkan, syarikat yang benar-benar maju yang dioperasikan oleh MARA tetapi akhirnya dijual. Umpamanya sepatu yang mana kasut dan sepatu ini akhirnya

dijual kepada pihak-pihak tertentu walaupun syarikat ini mendapat kontrak yang tetap dengan jabatan-jabatan kerajaan terutama tentera, polis dan sebagainya.

Tetapi syarikat-syarikat yang untung ini nampaknya dijual kepada pihak-pihak yang tertentu. Begitu juga dari segi syarikat MARA yang terlibat dari segi pembekal kain putih yang mana saya difahamkan dahulu banyak pembuat batik dalam negara kita yang membeli kain putih daripada MARA kerana MARA mendapat *exclusive rate* untuk mengimport kain-kain putih ini dari negara-negara yang boleh membekalkan kain putih ini dengan murah dan syarikat itu, sememangnya memberi keuntungan yang baik kepada MARA dan bila mana memberi keuntungan yang baik kepada MARA, dengan sendirinya memberi keuntungan yang baik kepada rakyat tetapi akhirnya syarikat ini terpaksa dalam keadaan untuk dijual.

Sebab itulah saya minta pengalaman-pengalaman yang lepas, walaupun sekarang ini cuba dibuat pindaan, dahulunya MARA sudah berniaga dan ada syarikat-syarikat dia yang menjalankan perniagaan. Saya harapkan selepas daripada ini, janganlah syarikat-syarikat yang ada untung, maka dijual kepada orang-orang yang tertentu.

Sebab itulah saya cukup tertarik dengan bekas Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Ikhtisad Negeri Terengganu. Semasa beliau membuka Kemaman Supply Base di Terengganu, Kemaman Supply Base ini mendapat keuntungan tidak pernah kurang daripada RM10 juta setahun pada ketika itu. Sekarang ini telah diambil alih oleh Road Builders yakni operator kepada Pelabuhan Kuantan.

Dato' Aziz Ibrahim, bekas Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Ikhtisad Negeri Terengganu, dia kata kepada akauntan dia, kita buat untung kecil-kecil kerana kalau kita buat untung besar, nanti PNB atau orang-orang tertentu akan berminat hendak ambil syarikat ini.

Begitulah juga yang berlaku kepada syarikat-syarikat Terengganu yang lain, di mana syarikat-syarikat yang nampak untung lebih, maka penguasa negeri pada ketika itu dia cenderung hendak beri kepada orang yang popular pada ketika itu, minta izin, dengan maaf, Tan Sri Yahya, yang diberikan DRB Hicom. Semua benda hendak diberikan kepada Tan Sri Yahya. Sebab itulah Golden Pharaohs, Epic dan sebagainya diberi kepada Tan Sri Yahya tetapi negeri tidak mendapat apa-apa pulangan yang baik daripada pemberian-pemberian syarikat ini kerana namanya, maka kita jadi panik dan gelabah.

Jadi, sebab itulah saya minta pada kali ini, MARA lebih berhati-hati kerana MARA ini namanya cukup sinonim dengan rakyat. Jarang nama-nama jabatan lain menggunakan rakyat sebagai sinonim kepada jabatannya, tetapi MARA ini adalah untuk rakyat.

Sebab itu, saya hendak juga menegur dan juga memberi pandangan saya kepada MARA itu sendiri kerana pada satu ketika, MARA, oleh kerana di bawah dua ketua pengarah sebelum ini, Dato' Ridzuan yang merupakan seorang akauntan, kerana kecenderungan beliau untuk terlibat dari segi teknologi-teknologi tinggi, maka MARA membuka beberapa syarikat, umpamanya Toolstronic. Kemudian daripada Toolstronic, dia mengadakan joint venture dengan German Malaysia Institute (GMI) tetapi apa yang kita lihat, Toolstronic ini hajat dan hasratnya baik kerana pada ketika itu dilihat bahawa tidak ada lagi pada ketika itu syarikat bumiputera yang terlibat dari segi, dengan izin, *tools and die*.

Maka, ditubuhkanlah Toolstronic yang berpejabat di Petaling Jaya untuk terlibat dari segi pembuatan acuan, *mould making*, dengan izin, dengan *tools and die*. Tetapi akhirnya kita lihat, tidak boleh ke mana-mana juga Toolstronic ini. Mereka mampu mengeluarkan beberapa lepasan-lepasan yang dinamakan diploma atau sijil, tetapi mereka ini tidak mampu untuk mengendalikan secara sendirian dan sentiasa menjadi pekerja kepada orang.

Jarang sangat kita dengar kerana sekarang ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sedih bumiputera yang terlibat dari segi pembuatan *tools and die* ini bumiputera mungkin tinggal satu atau dua lagi syarikat. Jadi, saya minta MARA mungkin kaji balik penglibatan beliau dalam Toolstronic dan juga usaha sama dengan German Malaysia Institute sekarang ini supaya membina balik bidang ini kerana syarikat-syarikat bumiputera lain semua sudah menghadapi masalah yang berat kerana

sektor ini kita kena ingat, negara kita mengimport lebih daripada RM1.4 bilion setahun dari sektor *tools and die*, dengan izin.

Jadi sebab itulah sektor ini mungkin kita boleh kembangkan dan syarikat yang paling sesuai untuk terlibat dalam sektor ini adalah MARA itu sendiri walaupun pengalaman jatuh bangun itu benda biasa dalam perniagaan, semua kita tahu. Kita dok lihat kejayaan, keruntuhan berapa banyak. Dari segi Perwaja umpamanya kerajaan sudah berbelanja hampir RM20 bilion oleh kerana itu merupakan *pet project* dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lupa kerana akhbar-akhbar tidak mainkan lagi Perwaja walhal Perwaja sekarang hidup segan mati tidak mahu. Dalam keadaan kerajaan telah membelanjakan RM20 bilion dan sekarang ini Perwaja memang menghadapi suasana cukup penat dan tenat kerana harga besi yang dikeluarkan oleh China luar biasa murah lagi.

Kita hendak beli *raw material* lebih mahal daripada produk dengan izin, yang dikeluarkan oleh negara China itu sendiri. Biasalah, salah percaturan dalam perniagaan itu benda biasa tetapi kita boleh diam. RM20 bilion kerugian di Perwaja. Berbagai-bagai insentif yang Kerajaan Terengganu berikan kepada Perwaja. Apa yang Tan Sri Eric Chia buat? Menteri Besar Terengganu pada ketika itu terpaksa ikut kerana arahan daripada yang lebih atasan, diberi macam-macam tetapi gagal juga. Kemudian terpaksa Perwaja membuka kilangnya. Di mana? Di Kedah, buka di Kedah langsung tidak masuk akal dari segi ekonomi. Hendak ambil *product* dengan izin, daripada Kemaman hendak bawa dengan lori pergi ke Gurun dan hendak eksport daripada situ. Ini sudah satu percaturan yang sangat silap. Mana boleh daripada satu tempat dengan *finish product* hendak kena jalan dengan lori. Sepatutnya semua buat *integrated in house* barulah boleh ada *cost cutting measure*, dengan izin. Tetapi kesilapan-kesilapan itu telah berlaku RM20 bilion. Takkanlah MARA tidak diizinkan untuk rugi sikit-sikit.

Jadi, sebab itu saya mengharapkan dengan dikuatkuasakan akta MARA ini MARA terlibat balik dengan sektor-sektor pembinaan *tools and die* kerana sekarang ini hendak harap yang lain-lain semua sudah takut. Jadi, Toolstronic dan MARA lah yang diharapkan supaya mengembalikan semula dan melatih semula bumiputera-bumiputera untuk terlibat dalam sektor pembuatan *tools and die* yang mana eksportnya sekarang ini tidak kurang daripada RM1.4 bilion setahun.

Di samping itu juga saya minta pihak MARA supaya lebih berhati-hati dan berjaga-jaga terutamanya apabila membuat JV dengan izin, dengan syarikat-syarikat dan juga kolej-kolej luar negara terutama Jerman dan Jepun. Kerana apa yang kita lihat pengalaman-pengalaman yang lepas, pengalaman yang juga dilalui oleh MARA itu sendiri di mana syarikat-syarikat ini lebih berminat kepada duit yang ada pada MARA tetapi kurang berminat untuk benar-benar melatih-pelatih untuk benar-benar jadi mahir kerana mereka ini tidak boleh dengan izin, apa yang berlaku sekarang ini *they don't transfer all the technology*, dengan izin. Mereka hanya *transfer* sebahagian-sebahagian cukup-cukup makan sahaja, lebih kurang macam itu. Dia tidak *transfer* semua teknologi.

Jadi, sebab itu MARA mesti peka. Janganlah titik hitam yang sama berulang lagi kerana sekarang ini GMI itu sendiri pun kita belum lihat lagi sejauh mana benar-benar kejayaan dia. Tambahan pula sekarang MARA ini sudah terlibat dengan syarikat-syarikat negara Sepanyol dari segi institusi untuk pengkhususan bidang-bidang tertentu dan juga dengan syarikat dari negara Jepun. Jadi, saya minta MARA supaya dikendalikan oleh orang yang benar-benar profesional yang ada *entrepreneurship* dengan izin. Jangan profesional yang tidak ada *entrepreneurship*. Kalau profesional yang tidak ada *entrepreneurship* maka kita akan mengalami nasib yang sama yang telah berlaku kepada syarikat-syarikat MARA sebelum daripada ini.

Insya-Allah saya fikir Menteri dengan pengaruh dia dapat mencari orang-orang yang sesuai, profesional dengan izin, *plus entrepreneurship*. Kalau dua ini *dicombine* saya fikir insya-Allah syarikat-syarikat MARA yang bakal ditubuhkan selepas ini insya-Allah dapat menjadi model dan contoh kepada syarikat-syarikat kerajaan yang lainnya.

Di samping itu sekarang ini MARA secara tidak langsung atas pengalaman pahitnya dalam syarikat pembinaan Kayu Sedia yang merupakan pada suatu ketika banyak membuat pembinaan kepada bangunan-bangunan MRSM pada ketika itu. Saya minta maaf kebetulan saya merupakan anak Maktab Rendah Sains MARA yang pertama yang menjadi Ahli Parlimen di Malaysia. Dan kebetulan juga Yang Berhormat Saudara Amiruddin Hamzah [*Tepuk*] merupakan anak Maktab Rendah Sains MARA

yang pertama – ADUN Anak Bukit yang menang pilihan raya kecil ini merupakan anak Maktab Rendah Sains MARA pertama yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia. Dua-dua daripada PAS kebetulannya. [Tepuk] Saya Ahli Parlimen yang pertama, Amiruddin Hamzah Ahli Dewan Undangan Negeri yang pertama. Kedua-dua daripada Maktab Rendah Sains MARA. Saya fikir Menteri pun patut sama-samalah jangan fikir UMNO-PAS sangatlah. Kita sama-sama membina orang Melayu kita. Secara kebetulan anak-anak MARA ini dia cenderung kepada PAS. Saya wallahualam apa ilmu yang Menteri dia bagi wallahualam kita kena tanya Menteri dia. [Tepuk]

Jadi, kebetulan pula saya hendak bagi tahu Kayu Sedia ini dulu dia buat pembinaan dari sudut bangunan-bangunan Maktab Rendah Sains MARA secara *fast track*. Kayu Sedia ini dia ada tanah cukup cantik dekat Petaling Jaya. Tetapi yang mendukacitakan dia rugi. Saya pun tidak tahu macam mana dia rugi sehinggalah hutang saya sampai sekarang sudah lebih sepuluh tahun tidak bayar. Saya pun kira hapus kiralah Kayu Sedia. [Tepuk] [Ketawa] MARA punya pasal, pasal MARA saya mengaji di MARA saya kira hapus kiralah kawan punya pasal, MARA punya pasal. Tetapi saya bayar hutang saya hutang 25% atas biasiswa saya bayar. Menteri sila *check* itu. [Ketawa]

Sekarang ini kita lihat bahawa MARA cuba *groom* dengan izin, pekerja-pekerja daripada MARA terutama sekarang ini kita lihat syarikat MARA, Techart, nampaknya insya-Allah dijaga dengan baik. Techart boleh berjaya dan mungkin boleh *apply* dengan izin, dalam pasaran utama KLSE kerana projek-projek banyak dia perolehi. Cuma kita minta MARA membimbing Techart ini sebaik mungkin supaya ini boleh menjadi model dari sudut syarikat pembinaan. Tambahan pula dalam Techart ini dia ada berbagai-bagai profesional sama ada Q-technya dan sebagainya. Saya fikir Techart insya-Allah dibentuk dan jagalah supaya jangan jadi pengalaman pada Kayu Sedia itu sendiri.

Kemudian kita mengharapkan dengan diluluskan akta ini nanti saya mohonlah supaya MARA mengambil alih tugas yang sebelum ini dimainkan oleh Permodalan Usahawan Nasional Berhad kerana dulunya semasa kerajaan cuba membina banyak pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bumiputera (SMI bumiputera) sekarang ini telah diamanahkan kepada Permodalan Usahawan Nasional Berhad yang telah memainkan peranan yang cukup baik dan banyak syarikat bumiputera yang begitu berjaya pada ketika itu di mana PUNB pada banyak hal menjadi rakan kongsi kepada syarikat-syarikat ini. Tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 banyak syarikat ini terpaksa menghadapi suasana yang menyedihkan tetapi saya memohon kepada MARA dan kerajaan khususnya janganlah peristiwa tersebut terus menakutkan dan dijadikan satu fobia bagi MARA untuk meneruskan program tersebut kerana kita lihat program tersebut telah banyak membantu syarikat-syarikat *small and medium industry* Malaysia terutama dari kalangan bumiputera untuk terus berniaga dan berusaha.

Sebab itu saya memikirkan bahawa apabila dilihat kepada struktur kementerian-kementerian yang ada kementerian yang paling sesuai untuk mengambil alih tampuk dan tugas yang dimainkan oleh Permodalan Usahawan Nasional Berhad ini ialah MARA itu sendiri. Sebab itu MARA dengan segala jentera-jentera yang ada pada mereka kerana sekarang ini pun MARA kebetulan sudah memberi skim-skim pinjaman kepada pengusaha-pengusaha. Kemudian sudah bina bangunan-bangunan industri yang tertentu untuk disewakan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bumiputera.

Jadi, saya fikir dengan infrastruktur-infrastruktur yang telah ada dengan kekuatan-kekuatan yang telah ada pada MARA itu sendiri menempatkan MARA sebagai satu jabatan satu majlis yang paling sesuai untuk mengembalikan semula status dan juga kedudukan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bumiputera ini sendiri. Kerana kita sedia maklum kita bimbang hari ini dunia perniagaan cukup mencabar. Kalau kita perhatikan di mana-mana, secara jujur kita perhatikan kita lihat kebetulan saya juga banyak terlibat dalam sektor-sektor perniagaan kita perhatikan bahawa terutamanya syarikat-syarikat pembuatan kecil dan sederhana Melayu bumiputera ini kalaulah tidak ada Proton, kalaulah tidak ada Perodua, kalaulah tidak ada Tenaga Nasional Berhad dan kalaulah tidak ada Petronas maka saya fikir hendak cari 2% syarikat bumiputera yang terlibat dalam perniagaan pun sukar sekali.

Sebab itulah saya minta MARA melihat lebih jauh lagi supaya janganlah bumiputera ini, syarikat-syarikat MARA itu sendiri dan juga syarikat-syarikat bumiputera

itu sendiri janganlah hanya tertumpu kepada PROTON, Perodua, Tenaga Nasional Berhad dan Petronas. Kita kena kembangkan supaya MARA memainkan peranan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya membawa bersama-sama dengan diketuai oleh syarikat-syarikat MARA itu sendiri untuk beroperasi bukan hanya di Malaysia kerana saya fikir kalau kita memikirkan untuk beroperasi di Malaysia sahaja dan syarikat MARA memikirkan hanya untuk beroperasi di Malaysia sahaja kita takut nantinya mungkin kita akan ketinggalan dan kita akan tidak mampu bersaing dengan syarikat-syarikat yang mengadakan operasi di negara-negara yang lebih murah kos operasinya terutama dari segi sektor-sektor pembuatan yang mana melibatkan ramai pekerja. Sudah tentu syarikat-syarikat yang melibatkan ramai pekerja-pekerja maka yang paling penting ialah kos buruhnya mesti murah. Kalau kos buruhnya mesti murah maka negara-negara yang lebih sesuai pada ketika ini selain daripada China mungkin Vietnam.

Mungkin China *over crowded* dengan izin, mungkin syarikat Malaysia ini dia tidak berapa hendak layan sangat dengan izin, kerana mungkin pelaburan kita kecil. Tetapi mungkin kita boleh tumpukan di negara-negara Vietnam, mungkin bersebelahan dengannya Cambodia. Tetapi tempat yang paling sesuai sehari dua ini mungkin di Vietnam.

Saya difahamkan juga yang paling sesuai walaupun dikatakan dalam keadaan politiknya tidak berapa stabil di Indonesia itu sendiri. Walaupun tahap awal kita difahamkan banyak syarikat yang rugi pada tahap awal untuk melabur di Indonesia tetapi akhirnya mereka mendapat hasil juga akhirnya walaupun tahap awal itu banyak menghadapi suasana ditipu oleh beberapa ejen tertentu. Banyak kita perhatikan masalah ini yang berlaku dan menimpa nasib beberapa pengusaha-pengusaha Malaysia dan kalau MARA sendiri terlibat pun mungkin daripada awal mungkin terkena tetapi yang penting *we get the right man over there* dengan izin. Kalau dapat orang yang benar, orang betul maka laluan pun mudah dan insya-Allah permintaan pun besar. Jadi, kalau permintaan besar tenaga kos pun murah memungkinkan kita untuk beroperasi dengan lebih baik. Jadi, janganlah ditumpukan di Malaysia sahaja. Kalau ditumpukan di Malaysia sahaja saya fikir hanya beberapa sektor tertentu sahaja yang kita mempunyai *niche* kalau ditumpukan di Malaysia sahaja.

Selain daripada itu saya hendak mengharapkanlah kepada MARA itu sendiri kerana banyak syarikat bumiputera yang mendapat pinjaman dan sebagainya daripada MARA walaupun saya tidak pernah dapat dari sudut perkilangan dan pembuatan tetapi saya melihat ramai yang menghadapi masalah, kawan-kawan dalam berniaga ini kalau boleh MARA timbanglah sedikit. Janganlah terus memberhentikan bantuan-bantuan kepada mereka ini. Teruskanlah memberi bantuan kerana memang perniagaan ini bukan satu benda yang cukup mudah. Tambahan pula kita terpaksa bersaing dengan rakan-rakan kita daripada bangsa Cina yang mana tradisi perniagaan sudah turun-temurun. Jadi, itulah yang saya boleh sarankan kepada pemindaan Akta Majlis Amanah Rakyat 1960. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong.

11.45 pagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian kerana mengemukakan pindaan Akta MARA pada hari ini yang sebenarnya saya rasa secara khususnya adalah untuk merintis penubuhan UNITEK MARA iaitu untuk membolehkan penubuhan sebuah syarikat untuk mengendalikan kewujudan Universiti Teknikal MARA yang akan menjadi *career path* ataupun laluan kerjaya kepada graduan-graduan bidang teknikal dan vokasional khususnya daripada institusi-institusi vokasional dan teknikal kelolaan MARA itu sendiri dan kemungkinan daripada institusi vokasional dan teknikal yang dikendalikan oleh pelbagai lagi agensi latihan oleh pihak kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, MARA telah pun memainkan peranan yang amat besar menerusi eksperimen, menerusi percubaan-percubaan, kadang-kadang dicemuh dan kadang-kadang diperlekehkan oleh masyarakat di dalam bidang pendidikan. Sebagai produk MARA juga iaitu daripada Institut Teknologi MARA yang dulunya dikenali sebagai Maktab RIDA pada tahun 1968 ditransformasikan kepada Kolej MARA dan juga Institut Teknologi MARA. Kita pernah dikategorikan sebagai pelajar-pelajar kelas

ketiga di luar negara satu ketika dahulu, tetapi terbukti bahawa eksperimen dan juga percubaan oleh pihak MARA untuk membangunkan bumiputera menerusi pendidikan itu berjaya.

MARA bukan sahaja berjaya membekalkan ilmu kepada anak-anak yang pada awalnya menguasai tahap pendidikan yang agak rendah dan kurang tetapi juga berjaya mengemukakan graduan-graduan yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu tetapi dapat melaksanakan tugas secara *hands on*. Ini satu keistimewaan apa yang kita panggil selalunya sebagai MARA Com ataupun graduan-graduan lulusan daripada MARA baik daripada ITM ataupun IKM ataupun IKTM di bawah MARA pada hari ini. Mereka selalunya mempunyai satu kelebihan iaitu menguasai ilmu dan juga kemahiran secara *hands on*. Ini adalah keistimewaan yang diberikan oleh MARA mungkin yang kurang disedari oleh pihak lain.

Sekarang ini mungkin secara kecil-kecilan mungkin saya terlibat di dalam perniagaan. Saya tahu bagaimanakah *in comparison*, bukan untuk memperkecilkan graduan daripada institusi yang lain. Kalau kita mengambil umpamanya graduate daripada UiTM berbanding dengan *graduate-graduate* daripada universiti yang lain dalam bidang yang sama, kita dapat melihat bahawa yang daripada UiTM itu dia mempunyai kelulusan dan boleh menjalankan kerja sebagaimana aspirasi pihak majikan tetapi yang lain memerlukan lagi bimbingan oleh kerana kekurangan *practical training*. Bermakna, sewaktu mereka berada di universiti, hanya menumpukan kepada bidang ilmiah itu sahaja, tidak ada daripada bidang praktikalnya.

Ini adalah kelebihan mungkin Yang Berhormat bagi Kota Bharu dapat *vague* apa yang saya katakan kelebihan dari segi *hands on knowledge* dan *skill* oleh para pelajar dan juga lulusan-lulusan daripada IKM MARA ataupun IKTM MARA sebagai yang pernah berpengalaman bersama-sama dengan MARA. Saya dapat melihat bagaimanakah *graduate-graduate* daripada yang cuba diperkecilkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi daripada GMI atau MFI khususnya. Mereka belum habis kursus sudah ada orang *booking* untuk memiliki mereka oleh kerana apabila mereka menjalani kursus dan lepas itu mereka buat *practical training*, sebab itu *industrial attachment* itu juga orang dapat menilai bagaimanakah kemahiran orang-orang ini. Jadi saya amat berbangga dengan usaha yang dilaksanakan oleh pihak MARA.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana MARA ini telah terlibat dengan pembangunan kurikulum pendidikan khususnya kurikulum pendidikan profesional dan juga teknikal dan vokasional. Sebenarnya apa yang dikuasai oleh MARA itu adalah satu aset. Kurikulum itu merupakan aset yang amat berharga, saya katakan kalau dalam konteks saya ini *intellectual property* yang amat berharga. Modul-modul pembangunan pada peringkat yang paling bawah sekali umpamanya Giat MARA adalah satu modul yang berkesan, modul yang mencorakkan yang bersifat *mass*, yang bersifat masyarakat. Modul ini juga boleh kita pakejkan sebagai produk untuk kita umpamanya ketengahkan kepada negara lain yang peringkat pembangunannya masih lagi rendah. Umpamanya pada tahap kita iaitu 30 atau 40 tahun.

Contohnya Vietnam, Kampuchea, Myanmar di sekeliling kita dan *for that matter* dengan izin, Indonesia sendiri, modul Giat MARA itu boleh dimarketkan, Modul Akademi Info-Tech MARA umpamanya, bagaimana akademi ini membina pengajian dan modul dalam bidang ICT dibekalkan kepada anak-anak yang tidak boleh menguasai Bahasa Inggeris. Ini juga keunikan MARA iaitu anak-anak daripada latar belakang medium pendidikan Bahasa Melayu *diconvertkan* menerusi proses sebulan, dua bulan kursus dalam bahasa Inggeris, kalau di UiTM dahulu setahun atau dua tahun kursus pengenalan bahasa Inggeris *diconvertkan* untuk menguasai pendidikan dalam bahasa Inggeris. Ini adalah unik boleh diperkenalkan.

Jadi saya harap pertama sekali MARA di samping saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah terhadap penubuhan Universiti Teknikal MARA ini, tubuhkanlah satu kajian atau satu badan untuk mengendalikan supaya modul-modul pendidikan yang telah dibangunkan oleh pihak MARA itu dapat dipakejkan sebagai produk yang boleh kita pasarkan ke negara-negara berhampiran dengan kita di mana tahap pembangunannya lebih rendah daripada kita. Ini juga akan mengeluarkan hasil

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Parit Sulong, Jeli bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia sudah cakap Tuan Yang di-Pertua, nantilah. Dia sudah cakap tadi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hendak angkat, bukan hendak bedal, hendak angkat [*Ketawa*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak apalah, duduk dahulu. Dia kacau saya punya aliran pemikiran. [*Ketawa*] Jadi saya minta perkara ini boleh juga dilakukan dan mungkin juga kalau dipakejkan dengan kerajaan boleh dipakej sebagai *technical assistant* oleh pihak kerajaan ke negara-negara luar, umpamanya kepada Timor-Timur, satu negara yang masih memerlukan bantuan kita, dan baru-baru ini kita memeteraikan persahabatan dengan Myanmar *for that matter*. Perkara ini boleh dilakukan, pertamanya kita mendapat nama, keduanya *tested module* kita itu dan mungkin sedikit dari segi itu juga akan mendatangkan hasil kepada *intellectual property* yang ada dalam tangan kita, itu yang pertama.

Tuan Ramli bin Ibrahim: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang ini saya bagi sebab belum cakap lagi.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Pasal tadi sebut nama saya, jadi saya kena bangunlah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kota Bharu!

Tuan Ramli bin Ibrahim: Ya, terima kasih. Sasaran UNITEK MARA tadi sebab selepas ITM dahulunya dan dinaikkan taraf sebagai universiti. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa matlamat asal MARA itu sudah hilang dari segi pengambilan pelajar. Dahulunya sasaran pelajar kita adalah pelajar Melayu, pelajar bumiputera di luar bandar dan *third graders* yang tidak terpilih memasuki mana-mana pusat pengajian tinggi. Tetapi selepas MARA dinaikkan taraf sebagai universiti maka pengambilan pelajar juga tertakluk kepada Unit Pusat Universiti (UPU). Bagaimana nasib pelajar-pelajar Melayu bumiputera di luar bandar yang tidak mendapat peluang yang baik dari segi pendidikan ini. Apakah jaminan yang boleh diberi. Minta pandangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong jaminan yang diberi kepada pelajar-pelajar ini supaya peluang yang sama dapat juga dinikmati oleh pelajar-pelajar golongan ini yang selalu disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong selama ini. Minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri lebih bijaksana menjawab jawapan itu. [*Ketawa*] Saya tidak boleh menjawab. Cuma tadi saya katakan saya harap pertama sekali bahawa seluruh modul pendidikan vokasional rendah, vokasional menengah, vokasional tinggi, modul pendidikan menengah MRSM yang teruji, yang orang kata, *being envied* dicemburui oleh semua pihak, macam mana MRSM yang anak-anaknya daripada kampung ini boleh menguasai sampai 9A, apa dia punya resipi-resipinya. Kalau perkara ini kita jangan jual semua, kalau hendak jual *let the be only 65% better than us*. Tetapi modul-modul ini *is marketable* dan boleh dipasarkan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payah, nanti dahulu, nanti dahulu. Jadi saya minta supaya perkara ini Tuan Yang di-Pertua mendapat satu respons yang positif dari pihak MARA.

Yang keduanya, kehadiran IKM MARA ataupun kehadiran institusi pengajian atau pendidikan, latihan daripada peringkat yang bawah umpamanya Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Profesional MARA, institut kemahiran tinggi seperti GMI umpamanya, Malaysia-France ataupun British-Malaysia ataupun Malaysian-Spanish, MIAT, Miset dan Mamac. Perkara-perkara ini saya hendak betulkan Jeli sedikit. Tidak ada MARA bekerjasama dengan Jepun rasanya. [*Ketawa*] Jadi institut-institut pendidikan tinggi MARA ini sungguh membanggakan kerana ia dibina menurut sektor. Bermakna khusus, pengkhususan. Yang terbaru umpamanya seperti Malaysian-Spanish. Ini adalah daripada bahagian automatif oleh kerana sebagaimana kita tahu, kita dapat tahu memang kereta-kereta terkenal di Eropah adalah keluaran daripada Germany umpamanya ataupun *for that matter* setengah *performance car* itu dikeluarkan oleh Itali khususnya, tetapi mungkin jarang diketahui bahawa Spain adalah salah satu pengeluar *automotive spare parts* yang berwibawa dan sekarang teknologi itu kita bawa ke sini, kita harus bersyukur dan saya merasa bangga Kerajaan Malaysia

dan MARA mengambil langkah ini supaya bermakna *skill* dan kewibawaan itu dapat *dipass over* atau diwariskan dan juga dikongsikan kepada orang-orang Malaysia.

Saya ingin bertanya dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, apabila terwujud Universiti Teknikal MARA, apakah status IKTM ini? Adakah mereka akan menjadi sebahagian daripada nukleus kepada kampus Universiti Teknikal MARA itu sendiri? Adakah mereka akan menjadi universiti kolej kepada Universiti Teknikal MARA oleh kerana *specialization* mereka. Saya harap perkara ini dapat diperjelaskan oleh pihak Menteri.

Yang ketiganya, MARA selama ini memang memandang berat dan menumpukan kepada pembangunan teknikal dan vokasional. Jadi bermakna kita memberi kemahiran-kemahiran yang teknikal, *hard skill* dengan izin, mengambil kira dunia pada hari ini iaitu dunia di mana teknologi komunikasi dan maklumat itu sendiri adalah menjadi salah satu teknologi terulung pada hari ini. Saya minta di antara kurikulum yang akan digubal adalah melibatkan ICT dan yang kedua satu teknologi yang masih lagi agak muda membangun tetapi mempunyai potensi yang besar, saya harap MARA *pioneer* dalam hal ini iaitu bio-teknologi supaya tidak tertinggal.

Kalau dahulu MARA berani menceburi teknologi-teknologi yang baru pada tahun 60-an, contohnya pada tahun 1967 atau 1968 Institut Teknologi MARA telah pun mempunyai *school of computer science*. Itu tahun 1967 atau 1968 sedangkan komputer teknologi yang dibangkitkan, yang dirangkumkan dengan ICT itu meledak, mendapat pandangan umum dan juga menyebabkan satu rebakan kesan yang luas hanya pada awal ataupun mungkin pada peringkat awal tahun 1990-an. Pada ketika itu, pada tahun 1967 atau 1968 MARA telah pun mewujudkan *computer scientist*, *computer programmer*. Jadi dalam hal ini saya mahu Universiti Teknikal MARA ini yang akan diwujudkan, yang akan kita restukan kewujudannya pada hari ini menerokai bidang bio-teknologi.

Bio-teknologi ini cawangan dan cabangnya banyak. Saya masih lagi banyak buku yang tidak dapat hendak menghuraikannya tetapi saya dapat menggambarkan bahawa *potential* dia adalah besar. *The synergy* di antara bio-teknologi dengan *information and communication technology* itu memang juga besar. Bermakna, dia boleh *synergies* dengan ICT. Bio-teknologi boleh *synergies* dengan ICT dan boleh mewujudkan industri yang berpotensi besar. Saya harap Universiti Teknikal MARA yang akan diwujudkan mengambil kira perkara ini.

Seterusnya adalah dari segi input dan *content* kurikulum itu sendiri. Saya katakan tadi MARA berjaya mewujudkan graduan sama ada di peringkat bawah atau peringkat tinggi dengan *hard skill* yang berwibawa khususnya oleh kerana mereka juga diberi latihan *hands on*.

Tetapi mungkin untuk menjadikan warga pelajar keluaran MARA, sebagai suatu *brand* MARA, ini hasil daripada ledakan nasionalisme Melayu dan juga nasionalisme Malaysia, saya minta *contents* sejarah, iaitu supaya elemen sejarah diajarkan - diajarkan kepada pelajar-pelajar MARA, ikut peringkat mana dan di mana yang sesuai. Sejarah ini, walaupun kita sedang merangsang mereka untuk menjadi manusia *global* dengan kemahiran *global*, tetapi saya mahu mereka mempunyai jiwa yang *rooted to this country* – yang berakar-umbi kepada negara ini, berasaskan kepada sejarah yang mewujudkan, bagaimanakah perjuangan dahulu, dan bagaimanakah perjuangan, kewujudan Malaysia yang baru ini adalah penuh dengan ranjau-ranjau dan juga tolak-ansur dan *compromise*.

Dan satu perkara, apabila kita membincangkan ICT, teknikal, vokasional dan juga perkara-perkara yang berbangkit, ataupun industri yang berbangkit dengan ICT ini, selalunya kita terlupa di atas satu aspek, iaitu *the legal aspect of ICT*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa kewujudan k-ekonomi dan juga kepesatan e-dagang atau *e-commerce*, kemungkinan akan menjadi bercelaru kalau tidak digandingi dengan kesedaran dan penguasaan undang-undang yang menguasai industri itu sendiri, undang-undang yang *regulate* industri itu sendiri, undang-undang yang *regulate* teknologi itu sendiri. Dalam konteks ini adalah undang-undang ICT, atau setengah orang mengenalinya sebagai undang-undang *cyber*, ataupun pelbagai nama lagi, tetapi undang-undang yang *regulate* teknologi dan undang-undang yang *regulate* industri berkaitan dengan ICT itu sendiri.

Perkara ini agak kita selalu terlupa. Kita mempunyai peruntukan yang khusus untuk melatih pekerja, ataupun *on retraining* pekerja, ataupun pelajar-pelajar dalam universiti dengan ilmu-ilmu ICT, tetapi dari segi *technical sides* sahaja. Kita tidak mengambil kira bahawa ilmu-ilmu ini, kalau tidak digandungi dengan penghayatan kepada undang-undang akan memporak-perandakan di masa akan datang, khususnya ICT. Sebab itu saya minta supaya undang-undang ICT ataupun ICT *law* ini, dijadikan satu *critical aspect of knowledge*, iaitu satu aspek ilmu yang kritikal, yang perlu dibekalkan kepada orang-orang kita. Saya minta supaya pembekalan pengajaran ilmu undang-undang ICT ini digandingkan dengan keghairahan kita membekalkan ilmu-ilmu teknikal mengenai ICT.

Tuan Yang di-Pertua, banyak aspek undang-undang ICT, kalau kita hendak perkatakan. Pada hari ini, kalau kita ambil satu aspek sahaja – *intellectual property right*, contohnya, *intellectual property right*, bermakna hak harta intelek - kalau kita hendak mengambil satu aspek *intellectual property right* dalam konteks pembangunan industri ICT dan juga dalam konteks industri, dalam konteks teknologi ICT, terlalu amat rumit. Perkara ini merupakan satu perkara yang satu hari nanti akan meletus sebagai masalah perindustrian – tidak lama lagi, oleh kerana dengan adanya cetak rompak yang semberono, tidak ada pengawalan, ada orang tidak faham *boundary* antara *piracy*, perkara ini akan meletus sebagai suatu masalah industri yang berkaitan dengan k-ekonomi dan juga *e-commerce* tidak lama lagi.

Jadi kita minta, dalam kita membekalkan ilmu ICT, umpamanya kalau dalam MARA inilah, AIM umpamanya – Akademi Infotech MARA, dia membekalkan banyak pengajaran mengenai ICT – teknikal dia, daripada *programming*, bekalkan undang-undang ICT yang relevan dengan pendidikan itu, sama ada sebagai dua-tiga perkara – undang-undang itu sebagai yang wajib dan beberapa perkara lagi sebagai *optional*. Kalau kita mempelajari undang-undang telekomunikasi umpamanya, kita kena mengetahui apakah kaitannya dalam hal ini, konteks antara *data protection and privacy*.

Bagaimana hari ini, beberapa syarikat telekomunikasi dunia yang besar sedang berhadapan dengan kes-kes mahkamah, oleh kerana mereka tidak menyedari bahawa mereka telah memberikan data-data yang tersimpan dalam *data-base* mereka kepada orang lain yang mana merupakan *infringement of privacy*. Jadi perkara ini harus kita perkenalkan, oleh kerana ini adalah selaras - kita *subscribe* kepada vision Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan negara ini sebuah negara ICT berwibawa. Bermakna, [*Yang Berhormat Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia memasuki Dewan*], selamat datang Menteri Tenaga, Teknologi dan Komunikasi saya tengah bercakap mengenai undang-undang ICT, Datuk.

Jadi, undang-undang ICT dalam *relatiomnya* dengan pembangunan teknologi dan juga pembangunan industri ICT itu sendiri. Kita boleh mengeluarkan graduan ICT beribu-ribu setiap tahun sebagaimana yang dikehendaki oleh pembangunan MSC, tetapi kalau orang-orang ini masuk ke dalam industri, mereka menjadi *captain of the industry*, tidak tahu pun mengenai undang-undang di sebalik industri itu sendiri, satu hari nanti mereka akan terpijak dengan jerangkap-jerangkap undang-undang ICT.

Oleh kerana *international communities*, khususnya syarikat-syarikat besar hari ini, amat prihatin mengenai *copyrights*, *intellectual property rights* dan berbagai-bagai lagi yang mereka mahu pelihara, oleh kerana itu merupakan duit kepada mereka, maka orang yang melanggar itu, kalau dia saman mungkin akan menjadi duit kepada dia dan sebagainya. Perkara ini penting.

Jadi saya harap, oleh kerana kewujudan Universiti Teknikal MARA ini adalah di 21st century – *millenium* baru, saya minta supaya diterokailah subjek-subjek yang berkaitan dengan *new millenium* ini – rangkumkan di dalam univiersiti ini, supaya kita merasa bangga dengan kewujudan satu universiti, yang bukan sahaja dapat memenuhi aspirasi bangsa yang selama ini tertindas, tetapi mewujudkan satu universiti yang dapat merangkumkan, menghayati wawasan Perdana Menteri untuk memperkasakan bangsa dan negara ini, dan pada waktu yang sama mewujudkan satu universiti yang kehadirannya adalah serasi dengan tuntutan sekitarnya.

Kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, *the provision of a soft skill* dalam konteks ICT *law* ini penting, penting supaya *graduates* ini, khususnya kalau wujud daripada MARA, kemudian kalau satu hari nanti mereka menjadi pemimpin, mereka menjadi pemimpin yang *all-rounder* – dia tahu dia masuk bidang ICT, dia tahu apa undang-

undang, *they will refrain* - mereka akan bertindak selaras dengan tuntutan undang-undang dan menjauhi juga larangan undang-undang. Itu penting.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat sewaktu saya menjadi Pengerusi MARA, suatu hari dipanggil menghadap oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dia kata, "Bagus MARA ini, bagus betul". Dia kata, "Satu hari saya singgah di IKM Johor Bahru," - baginda singgah ke situ dengan helikopter dia, dia kata, "bagus betul, memang bagus". Cuma satu dia kata, "Engkau ajarkah tidak budak-budak ini *accounting*, dengan *basic knowledge of business*?". Saya tergamam juga bila ditanya begitu. "Tuanku". Dia kata, "MARA ini, kita bukan hendak lahirkan pelajar hanya untuk menjadi pekerja, kita juga mahu melahirkan pelajar-pelajar MARA ini supaya satu hari nanti akan menjadi *entrepreneur*, menjadi pengusaha. Engkau kena ajar ilmu *accounting*", dia kata. "Engkau kena ajar ilmu *accounting*". Bukan umpamanya saya ini, orang Jawa kata, hendak enggeh, bermakna hendak mengganggu, tetapi logikal.

Tadi saya kata, Universiti Teknikal MARA wujud di millenium baru. Sebab itu saya kata, Universiti Teknikal MARA ini juga perlu memperkenalkan kurikulum, *content* pendidikan yang selaras dengan *millenium* baru, menerokai ilmu-ilmu, subjek-subjek yang dikehendaki oleh generasi dalam *millenium* baru, tetapi juga pada waktu yang sama, kita selalu lupa, bahawa MARA juga adalah satu badan yang mengembangkan kebangkitan *entrepreneur* Melayu – itu kita lupa. Kita melahirkan, tidak malu, mula-mula kita melahirkan *entrepreneur* dari segi jual goreng pisang – tidak mengapa; kita melahirkan *entrepreneur* jual nasi lemak – tidak mengapa; selepas itu sudah sampai ke satu peringkat lagi, jual *burger* – tidak mengapa.

Sekarang ini kita mahu melahirkan *entrepreneur* dalam bidang ICT, dan pada waktu akan datang *entrepreneur* dalam bidang *bio-technology*. Kita sudah bagi segala ilmu, mesti ada *basic element of business study*, kalau boleh kita bagilah kepada anak murid kita ini. Anak murid kita ini, kita bagi semua yang ada lulusan daripada institut pendidikan di bawah MARA ini, kalau bolehlah, kita perkenalkan *element of accountancy*kah, *element of business management*kah, supaya mereka bukan sahaja boleh menjadi teknokrat, tetapi kalau dengan dorongan MARA, mereka juga boleh jadi *entrepreneur* dalam bidang-bidang yang spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengulangi rasa bangga dan mengucapkan syabas kepada MARA di atas usahanya mengetengahkan pindaan kepada Akta MARA supaya dapat diwujudkan sebuah universiti yang bernama Universiti Teknikal MARA. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

12.11 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyertai perbahasan ini, kerana saya nampak Menteri kita hari ini berminat untuk memperbaiki semua skop dan aktiviti MARA. Yang pertamanya, saya nampak ia dipanggil Universiti Teknikal MARA, walhal saya diberitahu bahawa Universiti Kuala Lumpur yang dipanggilnya – hendak mempromosikan nama Kuala Lumpur di dunia kita. Ini bermakna Menteri kita ini sudah lemah sedikit [Ketawa] – memang lemah sedikit – ini dipanggil Universiti Kuala Lumpur – UKL.

Saya berharap dia mengambil perhatian, dan banyak perkara lagi, kerana tahun ini untuk pengurusan sahaja kita dapati MARA mendapat lebih dari RM991 juta – itu pengurusan sahaja, dan ini bermakna wang yang begitu besar pada tiap-tiap tahun. Mungkin tahun ini dengan belanjawan yang baru, boleh sampai RM1 billion, dan dengan peruntukan yang sebegitu besar, kita mesti berjaga-jaga di dalam perbelanjaan kita supaya kita mendapat *value for money*, dengan izin, kerana kita begitu berminat dengan bahasa Inggeris sekarang.

Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa institut yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, *German-Malaysia Institute (GMI)*, *Malaysia-French Institute*, *British-Malaysia Institute*, *Malaysia-Spanish Institute*, *Malaysian Institute of Aviation Technology* – baru-baru ini sudah ada perjanjian *Memorandum of Understanding* dengan MAS berjumlah RM144 juta, kalau tidak silap saya. Memang hebat sekarang

kita nampak. Cuma saya berharap kelemahan di dalam MAS itu tidak akan dipindahkan kepada MIAT [*Ketawa*] – masa dahululah, bukan sekarang.

Kita ada penstrukturan sekarang dan saya berharap gejala yang baru diterima oleh MIAT. Dan kemudian kita ada *Chemical Institute of Engineering* dan seterusnya *Institute Marine Engineering Technology* untuk pembinaan kapal dan sebagainya – tujuh institut kita semuanya. Dan saya hendak bertanya, apakah kita ada *twinning* dengan pihak German misalnya, apakah kos kita apabila kita adakan GMI ini, berapakah kos bagi kursus-kursus – setiap kursus, setiap modul?

Ini memang melibatkan satu kos. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Menteri meneliti kos-kos yang dibayar kepada negara-negara seperti Germany, Perancis, United Kingdom, Sepanyol dan sebagainya. Memang daripada peruntukan yang kita nampak tadi, hampir RM1 bilion mungkin sebahagian besar itu digunakan untuk membeli modul dan kursus daripada negara-negara yang kita sebut tadi. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kita setiap tahun, berapa banyak kita bayar kepada negara-negara ini untuk mengadakan institusi-institusi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya saya hendak membincangkan sedikit sebanyak mengenai bahasa yang digunakan di dalam semua institut ini sama ada UiTM. UiTM bukan di bawah bidang kuasa tetapi di semua institut yang disebut tadi termasuk GMI, IKTM dan sebagainya, apakah bahasa yang digunakan sekarang. Sama ada semuanya menggunakan bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris. Ini akan menentukan sama ada graduan-graduan ini akan mendapat kerja di pasaran kita.

Saya nampak Yang Berhormat bagi Parit Sulong tidak begitu berminat. Dia sebagai bekas Pengerusi MARA, dia memang memuji semua orang di dalam MARA tetapi tidak begitu berminat mengenai graduan-graduan sama ada mendapat kerja ataupun tidak dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan sama ada di dalam semua latihan kita mengutamakan bahasa Inggeris, bahasa Malaysia atau bahasa Sepanyol ataupun bahasa German untuk pasaran kita dan di dalam bidang inilah kita hendak tahu, setakat mana kejayaannya di dalam semua institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan isu kelemahan akademik dan prestasi yang tidak memberangsangkan di kalangan pelajar. Apakah sebabnya. Yang Berhormat sendiri pernah mengatakan kita hendak mengkaji sebab apa mereka lemah dan Yang Berhormat sendiri pernah menyebut bahawa sejumlah 15% pelajar yang menyertai IPTS tajaan MARA, gagal memperoleh diploma dalam jurusan yang dipelajari. Kalau kita kira di peringkat 13:0 bilangan tercicir lebih tinggi sedikit iaitu 20%. Ini angka Yang Berhormat sendiri, apa sebabnya, mereka lemah. Ini memang merupakan satu kerugian bagi kita.

Yang Berhormat kata setiap tahun kita hendak mengambil 22 ribu orang lepasan SPM yang dengan pencapaian sederhana. Ini tidak salah Tuan Yang di-Pertua, kita perlu adakan institut-institut seperti ini untuk menampung pelajar-pelajar dengan keputusan yang kurang cemerlang. Ini memang satu perkara yang betul, tidak salah, cuma mengapa begitu tingginya yang tercicir 15% hingga 20%. Ini memang satu angka yang tinggi. Memang saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat bagi Parit Sulong kerana tidak pernah menyebut yang lemah, cuma yang cemerlang sahaja yang disebutkannya.

Di sini saya menyentuh sedikit mengenai satu faktor kelemahan di mana mungkin mereka tidak begitu cekap dalam Matematik kerana institut-institut ini terutamanya dalam bidang kemahiran dan sebagainya memerlukan Matematik dan Sains. Mungkin kerana kelemahan dan isu yang hebat sekarang hendak memperbaiki keadaan supaya pelajar-pelajar Melayu dapat menguasai Matematik dan dapat menguasai Sains. Itu memang kita sama-samalah membantu.

Semua rakyat Malaysia mesti faham macam mana kita boleh membantu untuk meningkatkan standard di dalam Matematik dan Sains kepada pelajar-pelajar yang lemah terutamanya di luar bandar. Ini memang kita bersama-sama memikirkan, macam mana kita memperbaiki.

Tadi nampaknya pihak kementerian memang saya dengan panjang lebar juga di dalam perbahasan belanjawan hari Isnin. Cuma setakat ini kita nampak pihak kerajaan pun sudah menjemput pakar-pakar daripada negara China untuk khususnya melatih beribu-ribu guru di negara ini dengan mental aritmetik, dengan

sempoa dan sebagainya dan pada peringkat yang pertama saya diberitahu RM40 juta diperuntukkan untuk menjemput mereka dan sebagainya tetapi saya tidak tahu daripada RM40 juta ini berapa yang sampai kepada sasaran. *[Ketawa]* Saya tidak tahu. Mungkin RM4 juta sahaja. Ini memang satu kelemahan. Bukan bidang Yang Berhormat. Cuma saya menyebut hal ini, macam mana kita hendak mengelakkan daripada 15% ataupun 20% pelajar yang tercicir, cara-cara untuk mengatasinya.

Maka dengan itu pihak Kementerian Pendidikan menganggap kita menjemput pakar-pakar dari negara China untuk melatih guru-guru kita di dalam bidang mental aritmetik, di dalam bidang sempoa dan kemudian kita boleh menyemaikan satu budaya terutamanya di luar bandar, di mana saya pun tidak tahu hasil dan prestasinya. Saya berharap akan berjaya.

Seterusnya kita nampak ada satu keputusan yang dibuat hendak mengajar Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris dan ada kenyataan daripada Menteri Pendidikan macam mana alasannya hendak menjadikan Inggeris sebagai bahasa penghantar untuk Matematik dan Sains. Nasib baik semua orang termasuk Yang Berhormat bagi Pokok Sena dengar dan dia setuju. Kita mesti mempelajari bahasa Inggeris dan termasuk Yang Berhormat bagi Marang juga yang setuju hendak mempelajari bahasa Inggeris. Cuma dengan cara di sini saya berasa seronok hampir semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, 100% yang setuju dan insaf bahawa bahasa Inggeris itu penting. Ini yang menyeronokkan saya, *I am very happy* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *very happy that every body agrees that this is important*, kecuali Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Kita setuju dan ini memang satu perkara yang baik sebab itulah saya pernah mencadangkan dan saya akan mencadangkan sekali lagi bukan sahaja kita membahaskan di dalam masa perbahasan belanjawan bahkan juga kita peruntukan sesi khas untuk membahaskan perkara ini. Kerana semua Ahli Parlimen setuju cuma cara untuk mengajar bahasa Inggeris, kaedah-kaedah mengajar tidak bersetuju lagi...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan Al-Qaeda itu, merbahaya kita. Al-Qaeda bahaya kita *[Ketawa]* 'K' itu kaedah 'q' itu "qaeda". Kita hendak 'k' bukan 'q' di sini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kita, apakah kajian beliau di dalam hal keciciran pelajar-pelajar 15% hingga 20% di dalam institusi-institusi tajaan MARA kita ini.

Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat juga mengkaji, mengapa para pelajar Melayu enggan pergi ke IPTS. Ini memang satu perkara yang penting. Apakah faktor. Mereka lebih cenderung kalau masuk ke institusi-institusi tajaan MARA tetapi kalau ditawarkan dengan biasiswa pun dia enggan pergi ke IPTS. Sebab apa dia enggan pergi? Ini satu faktor yang penting, kalau setakat hendak pergi ke institusi-institusi tajaan MARA sahaja, macam mana mereka boleh bersaing.

Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Kita mesti bercampur, kita mesti mempelajari apa yang orang lain buat. Dia ini tidak mahu. Hanya hendak masuk ke MARA sahaja dan kemudian mungkin di situ persaingan tidak begitu hebat dan kebudayaan pun tidak begitu cenderung kepada Matematik, Sains dan teknologi dan dengan sedemikian ada kelemahan.

Saya mencadangkan Yang Berhormat mengkaji sama ada kita mengambil daripada 22 ribu orang ini, bilangan bukan bumiputera yang lebih. Mungkin mereka tidak berminat, mungkin kalau mereka masuk takut nanti bila dia keluar tidak boleh dapat kerja, tidak dapat kerja kerana sekarang kalau mereka masuk IPTS dengan persaingan yang hebat, ia tawarkan kursus-kursus dengan tujuan membolehkan mereka itu mencari kerja selepas tamat pengajian. Dengan sebab itu saya mengesyorkan Yang Berhormat mengkaji.

Yang pertama mengapa para pelajar Melayu tidak berminat di dalam IPTS. Banyak faktor, kita tidak ada masa untuk membincangkan dengan panjang lebar. Yang kedua, bolehkah kita mengambil lebih ramai bukan Melayu ke dalam institusi-institusi tersebut supaya kita ada suasana persaingan sedikit dan ini boleh memberangsangkan para pelajar di dalam institusi ini.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan cadangan yang bernas ini dan kerana kita tidak akan mendapat keuntungan sekiranya kita terus membelanjakan hampir RM1 bilion kemudian prestasi itu bukan seperti yang diharapkan. Ini tidak baik juga. Misalnya di dalam bidang ini, tiap-tiap tahun kita membelanjakan sebanyak RM511.86 juta bagi bidang keusahawanan. Bilangan yang berjaya itu memang satu soalan dan juga RM807.45 juta bagi institusi-institusi seperti ini dan tahun ini sahaja kita nampak MARA membeli 26 kompleks perniagaan untuk membantu peniaga-peniaga Melayu dan setakat ini memberi pinjaman pula.

Tahun ini saya diberitahu menawarkan lebih RM50 juta pinjaman dan jumlah hampir RM300 juta hendak memberi pinjaman tetapi yang peliknya bilangan yang membayar balik tidak begitu ramai, yang hendak meminjam itu ramai juga tetapi yang hendak membayar balik itu tidak ramai. Itu satu pelik dan hairanlah, pelik binti hairan, mengapa? Dia suka hendak pinjam. *[Disampuk]* Sri Gading tidak tahulah, cuma kita tahu Honda dia terkandas di Kuala Lumpur sahaja. *[Disampuk]* Honda sahajalah, Honda dipandu oleh anak itu. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kepong. Pinjam suka, bayar balik itu payah. Agaknya mungkin kerana kerajaan Barisan Nasional ini baik sangat kepada rakyat. Boleh Yang Berhormat bagi Kepong buat sedikit komen?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana itu baik pula. Kalau itu menggalakkan orang tidak bayar balik, ini bukan budaya. Semua agama pun termasuk Islam kita mesti bayar balik yang dipinjam. *[Disampuk]* Ha, macam mana baik pula Barisan Nasional sekarang. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Adakah Yang Berhormat bagi Kepong setuju jika sekiranya senarai peminjam-peminjam ini kita berikan peluang untuk diperiksa. Kalau daripada situ kita boleh tengok berapa orang politik dapat pinjaman, siapa yang tidak bayar.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, cadangan baik kerana kita senaraikan. Tetapi saya nampak MARA pernah senaraikan pelajar-pelajar pinjam yang tidak membayar balik, itu memang satu langkah baik dan di sini kita mesti puji sedikit kerana tidak banyak organisasi, pertubuhan yang berbuat sedemikian. Bukan sahaja MARA, di organisasi lain pun ada peminjam-peminjam yang tidak membayar balik, di pertubuhan-pertubuhan Cina pun ada juga tetapi mereka tidak sanggup berbuat seperti yang dibuat oleh MARA, umumkan senarai. Ini memang jarang diumumkan di masyarakat yang lain, jarang diumumkan. Kita mesti puji sedikitlah langkah

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Saya hendak dapat penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kepong, sekarang ini pihak Telekom sudah melantik ejen Telekom untuk mengutip tunggakan-tunggakan bil yang tidak membayar begitu lama. Bagaimana kalau MARA mengambil langkah yang sama dengan memberi sedikit komisyen kepada ejen yang boleh menemukan siberhutang-siberhutang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mahu mempertimbangkan cara-cara untuk mengutip balik wang yang terhutang dan di MARA memang satu masalah yang serius dan dengan adanya Yang Berhormat Menteri yang sangat peka dalam hal ini kita berharaplah beliau dapat merumuskan cara-cara yang berkesan untuk mendapat wang balik. Ini termasuk menyenaraikan nama-nama orang-orang yang enggan ataupun gagal untuk membayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri tadi di dalam hujahnya dan saya di sini hendak bertanya GMI kita ini yang juga sebenarnya di institut hasil gabungan MARA dengan dewan perdagangan Malaysia-Jerman, kini mengambil lebih 650 pelajar. Daripada hampir 700 pelajar ini bolehkah Yang Berhormat memberitahu bilangan mengikut kaum dan setakat ini bilakah mereka akan habis latihan. Saya ingat 3 tahun, 1991 hingga sekarang berapa graduan daripada GMI kita sekarang dan bilangan yang berjaya untuk mendapat kerja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang penting, apabila mereka mendapat diploma kita mesti menganalisis bilangan yang dapat melanjutkan pelajarannya di peringkat ijazah teknologi. Ini memang penting kerana maksud kita hendak melatih mereka yang mendapat keputusan SPM yang sederhana supaya kita dapat mencungkil setengah-setengah itu yang memang mempunyai kelebihan sedikit yang boleh melanjutkan pelajarannya di peringkat ijazah. Bilangan yang dapat melanjutkan pelajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* banyak lagi. Di MARA, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong bukan Yang Berhormat bagi Sri Gading mengenai kita hendak menawarkan modul kita, cara kita kepada negara-negara yang kurang maju berbanding dengan kita. Saya setuju bukan tidak setuju tetapi apabila Kolej Yayasan MARA kita mengadakan perjanjian dengan Universiti Nanjing dan setelah peringkat pengurusan diubah sedikit, perjanjian ini tidak dikotai mengakibatkan pelajar-pelajar daripada Universiti Nanjing menghadapi kesusahan.

Yang Berhormat, saya harap dapat menyiasat dengan teliti apakah sebenarnya berlaku dengan IPTS tajaan MARA ini. Kalau itulah yang dibuatnya maka imej MARA sudah terjejas, sudah tercemar, dan walaupun saya setuju kita mesti tawarkan modul kita dan kursus-kursus dan kemahiran, institusi latihan MARA di luar negara, kita mesti memastikan semua aktiviti. IPTS tajaan MARA mestilah jalankan aktiviti ini dengan baik. Jangan kita mencemar dan menjejaskan imej kita lagi.

Kerana Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dan negara-negara lain itu di China sendiri pun IPTS tidak sampai 3 tahun pengalaman mereka. Singapura pun mungkin tidak sampai 5 tahun kalau kitalah seperti Kolej Yayasan MARA ini membuat sesuatu yang tidak elok seperti yang saya sebutkan tadi maka macam mana imej kita IPTS Malaysia kita ini, memang terjejas. Saya berharap Yang Berhormat dapat meneliti, mendalami hal ini dan seterusnya memberi laporan kepada kita semua macam mana kita boleh elakkan daripada berlakunya insiden seumpama ini. Dan, mungkin

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah *Hondakah*, masalah *Honda* lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Kepong ini salah seorang Ahli Parlimen yang selalu membawa pandangan yang bernas dan kerajaan pun selalu memilih dia pergi ke luar negara, banyak negara dia pergi, mewakili negara. Baru-baru ini, minggu lepas, kita pun tertanya-tanya Yang Berhormat bagi Kepong, rupanya dihantar ke luar negara, di Vietnam. Baru-baru inikan?

Apa agak-agak baiklah di sana yang boleh diguna-pakai untuk lebih kebaikan negara kita. Boleh ceritakan sedikit? Ini tadi tentang imej MARA dan sebagainya. Tolong, kalau ada pengalaman-pengalaman yang baik, *[Ketawa]* yang dapat di luar negara.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di Vietnam bukan main ada 80 juta penduduk. Kalau negara ini boleh mengalah – satu-satunya negara yang boleh berperang dengan Amerika Syarikat sehingga Amerika Syarikat kalah, boleh berperang dengan Perancis, Perancis pun kalah. Satu-satunya negara yang menang di dalam perang dengan Perancis, dengan Amerika Syarikat, ini bermakna mereka memang disiplin yang hebat.

Saya bagi satu contoh, saya berharap pemimpin-pemimpin kita termasuk di dalam MARA boleh mempelajari budaya seperti Ho Chi Min – kita pergi ke *mausoleum* dia, kita pergi tengok. Tuan Yang di-Pertua pun pergi, bukan sahaja pergi, ada buat catatan, komen di situ pula. Dia tinggal di dalam satu bangsal sahaja, rumahnya kecil diperbuat daripada kayu dan kemudian di dalamnya kemudahan-kemudahan itu begitu – seperti orang di kampung juga. Kehidupannya tidak begitu mewah, sederhana sahaja, dengan tujuan semata-mata untuk negara, untuk masyarakat, komited, iltizam untuk negara. *[Disampuk]*

Iltizam, itu bahasa Malaysia jangan kita ketawalah, lebih baik daripada komited. Beriltizam bahasa Arab, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Putrajaya itu lebih mewah. *[Ketawa]* Ia seperti bangsal, lebih baik daripada bangsal. Kalau kita hendak mempelajari, itulah kita pelajari. Ini tidak ada kena-mengena dengan latihan untuk keusahawanan juga, sebelum kita mendapat keuntungan yang banyak, kita binakan satu mahligai, kita gunakan kereta *Mercedes 280*, kita pergi bukan benda-benda yang mewah sangat. Yang Berhormat bagi Sri Gading, baik juga dia gunakan *Honda Civic* sahajalah tu. Baiklah itu, contoh baik cuma jangan terkandas di Kuala Lumpur lagilah, letak di tempat yang tidak sesuai dan marah pula bila masuk ke Parlimen. *[Disampuk]* Sudah marah muka dia, lantang menentang bekas Datuk Bandar kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi baik jugalah Sri Gading yang bertanya saya apa kita boleh mempelajari di Vietnam. Kita jangan terlalu hendak hidup dengan terlalu mewah. Kita hidup sederhana, kegiatan kita sederhana itu cara yang baik. Saya berharap semangat ini dapat disemaikan di semua institusi MARA. Pelajar kita, latihan sangat...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya hm.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa betul kita banyak boleh pelajari daripada Vietnam - disiplin, sederhana, tetapi juga saya rasa Vietnam termasuk yang dia boleh pukul Perancis dan US sebab dia cinta kepada negara. Jadi, macam mana saya hendak tanya kita dalam Dewan ini kita semua rakyat Malaysia, kita berkelahi sesama kita dalam Dewan tidak mengapalah. Macam mana dengan setengah sikap Ahli Parlimen kita yang mengajak pentadbiran luar pukul, bantai Malaysia di depan orang, minta tolong suruh jatuh pula di sini. Saya ingat itu tak betul. Jadi, kalau boleh jangan buat macam itulah. Kita kelahi sesama kita tak mengapa tetapi jangan dok minta orang luar negara mari menjatuhkan kerajaan kita. Sebab cinta negara itu penting, saya hendak tanya betulkah itu Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti cintakan negara. Saya sendiri bila saya keluar, saya tidak membeza-bezakan orang. Kita orang Malaysia, kita pergi luar negara kita mewakili Malaysia, itu memang penting, termasuklah Kolej Yayasan MARA pula jangan pergi ke luar negeri nanti buat sesuatu, balik ke sini kita mungkir janji. Tak boleh buat macam itu. Itu tak baik.

Saya berharap semua di dalam Dewan ini juga bila kita keluar, termasuk kakitangan kerajaan bila kita keluar negara kita bawa nama yang baik dan balik pula. Itu cara yang terbaik sekali. Jangan bazirkan wang rakyat kita. Kita pergi luar negara dengan perangai yang sangat baik, dengan prestasi yang baik bila kita menghadiri konferensi dan kita tunjukkan kebolehan kita. Itu cara yang paling baik. Saya setuju kita mesti cintakan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak lagi kita boleh bincang tetapi setakat ini kalau cadangan-cadangan, syor-syor yang membina saya diterima, itu cukuplah untuk memperbaiki keadaan yang isi kandungannya termaktub di dalam pindaan ke atas Akta Majlis Amanah Rakyat 1966, dari masa ke semasa kita terus pinda, dan selepas pindaan ini saya berharap MARA terutamanya di dalam IPTS yang ditaja di bawahnya boleh meningkat prestasinya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sipitang.

12.49 tgh.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjaga MARA yang seperti dibahaskan oleh rakan daripada Jeli tadi. Memang kalau tidak silap saya MARA ini telah pun wujud 50 tahun iaitu walaupun nama asalnya ialah Rural Industry Development Authority ataupun dalam bahasa Melayu Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan yang ditubuhkan dalam tahun 1950 dan kemudian ditukar kepada nama MARA yang mula berkuat kuasa 1 Mac 1966 iaitu di bawah Akta 489 seperti yang diberitahu oleh Menteri tadi. Kali ini ialah pindaan kali yang ke tujuh kalau tidak silap saya yang mana enam kali telah pun dipinda, dan yang terakhir telah dipinda pada tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya berbangga dengan MARA ini kerana pada awal tahun 1960-an, kalau disebut di daerah-daerah dan di kampung organisasi yang memperjuangkan bumiputera masa itu yang dikenali oleh penduduk luar bandar ialah MARA. Sebut sahaja lambang bulat macam roda menjadi sebutan orang, bahawa inilah satu organisasi tempat kita bergantung yang boleh memberi bantuan kepada

bumiputera pada masa itu. MARA ini ditumpukan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pemodenan teknologi dan memang sesuai dengan nama dan tujuan asal MARA itu mengikut Fasal 6 Akta 489 iaitu untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan usaha ke arah pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan khususnya di luar bandar. Mungkin sebab itulah MARA ini menjadi perhatian, menjadi pujaan penduduk luar bandar pada masa itu, termasuk saya sendirilah.

Semasa saya kecil, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa salah satu organisasi yang membantu kita ialah MARA walaupun saya tidak pernah dapat bantuan MARA bila saya semakin membesar dan masuk ke sekolah menengah dan universiti. Tetapi memang MARA lah yang ke sana ke mari disebut-sebut - ada bangunan MARA, ada bas MARA, ada restoran MARA, ada arked MARA, ia berkembang daripada sehari ke sehari suatu pertumbuhan yang amat sihat dan membanggakan kita semua khususnya bumiputera dan Melayu keseluruhannya.

Walaupun MARA ini dilihat memihak kepada bumiputera tetapi sebenarnya ia membantu kepada semua kaum sejajar dengan pertumbuhan ekonomi, membela semua kaum. Adanya usaha-usaha bersama khususnya di Sabah di mana bumiputera di Sabah ini ada juga berketurunan Sino, yang mendapat faedah langsung daripada MARA ini. Saya masih ingat suku kaum Cina yang pertama sekali masuk MARA ialah daripada Sabah, masa itu kerana keturunan Cina di Sabah banyak yang bumiputera dan merekalah yang mula-mula masuk MARA itu.

Jadi, kalau kita lihat sejarah MARA ini begitu baik, dan hari ini Yang Berhormat Menteri membentangkan pindaan Seksyen 6, Perkara 2A, 2C, menubuhkan satu perenggan baru yang membolehkan MARA ini berkembang yang akan menubuhkan Universiti Teknologi MARA yang ada kerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Kalau disorot sejarah MARA ini memang panjang. Saya cuma ingin sentuh yang berkaitan dengan akta ini iaitu sektor pendidikan di dalam MARA ini. Kalau kita lihat MARA telah menubuhkan berbagai-bagai pusat pendidikan yang memang penting untuk negara kita dan lebih-lebih lagi sejak akhir-akhir ini kita menghala ke negara maju iaitu Wawasan 2020 yang mana soal pendidikan ini begitu ditekankan. MARA adalah merupakan satu entiti ataupun satu cara untuk memperbanyakkan khususnya pelajar-pelajar ataupun tenaga kerja bumiputera dalam bidang-bidang teknikal, maka banyakkah ditubuhkan daripada peringkat bawah sehingga ke atas yang pada hari ini kita ada Maktab Rendah Sains MARA, kita ada Kolej MARA, kita ada Pusat Giat MARA, kita ada Institusi Kemahiran Tinggi MARA, Institusi Kemahiran MARA, Kolej Profesional MARA, Akademi Info-Tech MARA, dan yang tertinggi sekali ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan yang akhir ini kita akan ada Universiti Teknikal MARA yang akan ditubuhkan.

Kalau kita melihat bahawa sejarah MARA ini menunjukkan telah menghasilkan puluhan ribu pelajar-pelajar khususnya pelajar bumiputera masuk ke dalam bidang pekerjaan dan terbukti melalui usaha MARA ini menghasilkan tenaga yang diterima bukan sahaja di dalam negara malah melahirkan ahli-ahli perniagaan, pegawai-pegawai yang telah diterima bekerja di pusat-pusat terkemuka baik di swasta mahupun di peringkat luar negara, dan hasil keluaran ataupun graduan-graduan daripada pusat pengajian yang ditaja oleh MARA ini juga diterima di antarabangsa dan telah pun setanding dengan pelajar-pelajar yang dilahirkan daripada institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Jadi, soal-soal pada masa dahulu kualiti kelulusan MARA itu di bawah paras yang diterima telah tidak kedengaran lagi, dan ini menunjukkan bahawa usaha ini adalah satu cara yang betul, satu cara yang diterima oleh masyarakat dalam negeri dan juga masyarakat luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh, misalnya MRSM, kalau kita lihat sistem MRSM ini adalah satu yang unik. Saya tidak tahu dari model mana kita mengambil, tetapi saya rasa kita mesti patenkan. Sistem MRSM ini adalah paten kita sendiri yang dilahirkan oleh Kerajaan Malaysia. Saya takut nanti suatu hari orang Amerika 'claim' MRSM ini adalah paten Amerika. Ini kadang-kadang kelemahan kita, bila kita ada satu produk yang baik yang telah berjaya kita terlupa mempatenkan ataupun mengakui bahawa mengiktiraf - paten (copyright) bahawa inilah hasil kita. Sedang melalui program MRSM ini saya bagi contoh di sini, satu sistem pelajaran yang begitu baik. Mungkin sistem ini diambil daripada pelajar-pelajar yang cemerlang. Saya

bukanlah menilai daripada situ, tetapi menunjukkan berbanding dengan sekolah asrama penuh yang lain bahawa MRSM ini salah satu sistem yang begitu cemerlang.

Saya membaca di sini mengikut laporan yang diberikan oleh MARA, "MRSM pada tahun 2000 - daripada 4,259 pelajar MRSM yang mengambil SPM, bilangan pelajar yang mendapat 9A - 257, saya cukup kagum; 8A - 370 daripada 4000 ini; kemudian 7A - 409; 6A - 483; dan 5A ke bawah - 2,276" semua MRSM yang ada di Malaysia ini sebanyak 21 buah telah lulus 100%. Ini adalah satu pencapaian yang bagi saya satu yang begitu membanggakan.

Jadi, kementerian, kerajaan kenapakah tidak melihat ini adalah sebagai satu model cara pembelajaran yang terbaik di negara kita. Mungkin sistem ini dibuat kajian dilihat mungkinkah sistem MRSM ini ataupun yang ditaja oleh MARA ini adalah yang terbaik di antara sistem yang kita ada berbanding dengan sistem-sistem yang lain di negara kita. Ini yang saya merasa begitu kagum seharusnya diberi penghargaan kepada Menteri yang menjaga, ini kita perluaskan.

Jadi, atas itu....saya beri peluang ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Saya akui pencapaian baik yang dilakukan oleh penuntut-penuntut keluaran daripada MRSM seperti yang disebutkan oleh Sipitang. Adakah Yang Berhormat bagi Sipitang juga berfikir sependapat bahawa sistem itu satu daripada kemungkinan yang menyebabkan keluaran penuntut-penuntut ini baik daripada dibandingkan sekolah-sekolah berasrama penuh. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pengambilan juga merupakan faktor yang penting kerana MRSM cuma mengambil penuntut-penuntut yang terbaik daripada sekolah-sekolah di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat masa sudah cukup. *[Ketawa]*
Jawab petang ini ya. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun buat apa? *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Sipitang, sila sambung ucapan, jawapan tadi kepada Sri Gading.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kepada Beluran.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tadi Menteri pun bangun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi Menteri dahulu, kemudian Beluran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini pasal Beluran tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Beluran?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Jadi betul....

Tuan Yang di-Pertua: Saya perbetulkan sekejap tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, dalam ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat memuji Maktab Rendah Sains MARA mendapat kejayaan yang baik, tetapi Beluran dia bangun, dia kata macam mana tidak baik sebab MRSM semua dapat pelajar-pelajar yang terbaik. Saya hendak buat penjelasan sedikit, itu adalah tidak benar kerana persetujuan kita dengan Kementerian Pendidikan ialah mana budak-budak yang mendapat keputusan yang terbaik, Kementerian Pendidikan akan ambil mereka dahulu dan mengisi sekolah-sekolah yang di bawah Kementerian Pendidikan.

Jadi yang saki baki itu barulah MRSM ambil. Jadi, tidak betullah apa yang Beluran cakap. Yang kita ambil bukan *the best student* sebab *the best student* telah diambil oleh Kementerian Pendidikan dahulu, yang kita ambil ialah saki baki. Jadi kecemerlangan MRSM itu memang sebenarnya kecemerlangan skim pendidikan yang dibuat oleh Maktab Rendah Sains MARA.

Tuan Yang di-Pertua: 5A ya, yang diambil oleh MRSM. Ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mmm...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih jawapan Menteri atas pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Beluran. Jadi betullah Tuan Yang di-Pertua saya punya kajian itu, unjuran, analisis saya itu bahawa MRSM itu telah pun mencapai kejayaan dan melalui kenyataan Menteri tadi memang bukan daripada dengan izin, *the cream student*. Jadi ertinya penuntut yang purata pun telah mencapai kejayaan dengan cemerlang apabila dimasukkan ke dalam MRSM ini. Ini menunjukkan MRSM itu mempunyai suatu kaedah cara yang tersendiri yang boleh membentuk suasana pembelajaran yang baik. Salah satu yang dilihat ialah ia tidak pakai uniform sekolah macam biasa, ia ada caranya yang tersendiri. Inilah yang saya katakan tadi suatu kejayaan negara kita, satu sistem yang dapat kita bentuk untuk memperbanyakkan pelajar-pelajar khususnya bumiputera berjaya.

Jadi atas alasan itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Menteri, apakah kerajaan tidak akan mengembangkan sistem ini. Kita bukan menidakan Kementerian Pendidikan, dia pun ada sistem sendiri. Misalnya saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, oleh kerana kejayaan ini apakah kementerian tidak mengkaji supaya kesinambungan sistem pendidikan ini dapat diperluaskan. Iaitu yang pertama, boleh atau tidak sistem ini kita *apply* ataupun laksanakan di peringkat tadika, iaitu untuk ada tadika yang dikendalikan oleh MARA.

Sekarang ini tadika macam-macam, Tuan Yang di-Pertua, ada tadika.....pembangkit pun ada tadika, Prasekolah - Kementerian Pendidikan, Taska, Taski, KEMAS, swasta, Pasti, macam-macam. Jadi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi peluang Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Sipitang. Saya amat bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Sipitang tentang MRSM. Memang di kawasan sayalah umpamanya, menjadi sebutan dan ibu bapa memang bercita-cita sangat kalau dapat anaknya masuk ke Maktab Rendah Sains MARA, kerana prestasi MRSM ini memang begitu membanggakan, sebagai satu jaminan bahawa kalau anak-anak mereka masuk MRSM ini seolah-olahnya satu kejayaan akan diperolehi oleh mereka.

Jadi bagi saya bukan kita bertanya kepada Menteri, kita terus sahaja cadangkanlah supaya Menteri ini memperbanyakkan MRSM ini. Lagipun memanglah MARA ini kerjanya lain tidak ada dalam fikiran orang kampung, memang untuk membantu orang luar bandar. Jadi apa salahnya MRSM ini diperbanyakkan bagi membolehkan ruangan yang lebih luas kepada anak-anak khususnya di luar bandar bagi mendapat pendidikan yang terjamin kejayaannya. Saya ucapkan syabas kepada MRSM dan saya berdoa Menteri ini lembutlah hati, banyakkkanlah bina MRSM di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih rakan saya bagi Sri Gading. Sebenarnya saya belum masuk dalam bab itu tadi, saya baru di bab cadangan untuk tadika. Tetapi walau macam manapun telah disebut oleh Yang Berhormat Sri Gading, inilah saya katakan kita telah berjaya, terbukti dalam beberapa tahun ini bahawa MRSM itu jadi kebanggaan ibu bapa di luar bandar, jadi rebutan, berebut-rebut orang di negara kita ini pelbagai kaum menghantar anak mereka ke MRSM.

Jadi atas alasan itu, kenapakah kita masih menyepi, mendiamkan diri untuk memperbanyakkan. Contohnya di Sabah kita baru ada satu MRSM di Kinarut iaitu MRSM Kota Kinabalu. Saya dengar ada satu lagi lulus. Saya minta Menteri ada di sini, di Sipitanglah kalau boleh dapat juga satu oleh kerana Sipitang ini ia strategik, ia bersempadan dengan Sarawak, berjiran dengan Brunei, tidak ada bahagian lain ataupun Parlimen lain yang bersempadan dengan Sarawak, Sipitang sahaja satu-satunya bersempadan dengan Sarawak, berjiran dengan Brunei, Labuan. Bukan Sipitang sahaja, kawasan-kawasan yang lain juga perlu, macam Sri Gading, kawasan pedalaman Bagan Datok, Keningau besar, ia ada desa baru, bekas Yang Berhormat Senator Sairin Karno ada di hujung sana Tuan Yang di-Pertua, dia pun perlu juga. [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Beluran pun masuk.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Beluran pun minta, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi saya sebut Keningau Tuan Yang di-Pertua, pasal Datuk Sairin Karno ini, dia ada di hujung sana, orang yang berani. *The only person*, yang berani ke kem Abu Sayyaf. Pembangkang dia bisang-bising tetapi tidak berani. Datuk Sairin dia masuk hutan di Filipina, dia menyelamatkan tebusan-tebusan yang telah dibawa daripada Pulau Sipadan dan Pandanan. Ini kawan saya, dia dengar saya berucap Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah Datuk Sairin, dia datang.

Jadi inilah yang kita hendak. Kalau boleh sistem pendidikan yang ada ini, oleh kerana permintaan ibu-ibu suka, dia bangga bila masuk MRSM, kita bukalah, banyakkannya. Oleh kerana ini trend, mungkin juga anak-anak ini pula bila masuk MRSM bangga juga, jadi kita hendak apa yang rakyat suka. Jadi saya minta terbukalah hati Menteri Pembangunan Usahawan yang menjaga MARA ini bukalah di Sipitang. Tanah saya sudah sediakan 300 ekar untuk buka ini. Kalau pun tidak MRSM, Institut Kemahiran Tinggi MARA pun tidak apalah buka di Sipitang ini kerana Sipitang pun banyak kilang yang besar-besar daripada Lion Group Sabah Forest Industries ada di Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung balik. Oleh kerana sistem ini baik, kenapakah tidak kerajaan juga bercadang untuk membuka tadika MARA ini kerana tadika ini bermacam-macam, ada prasekolah Kementerian Pendidikan, ada agama – Taski, Taska, ada yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui KEMAS, ada yang di swasta, bermacam-macam, begitu berbunga-bunga. Kenapakah tidak pula kita adakan tadika.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadikanya ada, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga mencadangkan di sini, apakah kementerian tidak juga bercadang sekolah rendah, sistem cara MARA ini kerana kita ada MRSM kemudian kita ada sekolah rendah. Mungkin sekolah-sekolah rendah cara MARA ini sebagai *a feeder primary school* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekolah rendah yang akan membekalkan penuntut-penuntut yang akan ke MRSM ini. Jadi keseluruhannya kita ada satu sistem yang baik, yang boleh diterima di seluruh negara, yang orang akan suka menghantar anak ini. Jadi, ini yang kita beri tahniah kepada Menteri, kalau boleh kita dapatkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita berasa bangga, bermacam-macam sistem pendidikan yang diberikan oleh MARA ini. Saya sebutkan tadi kalau ada tadika – Tadika MARA, Sekolah Rendah MARA, MRSM MARA, Kolej MARA, Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Tinggi MARA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Profesional MARA, Akademi Info-Tech MARA, UiTM MARA, selepas itu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, Universiti Teknologi MARA ini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apakah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Sipitang. Ini sepetang dengan Sipitang. Sipitang mencadangkan supaya MARA ini mewujudkan tadika. Tidakkah Sipitang rasa bimbang kalau diwujudkan di Terengganu dan Kelantan, ditutup oleh kerajaan PAS sebab kerja Kerajaan PAS ini menutup benda yang dibuat oleh Kerajaan Pusat walaupun perkara yang dibuat oleh Kerajaan Pusat itu memberikan kebaikan kepada rakyat. Tetapi oleh sebab orang PAS ini semuanya dipolitikkan hingga Allah S.W.T. pun cuba dipolitikkan dengan perkataan Allah itu samseng dan ini semua sudah terlampau sangat dipolitikkan. Tidakkah Sipitang rasa bimbang? Saya hendak bercakap tentang Allah S.W.T. samseng ini pada sesi yang akan datang, tidak sempat sebab hendak ceritakan *[Membaca dalam bahasa Arab]* – “Kesalahan Tuhan dengan segala yang baru itu sifat Asma Husna Allah”. Itu kemudianlah tetapi saya hendak bertanya sedikit, tidakkah rasa bimbang dan ragu Sipitang kalau ditubuhkan nanti di Terengganu dan Kelantan pula seolah-olah benda ini akan menjadi masalah di dua negeri yang dikuasai oleh PAS.

Insyallah, lepas pilihan raya besok, PAS Kelantan, Terengganu akan pulih agaknya masa itu tidak ada masalahlah. Cuba saya dapatkan penjelasan sedikit.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Itulah juga, Tuan Yang di-Pertua, kekuatiran kita kalau di Terengganu dan Kelantan ini tidak diselaraskan mungkin ini boleh berlaku, tetapi saya melihat daripada sudut yang lebih jauh daripada itu, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kita merasakan Terengganu, Kerajaan PAS dan PAS Kelantan tidak memberi kerjasama, kita kemudiannya mereka.

Kita buka di negeri-negeri yang di kuasai oleh Barisan Nasional dan oleh kerana *trade name*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, lambang MARA ini begitu baik, kita buka dulu di negeri lain dan biar orang ramai mengikuti dan lepas itu kita buka di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu ini, sebagai alternatif kerana PAS pun dia ada tadika, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita ada pilihan sama ada orang ramai hendak masuk PASTIKah ataupun hendak masuk Tadika MARAKah.

Jadi inilah dan saya rasa, bila ini dibuat sambutan pasti akan ada kerana kita mempunyai *track record* yang baik, tenaga kerja yang baik, sistem pendidikan yang dibuat oleh MARA ini yang terbaik. Jadi, saya bimbang, memang bimbang pandangan Yang Berhormat daripada Sri Gading itu kalaulah ini berlaku, ini sudah tentu membantutkan pendidikan negara kita, kalau pendidikan pun dipolitikkan, segala-gala apa juga yang dibuat untuk kebaikan bangsa dan negara semua dipolitikkan. Yang kita akan lihat ialah kehancuran negara kita bukan ke arah perpaduan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat tadi jikalau sudah ada sekolah rendah iaitu sekolah rendah MARA sebagai *feeder* kepada sekolah MRSM ini dan bermacam-macam kolej yang ada di bawah MARA ini, saya minta penjelasan daripada Menteri apakah hubungan di antara satu *entity* maktab tadi. Misalnya, kalau kita lihat tadi ada tadika, lepas lulus tadika dia masuk sekolah rendah MARA, lepas sekolah rendah MARA dia masuk MRSM, sekolah menengah. Lepas MRSM ke mana pula hala tuju budak ini. Apakah kita ada rangkaian ataupun pertalian di antara satu, misalnya Pusat Giat MARA dengan MRSM, dengan Kolej MARA, dengan Institut Kemahiran Tinggi MARA ataupun lain-lain institut. Di manakah hierarki itu?

Kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan, kalau boleh kita mengadakan satu sistem di mana kaitan di antara satu institusi dengan satu institusi yang lain di bawah MARA itu, ada kesinambungan iaitu orang yang masuk MARA ini, kelulusan misalnya yang paling rendah ialah MRSM. Lepas MRSM yang terbaik mungkin boleh masuk kepada UiTM, boleh masuk kepada Institut Teknologi MARA. Kalau yang kurang cemerlang mungkin dia memilih Institut Kemahiran MARA dan mungkin institut kemahiran tinggi teknologi MARA.

Yang penting ialah ada kesinambungan dan dengan adanya kesinambungan ini sistem pembelajaran dalam MARA itu tidak berhenti di situ saja. Saya mempunyai ramai rakan-rakan kaum Cina yang sistem belajar seumur hidup. Jadi ertinya mereka walaupun sudah bekerja, walaupun sudah keluar daripada institusi-institusi lain ataupun

pusat-pusat kemahiran tapi dalam masa yang sama mereka mengikuti kelas malam dan akhirnya pencapaian yang paling tinggi yang ingin dicapai ialah kelulusan universiti sama ada diploma ataupun ijazah ataupun sebagainya, yang akhirnya walaupun terbantut di peringkat ini dia tidak berhenti di situ saja, dia ada kesinambungan daripada bawah hingga ke atas. Akhirnya seluruh graduan ataupun lepasan-lepasan pusat-pusat pendidikan MARA ini akan ada peluang mencapai pendidikan yang tertinggi dalam sistem mereka.

Jadi, ini saya minta penjelasan daripada Menteri, sama ada kaitan ini nampak atau tidak, yang saya lihat misalnya Pusat Giat MARA, seolah-olah selepas dia ada sijil dari Pusat Giat MARA dia hendak pergi mana? Bolehkah sijil Pusat Giat MARA ini digunakan sebagai satu permulaan untuk dia masuk ke institut kemahiran tinggi MARA ataupun masuk ke UiTM, ataupun masuk ke Universiti Teknikal MARA. Jadi ini yang saya ingin minta penjelasan.

Kalau dapat kita buat, jadi ertinya bila kita sudah masuk ke dalam *entity* sistem MARA itu kita boleh mencapai kecemerlangan pendidikan yang tertinggi di dalam sistem itu sendiri tanpa banyak kerenah. Tuan Yang di-Pertua, selalunya bila masuk universiti ini dia macam-macam keperluan. Dia ada level-level tertentu, lulus itu, lulus ini, barulah boleh masuk universiti. Tetapi kalau sistem MARA kita longgarkan kerana dia satu sistem dan ada kesinambungan dalam sistem pendidikan MARA itu sendiri. Kalau itu dapat dibuat, Tuan Yang di-Pertua, jadi sistem belajar seumur hidup itu akan boleh kita buat.

Apakah hubungan dengan kolej-kolej yang lain, yang mengeluarkan sijil-sijil, misalnya nanti kita ada kolej komuniti yang akan ditubuhkan di setiap Parlimen. Ke arah manakah kolej komuniti ini, sijilnya laku di mana, universiti MARA, apakah MARA juga mengiktiraf, menerima apabila mereka mahu ambil diploma, ijazah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa memang MARA ini mempunyai jaringan yang begitu baik, yang begitu kuat misalnya, kolej profesional MARA, Akademi Infotech MARA yang begitu meluas, yang menghasilkan tenaga profesional. Bila saya melihat tenaga profesional yang dihasilkan ini berkisar di mata pelajaran ataupun bidang-bidang teknologi yang bersangkutan dengan ICT dan juga *electrical engineering*, dengan izin, dan juga *telecommunication computer*.

Bagaimanakah peranan MARA ini untuk menyelesaikan masalah memperbanyakkan profesional bumiputera. Maksud saya bukan sahaja dalam bidang teknologi, bukan sahaja dalam bidang komputer dan bukan sahaja dalam bidang komunikasi tetapi kita melihat, kita telah buat bermacam-macam cara. Ada USM, ada UKM, ada UPM, untuk memperbanyakkan bidang-bidang tertentu, misalnya doktor.

Di Malaysia ini saya dapat tadi jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, kita ada kekosongan 1,600 doktor pakar misalnya. Tapi doktor pakar yang diisi di hospital-hospital kerajaan cuma 900. Kita masih ada kekosongan 700. Kita telah berusaha memperbanyakkan fakulti-fakulti perubatan, memperbanyakkan kempen-kempen dan sebagainya. Kita masih juga tidak boleh mencapai matlamat ini.

Begitu juga dalam bidang-bidang yang lain. Misalnya akauntan, peguam barangkali, lepas itu dalam bidang yang lain, yang mana diperlukan oleh negara kita dalam profesional. Jadi apakah tindakan kementerian supaya dapat melengkap, mengambil peranan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong ini ataupun memperbanyakkan graduan-graduan ataupun mereka yang mahir dalam bidang-bidang ini, supaya dapat membantu negara mengisi jawatan-jawatan kosong dan menyeimbangkan bilangan bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang-bidang ini.

Jadi kita kena perlu lebih agresif. Kita tidak menidakkan kaum-kaum lain tetapi kita hendak bangun bersama. Kalau MARA boleh mengambil peranan melihat perkara ini, kita ucapkan banyak terima kasih kerana saya rasa inilah satu cara yang boleh memperbanyakkan kerana MARA ini telah terbukti kita ada teknologi *know-how*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan kita mempunyai pakar-pakar yang berpengalaman dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi memohonlah kepada Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini supaya MARA, khususnya dalam bidang pendidikan, kita seimbangkan pembangunan infrastruktur

pendidikan MARA ini, baik Pusat Giat MARA. Saya ucapkan terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat satu Pusat Giat MARA di kawasan saya, lebih kurang RM1 juta, ya terima kasih. Tapi yang saya kata tadi, MRSM tidak dapat Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dapat institut kemahiran teknologi tinggi MARA. Tanah sudah ada Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan hal ini.

Saya mengatakan tadi bahawa kalau boleh kita bagi ke seluruh negara buat kajian oleh kerana permintaan dan keinginan rakyat Malaysia memasuki MRSM, Pusat Giat MARA, UiTM dan sebagainya, kalau boleh kita perbanyakkan salah satu daripada sistem yang boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong pindaan akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Kubang Kerian.

2.55 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih. Bismillah, alhamdulillah, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Usahawan kerana membentangkan rang ini selain daripada itu *commitmentnya* sepanjang sesi baru ini, sudah dua minggu, tiap-tiap hari dia ada di Parlimen dan saya difahamkan semua *appointmentnya* dan temu janji dengan mana-mana pihak dan juga pegawai-pegawai dilakukan di sekitar Parlimen ini bagi membolehkan beliau hadir sepanjang masa.

Ini satu contoh yang sangat baik, yang harus ditiru oleh Menteri-menteri yang lain juga dan Pendang boleh lihat bagaimana dalam tiga tahun yang lepas kita sentiasa bila tiba masanya memberikan pujian di mana yang patut tetapi oleh kerana Pendang dia baru masuk, dia ingat hari-hari kita mesti bergaduh. Itu adalah satu anggapan yang silap dan saya berharap dengan persepsi ini tidaklah mana-mana Ahli Parlimen akan berlagak histeria dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu juga sebelum saya masuk ke dalam perbahasan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pendang bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Pendang bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, belakang itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti dululah, nanti panas Tuan Yang di-Pertua. Saya mengelakkan kepanasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Othman bin Abdul: Sahabat saya, saya pun tengok juga hari pertama pembentangan Belanjawan tahun 2001, lebih hebat kegilaannya, semua kita tengok dalam TV, semua Ahli Parlimen keluar, kita tengok kegilaannya, bagaimana sikapnya. Bila saya bercakap sikit kuat, histeria. Ini apakah satu tafsiran yang dibuat oleh rakan saya daripada Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak kata Pendang mengalami histeria tetapi dalam sidang kita lapan hari ini sudah tiga Ahli Parlimen dari Barisan Nasional menarik balik kata-kata mereka dalam Dewan ini. Itu satu daripada contoh.

Saya masuk kepada perbahasan rang undang-undang ini. Sebelum itu Menteri kita telah meluluskan peruntukan bagi pembinaan pusat penjaja di Kelantan, Kota Bharu yang telah ditahan oleh bekas Menteri yang lalu dan ini juga satu contoh sikap positif yang boleh melaksanakan lagi misi MARA dengan lebih berkesan.

Kita semua tahu MARA ditubuhkan untuk melaksanakan program melahirkan usahawan bumiputera dan juga kemudiannya terlibat bidang pendidikan bagi melahirkan teknokrat bumiputera dan selain daripada kita melihat kejayaan-kejayaan, kita juga harus menyemak kelemahan-kelemahan supaya dengan itu kita boleh meningkatkan lagi keberkesanan majlis yang sangat penting ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin merujuk kepada Laporan Audit bagi tahun 1999 dan juga tahun 2000. Walaupun Laporan Audit ini adalah satu laporan terhadap pengurusan MARA di bawah Menteri yang sebelum daripada ini, iaitu Dato' Mustapha Mohamed yang kebelakangan ini banyak bercakap berkenaan berbagai-bagai perkara tetapi saya ingin merujuk kepada kedudukan MARA di bawah pengawasan beliau sebagai Menteri Pembangunan Usahawan pada waktu itu.

Sebelum daripada itu, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada kementerian iaitu di bawah strategi untuk menempatkan peniaga-peniaga bumiputera di kawasan-kawasan yang strategik. MARA telah diperuntukkan peruntukan yang sangat besar untuk membeli pusat-pusat perniagaan, Kita semua tahu bahawa sebahagian daripada rungutan peniaga bumiputera baru-baru ini saya baca dalam *Utusan Malaysia* di bawah tajuk "Melayu Pulau Pinang terpinggir" dalam siri-sirinya yang kita kurang bernasib baik kerana RTM belum lagi buat klip video yang lengkap hanya *Utusan Malaysia* iaitu satu akhbar *mainstream* telah mendedahkan bahawa orang Melayu di Pulau Pinang terpinggir dan salah satu daripada kegerhanaan Melayu Pulau Pinang mengikut pandangan dan laporan *Utusan Malaysia* yang saya yakin juga dibaca oleh Yang Berhormat daripada Pendang dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan ialah peniaga-peniaga Melayu Pulau Pinang diberikan tempat-tempat yang agak tersorok - Pendang, tidak ada sudah, tidak macam Menteri kita, Menteri boleh tunggu, Pendang sudah keluar - tersorok sehingga prestasi perniagaan mereka adalah tidak baik. Atas premis ini MARA telah mengambil langkah untuk membeli pusat-pusat perniagaan.

Salah satu yang dibeli oleh MARA ialah Kayangan Square Complex dekat Kangar, Perlis dengan harga RM35 juta, saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih munasabah Perlis ataupun Kangar bukanlah satu pusat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat cakap Pulau Pinangkah Perlis ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekarang spesifik kepada Perlis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh! Perlis pula, okey, okey. Pulau Pinang okeylah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan, duduk dahulu, saya boleh terangkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pasal dia lari Pulau Pinang ke Perlis itu, celaru.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan lari dan tak celaru, tajuknya ialah MARA mengambil langkah ini bagi menempatkan peniaga-peniaga bumiputera di kawasan yang strategik, atas premis ini MARA telah membeli Kayangan Square Complex dekat Kangar, ini kes yang spesifik iaitu sebanyak RM35 juta. Kangar bukanlah satu pusat perdagangan dan perniagaan yang maju. Dalam masa Pilihanraya Kecil Indera Kayangan, kita dapat menikmati gigitan nyamuk kerana kekotoran longkangnya dan kerana kebekuan Kangar. Jadi, dengan RM35 juta membeli satu pusat perdagangan ataupun perniagaan di Kangar, apa rasionalnya.

Yang kedua, saya tidak yakin bahawa harganya adalah RM35 juta kerana di Kangar hartanah tidaklah sedemikian mahal, mengapakah Kangar dijadikan fokus ataupun keutamaan MARA membelanjakan RM35 juta bagi membeli sebuah pusat yang dikatakan pusat perniagaan.

Saya yakin mana-mana peniaga yang akan ditempatkan di situ tidak akan lebih daripada beberapa belas syarikat sahaja, saya tidak yakin bahawa pusat seperti ini boleh menempatkan beratus-ratus peniaga bumiputera dengan kuasa beli yang kecil dan pusingan perniagaan yang rendah.

Atas sebab itu saya ingin penjelasan, adakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi MARA bagi mengambil keputusan ini dan ini saya akan kaitkan dengan apa yang tertera dalam Laporan Tahunan MARA bagi tahun 1999, dan tahun 2000. Biarlah saya tidak berlagak mahir, saya hanya mengemukakan pertanyaan-pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut daripada menteri, sebagai satu contoh Laporan Tahunan MARA bagi tahun 2000, muka surat 107, tuntutan ke atas MARA Holding Sendirian Berhad kerana pecah kontrak berjumlah RM46.9 juta. Biarkan saya mendapatkan penjelasan apakah ataupun mengapakah peruntukan bagi pecah kontrak

yang begitu besar diperuntukkan dalam Laporan Tahunan MARA yang tersebut. Dan ini masuk di bawah liabiliti luar jangka. Dan ini tentulah suatu jumlah yang sangat besar dan peruntukan ini telah pun wujud dalam Laporan Tahunan bagi tahun 1999.

Dan kemudiannya kita boleh lihat lagi di bawah umpamanya tajuk pemilikan saham. Kerana rang undang-undang ini juga akan memperuntukkan kuasa yang lebih luas di bawah tambahan ataupun pindaan baru subseksyen yang ada dalam pindaan ini untuk pembelian saham.

Dalam laporan ini kita lihat bahawa saham tidak tersiar harga pada kos mengikut laporan tahun 1999 bagi MARA ialah RM307 juta, dan saya ingin tahu mengapakah pula peruntukan merosot nilainya adalah begitu besar iaitu RM156 juta, iaitu lebih daripada separuh daripada harga saham tersiar, kos saham yang tersiar yang saya maksudkan tadi.

Begitu juga dengan pinjaman, pinjaman kepada syarikat subsidiari, bagi tahun 1999 bagi MARA ialah RM73 juta dan peruntukan pinjaman ragu bagi syarikat-syarikat subsidiari ini begitu besar iaitu RM45 juta, saya ingin tahu kedudukan pinjaman ragu ini pada waktu ini.

Mungkin Menteri mempunyai jawapan yang kemas mengapakah pinjaman ragu itu begitu besar diperuntukkan dan mungkin pinjaman ragu ini telah pun dapat dikutip semula, tetapi yang lebih menarik ialah bagaimana laporan ini menjelaskan dengan agak terperinci hampir 15 hingga 20 nota yang berkaitan dengan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) yang terletak di bawah MARA.

Yang pertama, ialah berkenaan dengan penubuhan syarikat-syarikat subsidiari di mana YPM telah menubuhkan tujuh syarikat subsidiari dan kos pelaburannya ialah RM4.6 juta dan pada pandangan juruaudit penubuhan subsidiari ini adalah tidak diperuntukkan oleh undang-undang tubuh ataupun struktur organisasi YPM, tetapi ini telah dilakukan dan sebanyak tujuh syarikat subsidiari telah ditubuhkan dan lima daripada syarikat subsidiari ini sudah tidak beroperasi lagi.

Jadi, mengapakah keadaan ini boleh berlaku? Bagaimana Majlis MARA tidak memantau, sehingga YPM boleh melanggar undang-undang tubuhnya dengan menubuhkan tujuh syarikat subsidiari yang akhirnya ditutup dan tidak lagi beroperasi dan kerugian sudah tentu akan terjadi di situ.

Dan ini akan mengingatkan kita kepada apa yang dilaporkan oleh polis, oleh TRI sekarang ini oleh Lembaga TRI kepada Suruhanjaya Sekuriti di mana urusniaga TRI semasa di bawah pengurusan lama telah mengalami perkara-perkara yang di luar daripada pengurusan *prudent* ataupun yang baik.

Di antaranya ialah pembayaran-pembayaran *mysterious* kepada anak-anak syarikat dan ini melibatkan satu jumlah yang besar RM259 juta. Saya tidak kata bahawa hal yang sama berlaku, tetapi yang saya hendak tekankan di sini ialah apabila ini berlaku di bawah TRI, mereka telah menubuhkan enam jawatankuasa audit pengurusan dalam enam tajuk dan saya berharap bahawa satu masa MARA juga akan berbuat demikian kerana kita telah dengar Kepong tadi, satu daripada prinsip untuk berjaya ialah disiplin dan disiplin pengurusan dan kewangan kita mestilah ditingkatkan, lebih-lebih lagi bagi MARA yang mempunyai peruntukan kewangan yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua: Hah, Setiu bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada sahabat saya daripada Kubang Kerian. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sudah sampai masanya MARA sepatutnya fokus kepada tujuan penubuhannya dan mana-mana perniagaan yang dianggap bersaing dengan bumiputera, sepatutnya dibatalkan ataupun diserahkan sahaja kepada mana-mana syarikat bumiputera yang boleh memajukan dalam perniagaan-perniagaan tersebut, supaya tidak tujuan MARA ditubuhkan nanti, MARA juga berniaga dan bumiputera yang sepatutnya boleh dibantu oleh MARA juga membuat perniagaan yang sama. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, insya-Allah saya akan jawab persoalan ini di akhir ucapan saya.

Selain daripada itu, ini contoh yang lain, ini satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua, Yayasan tidak menguruskan harta tetapnya dengan memuaskan, ini bukan saya kata, ini juruaudit kata, antara kelemahan-kelemahan yang diperhatikan adalah

umpamanya sejumlah empat bidang tanah milik bebas yayasan tidak diambil kira sebagai harta tetap, Yayasan tidak dapat memberikan maklumat mengenai kos tanah ini.

Yayasan tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta tetapnya untuk memastikan kewujudannya perkara ini menjadi lebih rumit apabila Yayasan tidak memperuntukkan RM1 sebagai nilai buku bersih untuk sebahagian harta tetap yang telah habis tempoh jangka hayat tetapi masih digunakan, panjang ceritanya dan saya akan baca yang penting-penting. Satu contoh lagi mengikut penyata kewangan YPM Disember 2000 kos aset mudah alih di Kolej YPM Bangi, dan Institut Profesional dan Pendidikan berterusan, *in phase* adalah RM28.5 juta, ketepatan nilai aset ini tidak dapat disahkan kerana senarai aset yang dikemukakan oleh YPM tidak lengkap dan kemas kini.

Tajuk berkenaan dengan rekod YPM tidak lengkap dan kemas, kini hampir sepuluh item dalam Laporan Audit ini dan saya yakin bahawa Menteri yang ada ini adalah tidak patut dibebankan dengan kelemahan-kelemahan Menteri sebelumnya.

Menteri sebelumnya sekarang ini sangat hebatlah, dia bercakap tentang projek tergendala, sedangkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sendiri pernah terlibat dalam pegangan saham ataupun ekuiti dalam MEC di Pahang.

Yang Berhormat Menteri boleh jadi sedar dan bukan sahaja misi itu sudah lingkup, bahkan beratus-ratus juta ringgit harta kerajaan telah pun hangus bersama dengan lingkupnya MEC. Dan itu berlaku semasa Menteri yang lalu, Dato' Mustapa dan beliau harus merasa bertanggungjawab terhadap rekod yang begitu buruk yang telah berlaku.

Contoh lain ialah tiada bukti dikemukakan untuk menunjukkan struktur organisasi YPM telah diluluskan oleh Majlis MARA, ini sangat pelik dan Jabatan Perkhidmatan Awam YPM tidak mempunyai senarai perjawatan yang diluluskan mengikut nama jawatan, gred jawatan dan bilangan jawatan yang diluluskan, jumlah perjawatan yang diisi tidak dapat dibandingkan dengan jumlah perjawatan yang diluluskan. Oleh itu kesahihan perbelanjaan berjumlah RM14.27 juta berkaitan dengan gaji elaun dan bonus kakitangan tidak dapat ditentukan, itu satu daripada contoh.

Dan, panjang, saya pun tak larat hendak baca semua, tetapi benda ini adalah sangat mustahak, kalau tidak baca, tidak ada siapa yang akan kemukakan dan laporan ini akan duduk dalam meja Sri Gading, meja Sipitang dan kemudiannya dibuang ke dalam bakul sampah dan kita bercakap tentang akauntabiliti Ahli Parlimen kepada Dewan ini, mereka mengikut undang-undang membentangkan laporan ini untuk kita awasi dan dengan itu kemukakan, tetapi petang ini saya pun

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bacalah semuanya!

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, oleh kerana Tanjong Karang minta saya teruskan baca semuanya, saya akan bacakan.

Ketepatan jumlah hutang bersih oleh syarikat-syarikat subsidiari berjumlah RM2.7 juta tidak dapat disahkan kerana sebab-sebab berikut, YPM tidak dapat memberi asas pengiraan peruntukan hutang ragu, mengikut rekod YPM syarikat subsidiari berhutang dan rekod-rekod tidak lengkap, tidak dapat disahkan kerana dokumen-dokumen sokongan tidak lengkap.

Dokumen-dokumen sokongan tidak lengkap ini berterabur dalam ini, sana sini tidak lengkap, tidak lengkap, tidak lengkap, jadi Tanjong Karang jangan bimbang ini bukan bersabit dengan Jabatan Perdana Menteri, ini MARA di bawah Dato' Mustapa, tidak ada kena-mengena dengan menteri baru, tidak ada kena-mengena dengan ahli Kabinet lain, jangan bimbang.

Jumlah penghutang adalah RM36 juta sebelum ditolak peruntukan hutang ragu, ketepatan jumlah penghutang sebanyak RM25 juta tidak dapat disahkan kerana sebab-sebab berikut, sebab-sebab itu banyak pula, saya tidak hendak baca sebab-sebab, saya baca kepala dia sahaja. Sebab-sebab itu kita boleh semak dalam buku ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, hendak tanya sahabat saya Kubang Kerian. Ini ada dendam peribadikah dengan Dato' Mustapa? *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Pendek sangat soalan itu. Kalau panjang sedikit lagi baik. Tidak ada masalah dendam peribadi. Dan kalau kita kata itu dendam peribadi, apa hal pula dengan juruaudit yang siapkan rekod ini? Bila juruaudit sudah disiapkan, takkan kita hendak diaman sahaja, jangan bersekongkol pula.

Selain daripada itu, pelbagai pemiutang berjumlah RM3 juta, tidak dapat disahkan kerana jadual terperinci bagi menyokongnya tidak lengkap, kerugian terkumpul bagi YPM dari kumpulan YPM masing-masing berjumlah RM13 juta dan RM15 juta pada 31 Disember 2000, kedua-dua jumlah ini tidak dapat disahkan kerana jumlah-jumlah bagi melaraskan kerugian tidak disokong oleh dokumen-dokumen yang berkaitan, jumlah kerugian YPM terkumpul dan Kumpulan YPM yang dibawa dari tahun 1998 hingga 1999 berbeza, berjumlah masing-masing RM9.69 juta bagi YPM dan RM8.63 juta untuk kumpulan YPM.

Penjelasan YPM terhadap perbezaan-perbezaan tersebut tidak dapat diterima kerana dokumen-dokumen sokongan tidak dikemukakan. Menteri keluar pulak dah, oh tak apa, tak apa. Selain daripada itu, YPM menghadapi masalah untuk meneruskan operasinya mengikut konsep amalan berterusan, ia bergantung kepada keuntungan masa hadapan dalam operasinya dan keupayaannya memperolehi sokongan modal daripada Majlis Amanah Rakyat atau kerajaan.

Akaun YPM pada akhir tahun 2000 menunjukkan perkara-perkara berikut, jumlah kerugian terkumpul adalah RM13.85 juta, liabiliti semasa melebihi aset semasa dengan jumlah RM18.08 juta.

Operasi YPM dibiayai oleh pinjaman berjumlah RM46.98 juta dan lain-lain lagi. Jadi yang ini...

[Menunjukkan Buku Laporan Audit kepada Tuan Yang di-Pertua dan Menteri Pembangunan Usahawan]

Yang Berhormat Menteri boleh baca semua dan kalau boleh terangkan semua. Jadi tak payahlah saya penat baca habis. Jadi semua perkara yang dibangkitkan oleh Audit dalam buku ini tertera dengan begitu terang dan seharusnya Menteri pada hari ini mengambil kesempatan memberikan penjelasan, apakah yang telah dilakukan terhadap kepincangan-kepincangan yang telah ditunjukkan dengan begitu terang.

Adakah apa-apa tindakan telah diambil, pembetulan dilakukan, mengesan apakah sebab kelemahan itu boleh berlaku dan lain-lain perkara. Walaupun, saya mengambil kesempatan baca pula yang tahun 1999 ini kerana ada perbezaan sedikit.

Projek *Help One* tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong kata, Yang Berhormat bagi Jeli cakap tadi tak kena kerana tidak berkait dengan Jepun. Dahulu masa dia jadi Pengerusi MARA mungkin ini tidak berlaku. Tetapi mengikut rekod ini, ada kaitan dengan Jepun.

Help One yang dilaksanakan di bawah Perjanjian Pinjaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun melalui *Overseas Economic Corporation Fund* yang diuruskan oleh *Japan-Indonesians Science And Technology Forum* sebagai juruperunding yayasan dengan peruntukan projek sebanyak RM136 juta mempunyai kelemahan-kelemahan berikut.

Kelemahan dia itu dekat dengan belas-belas juga itu, saya pun tidak larat dah nak baca petang ini, saya ambil satu sahaja iaitu banyak sekali, banyak sekali laporan, laporan itu banyak. *[Membuka beberapa muka surat Laporan Audit]* Jadi kalau boleh bahawa Menteri buka tahun 1959 punya laporan kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak rujuk ini, muka surat 97 (Laporan Audit Tahun 1999).

Ini bukan saya buat ini. *[Ketawa]* Nanti kata saya buat pula. Ada, ada dalam beg ataupun di bangku masing-masing.

Seorang Ahli: Yang baiknya baca dulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, yang baik tidak sampai lagi. Insyallah sampai *[Ketawa]*

Salah satu perkara lain yang menarik ialah yayasan telah membeli Wisma YPM daripada Shamelin Holdings Sdn. Berhad pada tahun 1994 dengan harga RM18.5 juta. Bagaimanapun bayaran ini telah lewat dibuat menyebabkan Yayasan terpaksa membayar denda berjumlah RM1.77 juta pada tahun 1999.

Jadi perkara-perkara seperti ini saya mohon penjelasan, bagaimana boleh terjadi dan seperti yang telah saya sebut, sebahagian besar kelemahan yang dipaparkan oleh laporan ini ialah berkaitan dengan yayasan ataupun YPM.

Saya yakin apa yang saya bangkitkan petang ini tidak sia-sia, sebelum kita bersurai pada petang ini kita mendapat jawapan yang kemas, mendalam, tepat, berterus terang, jujur, ikhlas dan lengkap.

Saya hendak tanya sedikit berkenaan dengan MARA juga, melalui PGM telah diberi tugas oleh Kementerian Pembangunan Luar bandar untuk membina rumah-rumah yang mendapat bantuan di bawah skim PPRT. Pada awal tahun ini Menteri Pembangunan Luar Bandar telah memberikan amaran kepada PGM, mereka akan ditamatkan kontrak membina rumah-rumah PPRT kerana kelembapan pembinaan. Adakah benar apa yang dibangkitkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar ataupun kalau tak benar, apakah masalah-masalah sehingga rumah-rumah orang miskin ini lambat disiapkan walaupun rumah Perdana Menteri yang lebih besar dan lebih mahal harganya telah berjaya disiapkan mengikut jadual tetapi rumah orang miskin yang kecil tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

Ini satu perkara yang memalukan MARA. MARA menghasilkan jurutera, arkitek, mereka boleh buat singgahsana, bangunan besar-besar dalam masa yang ditetapkan tetapi bagi rumah orang miskin, terlambat pula untuk disiapkan.

Saya juga ingin mendapat sedikit lagi penjelasan berkenaan dengan apa yang telah saya bangkitkan iaitu berkenaan Kayangan Square Complex di Kangar. Berapakah keluasan ruang niaga dia. Keluasan ruang niaga ini, daripada keluasan ruang niaga ini kita akan tahu kalau lebih mudah lagi Yang Berhormat Menteri terangkan terus berapa harga dia, kos dia daripada satu kaki persegi ataupun satu meter persegi. Lagi mudah, saya tak payah kira ruang dia dan kos dia tiap-tiap satu kaki persegi dan berapa ramaikah peniaga yang telah ditetapkan di sini? Seratus, dua ratus orang dan sejauh mana nampak prestasi di sini, adakah ianya memuaskan para peniaga yang telah ditempatkan kerana tajuk kita ialah menempatkan para peniaga bumiputera di tempat-tempat yang strategik.

Dalam rancangan MARA untuk membina apa yang dipanggil sebagai UNITEK MARA di Sepang dan pada masa yang sama mengikut kenyataan Pengarusi ataupun Pengarah MARA, Pengerusi MARA, minta maaf Tuan Yang di-Pertua ialah untuk membina enam lagi kampus cawangan.

Pada tiap-tiap kampus cawangan ini, pelajar *initial intake* hanyalah 250 orang. Adakah cawangan-cawangan ini akan dibina serentak. Adakah *viable* untuk UNITEK MARA ini membina serentak cawangan-cawangan sedangkan *initial intake* pelajar hanyalah sejumlah 250 orang dan hanya akan mencapai jumlah 1,750 orang dalam satu jangka masa yang agak panjang daripada sekarang. Atau pun UNITEK ini akan membina kampus induknya dahulu dan cawangan-cawangan ataupun cabang-cabang akan dibina kemudian.

Kita telah mendengar pandangan dari Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi bahawa satu daripada mata pelajaran baru yang harus ditekankan ialah bio-teknologi. Kita semua tahu bahawa revolusi digital telah berlalu dan dunia berubah daripada segi perhubungan dan juga perkara-perkara yang lain, hasil daripada revolusi digital dan revolusi yang sedang melanda kita sekarang, yang akan memberikan satu impak yang sangat besar pada masa depan ialah revolusi biologi dan ini dilaksanakan melalui bio-teknologi dan sudah tentu perkara ini harus diambil berat oleh UNITEK MARA dan buat masa ini pelajar-pelajar ataupun pakar-pakar dalam teknologi ini sangat sedikit bilangannya.

Oleh kerana itu saya menyokong pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong supaya ini ditekankan dalam kurikulum ataupun dalam *course* yang ditawarkan oleh UNITEK yang akan ditubuhkan.

Dengan apa yang telah saya terangkan tadi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

3.21 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya seperti rakan-rakan yang lain, kita memang mengalu-alukan dan kita rasa saya perlu memberi ucapan syabas dan tahniah kepada agensi kerajaan iaitu MARA kerana MARA ini telah memperlihatkan kesungguhan dan komitmen ke arah membangkitkan kebangkitan bangsa untuk sama-sama duduk sama rendah, berdiri sama tinggi kerana kalau kita lihat di beberapa buah negara, apabila antara hak di antara satu kaum dengan kaum yang lain itu terlalu jauh bezanya maka akan bangkitlah kaum-kaum yang lain untuk menuntut hak yang sama, sama ada dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Sebagai satu agensi kerajaan, saya rasa MARA adalah merupakan satu *one stop agency* yang mana telah memainkan peranan dari segi pendidikan dan juga tenaga-tenaga mahir yang lain. Dalam alaf yang lebih mencabar ini, dalam dunia berbicara soal yang ganjil-ganjil, MARA harus lebih proaktif ke arah menjuruskan iaitu kalau boleh untuk melahirkan pakar-pakar yang berkualiti tinggi seperti doktor-doktor pakar, seperti saintis-saintis dan mungkin boleh melahirkan peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan yang boleh bersaing yang boleh sama hebat dengan peniaga-peniaga yang lain.

Jadi justeru itu, MARA juga diwujudkan pada saya pada hakikatnya iaitu untuk menjadi badan pemangkin ke arah mencari pelajar-pelajar yang tercicir. Di dalam negara kita ini boleh dikatakan beratus-ratus ribu tiap-tiap tahun pelajar-pelajar yang tercicir sama ada dalam Tingkatan 5 mahupun Tingkatan 6.

Sebagai salah satu agensi kerajaan, MARA harus lebih prihatin bahawa pusat-pusat pendidikan ini harus diperlebar luaskan di seluruh pelosok negara ini bukan sahaja di peringkat bandar bahkan di peringkat luar-luar bandar mahu pun di peringkat daerah-daerah kerana contoh yang jelas apabila diwujudkan Pusat Giat Mara di seluruh daerah-daerah besar di negara kita ini, Pusat Giat Mara ini telah memperlihatkan bahawa ianya boleh membantu membentuk satu masyarakat dan sekali gus boleh mengangkat kemantapan ekonomi di setiap tempat itu. Kerana pelajar-pelajar mahir ini akan keluar dengan *skill* yang ada pada mereka.

Walaupun kita dapat melihat *skill* yang ada ini cuma di tahap asas ataupun di tahap yang tidak begitu tinggi sekali. Justeru itu, saya juga ingin menggesa kerajaan dan pihak MARA itu sendiri, kalau boleh mempertingkatkan apa juga *skill* yang tinggi di Pusat Giat Mara ini. Kerana kita percaya pembangunan negara adalah bergantung kepada sejauh mana kualiti ataupun tahap *skill* di kalangan masyarakat masa depannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya MARA boleh memainkan peranan ini. Yang penting pada saya, di semua peringkat kepimpinan sama ada di peringkat kerajaan mahupun pembangkang harus menggembleng tenaga memberi cadangan yang baik. Ini kerana MARA telah memainkan peranan di landasan yang benar. Platform-platform yang dipamerkan oleh MARA menerusi sama ada pendidikan, ekonomi dan sebagainya telah banyak membantu pembangunan dalam negara ini.

Justeru itu juga MARA tidak harus lupa kalau boleh arked-arked Mara ini didirikan di merata-rata tempat. Kerajaan harus memberi sumbangan kewangan yang lebih banyak kepada agensi ini untuk memastikan bahawa masyarakat di luar bandar juga boleh berniaga, boleh melibatkan diri walaupun perniagaan kecil-kecilan tetapi pada saya, ianya akan dapat membantu meningkatkan ekonomi dari tempat ke tempat ataupun dari semasa ke semasa.

Dalam negara kita ini, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang terdahulu daripada saya, kita kekurangan pakar seperti doktor-doktor pakar daripada orang-orang Melayu dan bumiputera. Begitu jugalah dengan peniaga-peniaga yang mahir, ada peniaga-peniaga yang dibantu oleh kerajaan akhirnya mereka lingkup.

Kalau bukan mereka lingkup, mereka melingkupkan kerajaan dan ini seharusnya tidak berlaku. Seharusnya kerajaan menyedari bahawa betapa perlunya kerajaan memfokuskan tahun 2003, berapa kumpulan ataupun komponen orang

Melayu yang kita mahu dilahirkan untuk menjadi ahli perniagaan yang hebat, yang boleh menguasai dunia perniagaan.

Ini harus ada, harus ada fokusnya dan demikian jugalah, berapa orang doktor yang mahu dilahirkan dalam tahun 2003, berapa orang pakar yang mahu dilahirkan di tahun-tahun yang seterusnya. Ini rasa saya akan dapat membantu kerajaan dan MARA itu sendiri ke arah mempertingkatkan kerana kewangan pada saya amat banyak sekali.

Walaupun pada hakikatnya, ramai pelajar yang ditaja oleh MARA yang telah bekerja tetapi masih belum membayar pinjaman mereka kepada MARA tetapi ini pada saya ini bukanlah satu perkara yang boleh mengekang MARA itu sendiri untuk terus melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dan juga pakar-pakar cemerlang.

Saya percaya kalau negara lain, negara India boleh melahirkan pakar komputer, kenapa kita tidak boleh melahirkan pakar-pakar daripada negara kita sendiri. Saya percaya Menteri yang sedia ada ini telah mempunyai strategi, telah mempunyai perancangan di masa akan datang, ke mana hala tuju MARA ini harus dibawa kerana pada saya, sebagai satu badan yang telah diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk menentukan bahawa orang-orang Melayu dan bumiputera dapat seiring dengan bangsa-bangsa yang lain.

Jadi, MARA seterusnya haruslah lebih ke hadapan sedikit. Kalau boleh memikirkan satu-satu perkara yang dapat membawa negara kita ke satu tahap yang boleh dibanggakan. Walaupun pada hakikatnya kerajaan dan melalui MARA itu sendiri telah berusaha dengan begitu bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kebanyakan pelajar yang tercicir ini dibawa masuk dari segi latihan dan teknikal tetapi pada saya ianya perlu memadai kerana memandangkan ramai belia kita yang masih menganggur sedangkan mereka ini kalau diberi ruang dan diberi peluang, mereka akan dapat mengikuti program-program yang disyorkan ini secara keseluruhannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Justeru itu, pada saya, saya amat menyokong perubahan akta ini kerana ianya dapat memudahkan MARA ataupun majlis itu sendiri mengkaji dan menjurus ke arah yang lebih cemerlang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini MARA? You MARAkah? [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Memandangkan Perdana Menteri selalu membangkitkan isu bahawa kaum bumiputera sudah tibalah masanya untuk membuang 'tongkat', jangan terlalu bergantung kepada kerajaan kerana kita menghadapi era globalisasi yang mana negara kita akan menghadapi cabaran yang besar.

Jadi, setujukah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa kuota yang diberi kepada bukan bumiputera di Kolej MARA haruslah ditingkatkan lagi supaya satu persaingan yang sihat boleh diwujudkan juga dalam bidang pelajaran sebagai satu langkah untuk membantu kaum bumiputera untuk membuang 'tongkat' pergantungan terhadap kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Soal setuju, saya tidak begitu setuju dan saya rasa Menteri boleh menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Cuma secara keseluruhan, kita memang berharap agar orang-orang bangsa Melayu dan bumiputera ini pada masa-masa akan datang akan dapat bersaing dalam arena yang terbuka. Tidak ada salahnya kita bersaing di antara satu sama dengan yang lain, asalkan persaingan itu dalam situasi yang sihat dan *conducive*. Tetapi pada masa sekarang ini kita masih percaya bahawa masyarakat di negara kita ini, lebih-lebih lagi orang Melayu bumiputera masih di tahap yang serba-serbi kekurangan.

Justeru itu, MARA ini pada saya, ianya adalah merupakan satu badan, bukan sahaja sebagai badan pemangkin, bahkan sebagai satu badan yang boleh menjadi satu

landasan ke arah menentukan masa depan keseimbangan ekonomi, pendidikan dan sosial bangsa di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada saya, saya meminta kalau boleh kerajaan membina lebih banyak Maktab Rendah Sains MARA, membina pusat-pusat Giat MARA.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Kinabatangan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Bung Moktar bin Radin:IKM dan sebagainya kerana ini akan dapat membantu. Percayalah, ini akan dapat membantu menempatkan masyarakat Melayu dan bumiputera ke arah masa depan yang lebih cemerlang, ke arah yang sebenarnya untuk mengisi kemerdekaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

3.35 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada banyak sangat yang hendak saya sentuh, cuma satu dua perkara sebagai respons kepada kenyataan Menteri pada sesi pagi tadi tentang penting untuk kita cinta kepada negara.

Saya bersetuju bahawa kita perlu ada semangat patriotisme di kalangan masyarakat kita. Dalam konteks bahawa kita boleh berkelahi sama, kita bergaduh di sini, dalam konteks 'negara kita, tanggungjawab kita'. Tetapi persoalan yang berlaku sekarang ini bahawa kami juga ingin menunaikan tugas dan tanggungjawab kami kepada negara tetapi kadang-kadang ada wujud unsur-unsur halangan yang dihadapi parti pembangkang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Ini juga harus diambil kira dari sudut kita lihat bahawa wujudnya peruntukan undang-undang sebagai, halangan-halangan kepada penunaian tugas dan tanggungjawab kita dalam amalan prinsip demokrasi dalam negara kita.

Jangan hanya kerajaan melihat bahawa orang lain sahaja yang perlu mempunyai semangat patriotisme tetapi pihak kerajaan sendiri pun tidak menampakkan patriotisme itu dalam konteks amalan dan prinsip demokrasi yang harus diamalkan oleh kita semua.

Berkaitan dengan soal pindaan kepada undang-undang yang dicadangkan ini, seperti yang disebut oleh Menteri kalau dapat saya faham bahawa ianya adalah penting untuk membolehkan kuasa kepada pihak MARA untuk mewujudkan syarikat khususnya kalau tidak salah ingatan saya tadi, disebut lebih banyak kepada kelangsungan kepada sektor pendidikan yang telah banyak diterangkan, di samping perkara-perkara yang lain. Ini adalah untuk menghalakan supaya MARA boleh bergerak secara yang lebih efisien pada masa yang akan datang.

Cuma dalam konteks hendak mewujudkan syarikat ini, saya hendak mengajak pihak kementerian dan juga pihak MARA untuk melihat sebagai satu kayu pengukur kepada kejayaan di mana kelemahan-kelemahan yang mungkin berlaku dalam perjalanan urus niaga yang dilaksanakan, penglibatan MARA dalam perniagaan selama ini.

Sebab itu saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri tentang berapa setakat sekarang ini dari sejak ia ditubuhkan dahulu, jumlah syarikat dan anak-anak syarikat yang ada di dalam MARA yang telah diwujudkan setakat ini daripada awal penubuhan MARA itu sendiri.

Dan saya hendak minta juga penjelasan tentang berapa banyak pula syarikat sama ada yang sudah ditutup, diserahkan ataupun diambil alih oleh pihak lain sama ada dalam konteks penswastaaan dan sebagainya, itu yang perlu. Daripada apa yang ditutup atau diserahkan kepada pihak lain itu, adakah ianya disebabkan oleh keuntungan yang lebih ataupun kerana ketidakmampuan atau ketidakupayaan pengurusan dan perjalanan urus niaga yang dikendalikan oleh pihak MARA sendiri.

Dalam konteks semasa ini juga, saya hendak minta penjelasan supaya jumlah syarikat yang masih ada yang masih dikendalikan di bawah MARA dan berapa syarikat yang mempunyai – saya tidaklah hendak sebut untung rugi, tetapi dari sudut yang mempunyai prospek yang baik untuk dikembangkan pada masa yang akan datang dan berapa pula syarikat yang mengalami masalah-masalah tertentu dari sudut kemampuan dan keupayaan untuk digerakkan.

Kerana ini bagi saya sangat penting bahawa dalam menjadikan satu kayu pengukur kepada kuasa yang hendak kita berikan kepada MARA untuk menubuhkan syarikat. Kita tidak mahu nanti bahawa bila syarikat-syarikat lain yang akan diwujudkan nanti, termasuklah dalam urusan sektor pendidikan itu sendiri, ia akan mengalami masalah-masalah yang sama akibat daripada kegagalan kita dalam melihat persoalan-persoalan pengurusan dan persoalan-persoalan yang lain yang berkaitan dengan persoalan urus syarikat dan urus niaga itu sendiri.

Kerana tadi telah disebutkan oleh rakan-rakan saya, banyak syarikat yang diuruskan oleh MARA itu juga mengalami, dengan tidak saya menafikan bahawa MARA telah berjaya memberikan beberapa pendekatan dan penumpuan kepada pembinaan dan pembangunan kepada masyarakat ataupun golongan bumiputera tetapi ada juga syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh MARA yang menghadapi masalah, itu satu.

Yang keduanya juga bahawa perlu juga dilihat di sini ialah keperluan kepada pemantauan yang lebih efisien terhadap syarikat-syarikat ataupun syarikat yang ditaja melalui bantuan-bantuan pinjaman yang diberikan oleh MARA. Kita tidak mahu juga nanti, syarikat-syarikat yang ditaja melalui bantuan pinjaman yang diberikan oleh MARA, tiba-tiba mereka tidak dapat mengendalikan urusan perniagaan secara yang sebaik-baiknya. Jadi, ini juga harus diambil kira oleh MARA.

Tetapi yang lebih pentingnya di sini ialah dalam konteks ini ialah MARA sendiri harus memperlihatkan kemampuan dan keupayaan mereka sendiri sebab seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan kita, Yang Berhormat bagi Jeli dan sebagainya tadi, memperlihatkan bahawa ada beberapa syarikat termasuk dahulu MARA juga pernah mewujudkan, kita katakan bahawa syarikat berkaitan dengan kilang ubi kayu. Satu ketika dahulu, sudah lama, ada kilang ubi kayu, akhirnya terpaksa ditutup kerana permasalahan pasaran dan juga perkara-perkara yang lain.

Begitu juga saya difahamkan bahawa MARA pernah mewujudkan satu ketika dahulu, sebuah pasar raya yang terletak di tingkat atas Ampang Park dan juga mengalami masalah-masalah dan sebagainya. Ini semua harus diambil kira oleh pihak MARA supaya dapat memastikan pengendalian syarikat-syarikat itu nanti akan dapat berjalan secara yang sebaik-baiknya.

Begitu juga dalam hal sektor pendidikan ini sendiri, dalam konteks untuk mewujudkan Universiti Teknikal MARA ini, saya juga hendak dapat penjelasan tentang konsep ataupun cara pendekatan yang digunakan di dalam pengendalian Unitek ini sebab tadi disebut bahawa kelangsungan pendidikan MARA ini merupakan satu keperluan. Tanpa ada peruntukan undang-undang ini, sukar untuk MARA bergerak untuk menghadapi persaingan ataupun hendak disesuaikan dengan perkembangan IPTS yang ada.

Apakah UNITEK ini akan bergerak dalam bentuk IPTS seperti mana yang dilihat oleh masyarakat hari ini yang dipaparkan oleh media yang telah menimbulkan satu permasalahan yang besar kepada perkembangan pendidikan dalam negara khususnya peluang-peluang untuk anak-anak bumiputera dalam negara kita, sedangkan MARA ialah lebih banyak kepada penumpuan peningkatan untuk membina dan membangunkan golongan bumiputera.

Kalau pendekatan dan konsep untung rugi seperti mana yang diambil kira dalam syarikat-syarikat IPTS itu yang menjadi pendekatan dalam pengendalian Unitek, maka sekali lagi saya rasa bahawa hasrat untuk kita melihat MARA dapat memberikan satu suntikan sumbangan kepada pembangunan pendidikan negara kita ini juga akan mengalami satu masalah dan kegagalan juga kepada golongan bumiputera, sedangkan baru-baru ini kita kritik tentang Kolej Tuanku Abdul Rahman, umpamanya, yang tidak berupaya memberikan peluang kepada golongan bumiputera.

Begitu juga dengan IPTS-IPTS yang lain kerana pengendaliannya dengan bayaran yurannya yang mahal dan sebagainya. Tetapi saya mengharapkan MARA tidak begitu. UNITEK tidak begitu seperti mana yang diamalkan oleh UiTM dan

sebagainya tetapi saya sebut ini kerana Yang Berhormat Dato' Menteri tadi menyebut tentang bahawa untuk disesuaikan dengan perkembangan IPTS yang ada ini. Jadi, ini merupakan satu perkara yang harus dilihat secara sebaik-baiknya nanti kerana saya tidak mahu nanti bahawa golongan bumiputera, anak-anak bangsa Malaysia ini akan menghadapi masalah dan akan menjadi mangsa kepada peluang-peluang untuk kita mendapat pendidikan.

Kemudian, saya juga ingin mendapat penjelasan tentang UNITEK ini. Apabila disebut Universiti Teknikal ini, apakah ia lebih – kalau saya faham, bahawa ia mungkin lebih menumpukan kepada persoalan kemahiran. Cuma saya hendak tahu di sini bahawa dalam pendekatan ini, berapa *percent* kemahiran dan berapa *percent* teori yang diperuntukkan. Kalau dalam konsep MLVK di bawah Kementerian Sumber Manusia, 80% kalau tidak silap saya, lebih menumpukan kepada soal kemahiran dan hanya 20% sahaja ditumpukan dalam hal-hal yang berkaitan dengan teori. Apakah UNITEK ini sendiri mengambil pendekatan yang sama.

Yang kedua, saya mengharapkan daripada UNITEK ini juga ialah boleh memberi ruang kelangsungan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di MLVK untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Jadi, sebab itu perlu kepada MARA dan juga pihak kementerian mengadakan satu hubungan dengan pihak Kementerian Sumber Manusia dalam MLVK untuk membuka ruang kepada pelajar-pelajar yang mendapat kursus ataupun pendidikan dalam MLVK ini untuk peluang mereka melanjutkan pelajaran kerana *approach*nya mungkin saya rasa sama kerana kebanyakannya menggunakan kemahiran dan ini harus menjadi satu peluang yang besar dan harus diperluaskan untuk membolehkan pelajar-pelajar khususnya dari sekolah teknik dan sekolah vokasional, untuk melanjutkan pelajaran di samping MLVK.

Begitu juga saya mengharapkan bahawa supaya...

Tuan Hassan bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Besut bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Saya ingin menambah sedikit input kepada Yang Berhormat, apa yang saya lihat sekarang ini dalam membicarakan pendidikan di institusi yang dianjurkan oleh MARA ini saya melihat tidak berlakunya keseimbangan yang mana hanya dititikberatkan soal teknikal sahaja dan menyebelahkan ilmu teras. Jadi, saya rasa ilmu teras ini ilmu yang penting untuk tamadun manusia dan perlu diambil kira. Minta pandangan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, terima kasih rakan saya daripada Besut. Memanglah itu yang kita harapkan. Cuma ini satu pendekatan yang baru dibuat dan saya bersetuju dengan pihak MARA sendiri kalau penumpuan kepada kemahiran ini untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang lemah dari sudut akademiknya tetapi dalam pendekatannya soal ilmu teras ini tidak seharusnya dikesampingkan. Ini *approach* yang harus diberikan penekanan. Tetapi ini saya rasa adalah merupakan peluang untuk anak-anak kita yang lemah dari sudut pencapaian akademiknya untuk memasuki UNITEK dan juga memasuki mana-mana pusat-pusat pengajian seperti mana yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Tetapi saya bersetuju dengan pendapat daripada Yang Berhormat bagi Besut bahawa hal-hal yang berkaitan dengan ilmu teras ini harus juga diberikan penekanan, cuma perlu diseimbangkan peratus dan sebagainya.

Kemudian soal satu lagi ialah supaya peluang juga harus dibuka kepada pelajar-pelajar daripada IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara) supaya perhubungan itu akan dapat memberikan satu kelangsungan kepada mereka kerana kita tidak mahu nanti bahawa mereka yang keluar daripada IKBN ini hanya sekadar untuk hendak jadi pekerja-pekerja biasa tanpa memiliki satu diploma ataupun ijazah yang lebih tinggi. Ini yang seharusnya kerana kita lihat bahawa kita mahu supaya mereka yang keluar daripada MLVK, daripada sekolah vokasional yang bukan sahaja untuk menyediakan pekerja-pekerja mahir di bidang-bidang yang teknikal ini dalam pasaran kerja tetapi lebih luas daripada itu seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju, yang berdaya saing yang mempunyai kemampuan dan keupayaan yang tinggi. Tetapi harus dibentuk daripada awal ini tentang sikap mereka

supaya penglibatan mereka dalam usahawan itu mestilah berasaskan kepada persaingan mereka yang sihat bukannya berasaskan kepada politik. Akhirnya kalau berasaskan kepada politik mereka lemah, mereka belajar lemah pun kerana dia kata dia anak orang kuat UMNO dia boleh dapat pinjaman pula daripada MARA buat berniaga. Akhirnya lingkup berniaga pun tidak jadi kerja. Jadi, kita mahu supaya kita tanamkan perkara-perkara yang seperti itu kepada mereka.

Jadi, inilah antara beberapa perkara yang saya hendak minta penjelasan dan beberapa pendapat dan pandangan yang boleh saya turut berikan sumbangan dalam melibatkan diri dalam perbahasan pada petang ini. Jadi, saya harap bahawa maklumat-maklumat yang saya pohon tadi dapat diberikan kerana ini amat penting untuk menjadi pengukur kepada penglibatan ataupun kuasa yang hendak kita berikan kepada MARA untuk mewujudkan syarikat-syarikat yang dimaksudkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandau.

3.48 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi saya untuk memberikan sumbangan kepada perbahasan di atas meja mesyuarat iaitu berkaitan dengan pemindaan Akta Majlis Amanah Rakyat 1996 yang disebut juga Akta 489.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar ada beberapa perkara yang ingin disampaikan, dengan izin, *reinforce* apa yang telah disampaikan oleh rakan-rakan yang lain. Pertamanya saya ingin menyatakan syabas dan tahniah juga kepada pihak kementerian dan kerajaan kerana membentangkan pindaan kepada akta ini yang seterusnya akan membolehkan penubuhan UNITEK MARA ataupun Universiti Teknikal MARA iaitu sebuah IPTS. Ini satu perkembangan dan tindakan yang progresif dan tepat pada masa malah amat penting dari segi tujuan asal Akta 489 itu.

Saya ingin juga bertanya awal-awal ini adakah tidak ada ruang lain untuk melakukan apa yang dicadangkan tanpa mengubah atau meminda Akta 489 kerana dalam penubuhan MARA Holdings dahulu ia dapat dilakukan tanpa mengubah Akta 489. Jadi, adakah penubuhan MARA Holdings dan juga syarikat-syarikat dan anak-anak syarikat yang dikendalikan oleh MARA keseluruhan tidak termasuk dalam akta ini. Memandangkan ini pertama kali kita memindanya kecuali ia ada kaitan dengan *spirit* ataupun semangat asal akta iaitu dari segi pembangunan bidang pendidikan.

Seterusnya saya berpendapat bahawa dengan adanya pindaan-pindaan yang dicadangkan maka wujudnya satu lagi institusi pendidikan bertaraf universiti di bawah Akta IPTS - Pendidikan Nasional. Dengan satu institusi yang dikatakan UNITEK MARA itu seperti mana yang Yang Berhormat Menteri menekankan ia akan mencantumkan beberapa institusi, kolej dan maktab yang sedia ada seperti IKTM, KTM dan seterusnya di bawah pengawasan ataupun di bawah program-program pengajian yang akan ditawarkan oleh UNITEK ini. Penubuhan UNITEK kita berpendapat adalah bukan sahaja wajib tetapi tepat pada keperluan semasa dan perkembangan dunia industri dan teknologi khusus dalam sektor swasta.

Ada sekadar beberapa isu yang saya ingin bangkitkan di sini sebagai satu sumbangan kepada hal-hal yang perlu diambil kira dalam soal penubuhan ataupun pelaksanaan usaha pendidikan di bawah UNITEK itu nanti. Pertamanya ialah soal kualiti pendidikan khusus kualiti program pendidikan yang sedang dilaksanakan di bawah kepala-kepala institusi yang sedia ada yang akan dicantumkan di bawah UNITEK nanti.

Saya rasa soal kualiti program yang sedang ditawarkan ataupun akan ditawarkan khusus di peringkat ijazah nanti amatlah penting sekali seperti mana yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri kita ada tujuh IKTM yang ada kerjasama dengan peringkat institusi di luar negara dan juga di bawah kolej KPM di peringkat diploma. Semuanya ini memerlukan soal pentingnya memastikan supaya kualiti-kualiti program tersebut adalah bertaraf antarabangsa khususnya apabila program ini dinaik taraf ke peringkat ijazah yang pada saat ini dikatakan ditawarkan melalui Universiti Tun Abdul Razak.

Apabila dikendalikan sendiri oleh UNITEK MARA nanti adalah penting bahawa kualiti program tersebut bertaraf antarabangsa supaya apabila para siswazah kita menyambung pengajian mereka di peringkat luar negeri dalam bidang-bidang teknikal ini tidak sia-sia mereka mendapatkan ijazah mereka di negara mereka sendiri khusus apabila mereka ingin menyambungkan pengajian ke peringkat Master dan seterusnya. Ini bererti soal *marketability*, dengan izin, program yang ditawarkan dari segi penyambungannya ke peringkat Master ataupun kedoktoran di peringkat institusi antarabangsa.

Yang kedua ialah kita berpendapat adalah penting bagi pihak kementerian juga mengadakan penyusunan ataupun percantuman program-program teknikal yang diadakan sekarang ini supaya ada satu apa yang kita sebut *progression* ataupun pengumpulan program-program secara berperingkat supaya para graduan mulai daripada program Giat MARA naik ke barangkali IKM dan juga program ditawarkan di bawah MRSM juga di bawah KPM dan KTM dan seterusnya ke peringkat UNITEK supaya ada *progression* dan para lepasan institusi-institusi vokasional yang rendah itu program tersebut boleh disambung ke peringkat seterusnya sampailah ke peringkat ijazah. Saya rasa ini amatlah penting supaya para pelajar walaupun dikatakan pelajar yang *slow learners*, dengan izin, sekadar boleh *absorb* diterima di peringkat Giat MARA tetapi dengan usaha gigih dan mereka terus menangkap ilmu dan boleh naik peringkat demi peringkat sampailah ke peringkat universiti.

Saya selalu berjumpa dengan para graduan-graduan misalnya di Sabah yang mula dengan Sijil Pertanian sekadar tidak lulus SPM ataupun MCE dan mendapat sijil tiga tahun ke Institut Pertanian Sabah tetapi selepas itu ke peringkat diploma di Serdang, selepas itu ke peringkat ijazah di UPM dahulu kolej. Dan ada yang terus ke peringkat kedoktoran Ph.D daripada Minnesota. Jadi, tidaklah mustahil para pelajar yang mulanya di peringkat Giat MARA itu akan dapat terus mempertingkatkan taraf pendidikan mereka dengan adanya peluang dan ada juga susunan jentera kerajaan yang membolehkan mereka menjadi pelajar-pelajar cemerlang dengan usaha dan juga dengan bantuan kerajaan.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal *matching*, dengan izin, antara program-program pengajian yang ditawarkan bukan sahaja di peringkat UNITEK nanti tetapi juga di peringkat program-program yang ditawarkan oleh institusi setakat ini. *Matching* dengan izin, di antara program pengajian dan keperluan industri. Saya rasa soal ini sangatlah penting sekali supaya kemahiran ataupun *skills*, dengan izin, yang dikendalikan ataupun dibekal di peringkat institusi itu dapat diterima ataupun di *absorb*, dengan izin, oleh pihak industri supaya dengan izin, *waiting period* itu ataupun dalam tempoh persinggahan untuk mencari majikan untuk menerima mereka dapat dipendekkan dan sekali gus mengurangkan kadar pengangguran graduan-graduan kita. Khususnya Tuan Yang di-Pertua, sektor ICT dan sektor *bio-tech* dan bidang-bidang teknologi yang lain ini ia berpindah ataupun bergerak secara pantas dan cepat. Jadi, jika pengurusan di antara pembekalan *skill* kemahiran dan *skill* yang diperlukan oleh pihak industri itu tidak *matching* dengan izin, maka itulah ada *surplus*, kelebihan tenaga yang tidak terpakai.

Jadi, saya mohonlah supaya pihak kementerian akan terus mengkaji perkara ini. Saya sedia maklum seperti mana yang dikatakan oleh pihak Menteri tadi banyak lembaga dan maktab ini mempunyai ahli-ahli daripada pihak swasta. Saya rasa itulah satunya strategi yang baik untuk memastikan kemahiran-kemahiran yang dibekalkan oleh setiap maktab, kolej ataupun institusi itu adalah tepat kepada keperluan industri.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak UNITEK nanti dan juga institusi-institusi di bawahnya itu lebih agresif dari segi membuat perancangan masa depan. Misalnya sekadar kita melatih para pelajar itu untuk keperluan tempatan. Barangkali sudah sampai masa kita melatih mereka untuk keperluan luar negeri apabila ada *surplus* ataupun kelebihan di peringkat negara, apabila beberapa bidang ataupun sektor yang kita kuasai tetapi nampaknya dia sudah mulai menurun ataupun menjadi satu dengan izin, *sunset industry*. Barangkali kita perlu sebagai negara yang merencanakan secara jangka panjang melatih anak-anak muda kita untuk bekerja di luar supaya kita menjadi pembekal, *exporter of skills*, dengan izin. Jika industri-industri di peringkat tempatan tidak dapat menampung ini dan saya berpendapat bahawa ini perlu difikir supaya kita bekal di luar negeri dan mendapat kutipan dan juga pertukaran wang kembali kepada negara kita.

Yang keempat dan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah soal desentralisasi semua institusi teknikal yang di bawah kuasa MARA keseluruhannya seperti mana yang telah diterangkan tadi, Giat MARA, IKM, MRSM, ITM, IKTM dan seterusnya dia punya klimaks ini ialah UNITEK MARA.

Saya rasa amatlah penting bagi pihak kementerian memastikan institusi-institusi, kolej-kolej dan maktab ini tidak tertumpu kepada dua tiga negeri sahaja tetapi diasing-asingkan kepada negeri-negeri yang lain supaya ia menjadi landasan untuk mempertingkatkan kedudukan ekonomi ataupun industri di sesuatu tempat dan kita sedia maklum semua institusi dan kolej-kolej yang saya sebut tadi memang ada kaitan dengan pembangunan perindustrian. Jadi sering kali maktab itu difikirkan terpaksa dilokasikan di tempat-tempat di mana ada industri tetapi ini tidak semestinya. Barangkali kita harus mulai memikirkan supaya sebahagian cawangan kolej dan maktab ini disengajakan di satu tempat yang mundur dengan tujuan akhirnya menarik pelabur dan industri untuk melokasikan perusahaan mereka ke tempat tersebut. Ini supaya kita lebih proaktif daripada dipimpin oleh industri, jadi kita harus yang memimpin industri juga dalam soal ini.

Jadi tidak seharusnya tertumpu di Selangor sahaja ataupun di Wilayah Persekutuan dan seterusnya tetapi di negeri-negeri yang terpencil supaya ia menjadi satu usaha untuk *jump start*, dengan izin, bagi industri-industri tertentu dalam negeri-negeri yang lain dan dalam soal ini juga, sudah tentulah seperti bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi juga negeri-negeri di Semenanjung yang masih ketinggalan daripada segi perkembangan industri.

Di Sabah misalnya, kita patut berterima kasih kerana sudah begitu banyak Pusat Giat MARA ditubuhkan sebagai landasan untuk melatih anak-anak muda kita khususnya yang menganggur dan yang tercicir daripada peperiksaan-peperiksaan peringkat SPM ataupun peperiksaan yang lain yang memenuhi syarat-syarat keperluan dalam pusat-pusat seperti Giat MARA. Namun demikian, pada pendapat saya ia perlu lagi diperluaskan.

Di Sabah kadang-kadang perancang khusus di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat negeri memikirkan negeri Sabah sebagai *east-west* dengan izin, iaitu timur dan barat. Barat itu adalah Kota Kinabalu dan timur itu adalah Tawau dan terlupa bahagian utara iaitu Kota Marudu dan Kota Belud yang memang pedalaman, seperti Kinabatangan dan seterusnya di mana kebanyakan sebenarnya para penduduk yang bertaraf miskin masih wujud dengan banyaknya dan tumpuan program-program pembangunan memang sedang ditujukan kepada kawasan-kawasan ini dan selepas itu saya juga mahu merayu kepada pihak kementerian supaya Zon Utara ini yang masih dikatakan antara yang ter *depress* ataupun mundur daripada segi ekonomi, dapat diambil kira dalam penubuhan cawangan-cawangan kolej ataupun IKM, MRSM dan juga cawangan-cawangan UNITEK nanti pada suatu masa, khusus di peringkat Kudat di utara, pihak kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan satu kilang besi. Jadi barangkali ada asas yang kukuh untuk memastikan ada juga pusat-pusat latihan teknikal yang berkaitan dengan *skill* yang diperlukan.

Soal tanah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, tidak ada masalah kalau kawasan Zon Utara untuk MRSM atau apa-apa sahaja, saya rasa tanah itu boleh diperolehi pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan syabas dan tahniah kerana saya percaya penubuhan UNITEK ini dan dengan adanya perubahan kepada Akta 489 ini, adalah tepat pada masanya yang saya katakan tadi dan mudah-mudahan ia menjadi landasan untuk sektor teknikal dan seterusnya perindustrian negara kita akan terus maju. Saya turut menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun dan selepas itu Menteri boleh menjawab.

4.05 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ambil masa panjang.

Pertama sekali mengenai Akta Pindaan yang dibuat di mana dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bertujuan untuk menubuhkan sebuah syarikat bagi tujuan untuk mendirikan sebuah institusi pendidikan tinggi tetapi apabila kita baca secara lebih

detail lagi, kita dapati bahawa penubuhan syarikat ini sebenarnya tidak hanya terhad kepada untuk tujuan pendidikan, daripada segi semangat pindaan akta ini.

Jadi sehubungan dengan itu saya ingin dapatkan penjelasan daripada Jemaah Menteri, bagaimana untuk pindaan ini tidak digunakan bagi membolehkan MARA terlibat dalam perniagaan dan juga pelaburan kerana dari dahulu lagi pendirian sebahagian besar daripada Ahli-ahli Parlimen tidak mahu agensi kerajaan terlibat dalam bidang perniagaan kerana perniagaan bukan *business* agensi kerajaan, biar sektor swasta yang menjalankan *business*.

Kita lihat MARA merupakan hanya satu agensi dalam Malaysia ini saya ingat yang mengandungi semua; pendidikan, latihan, perniagaan, mewujudkan usahawan dan juga mengadakan pinjaman untuk usahawan. Jadi dalam satu institusi ini semua ada. Di sini saya ingin menyentuh tentang peranan MARA dalam mewujudkan usahawan bumiputera.

Semalam saya ada mengadakan mesyuarat dengan pengilang bumiputera. Mereka mengatakan bahawa sebahagian besar daripada ahli-ahli Persatuan Pengilang Malaysia sekarang ini tidak ada *business*. Masing-masing tidak mendapat *order* dan dalam keadaan yang tidak menentu oleh kerana AFTA akan dilaksanakan bermula daripada 1 Januari 2003. Perkara ini tentu mendatangkan rasa kebimbangan kepada kita. Perubahan AFTA ini telah meletakkan kedudukan pengilang bumiputera ini dalam situasi yang tidak menentu dan ada kemungkinan bahawa mereka akhirnya akan hilang dalam bidang mereka itu.

Jikalau kita lihat dari satu sudut lain pula, dapat kita bertemu dengan banyak usahawan di kalangan bukan bumiputera yang sudah membuat persediaan untuk berhadapan dengan AFTA begitu lama dan sebahagian daripada mereka oleh kerana pelaksanaan AFTA ini akan dilaksanakan dan mereka telah bersedia. Mereka telah pun mengimport barang daripada tempat yang murah. Ada yang import basikal daripada tempat yang murah dalam harga RM40 dibawa ke sini dan dijual di *supermarket* pada harga RM100 lebih, dapat *margin* daripada situ. Ada yang import meja komputer, harga hanya RM20, dijual di sini hampir kepada RM200.

Jadi ini dua situasi yang berbeza. Bumiputera yang dalam keadaan terperangkap, yang bukan bumiputera dalam keadaan yang bersedia lebih awal lagi. Sekiranya apa yang kita nampak dalam nasib Ahli-ahli Persatuan Pengilang Bumiputera ini menggambarkan apa yang berlaku di kalangan usahawan bumiputera keseluruhannya maka kita berasa amat bimbang akan kedudukan negara ini bukan sahaja bumiputera tetapi kedudukan negara ini kerana kita bersetuju bahawa asas kepada masa hadapan negara adalah untuk mewujudkan keadilan sosial yang sama rata di antara semua kaum. Sekiranya usahawan bumiputera tidak berjaya maka dalam bidang ekonomi, kaum bumiputera tidak akan dapat menguasai *target* yang ditentukan maka berlaku ketidakseimbangan dan ini akan meletakkan negara pada keadaan yang tidak stabil pada masa yang akan datang.

Saya tidak menyatakan keadaan ini berlaku dengan menyalahkan MARA. Saya akui bahawa MARA amat berjaya. Kalau kita lihat kepada statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2002, kita dapat lihat daripada segi bilangan ahli profesional, bilangannya makin ramai. Arkitek - 42.9% daripada kaum bumiputera, akauntan -18.2%, jurutera - 49%, peguam - 33.5%, juruukur - 49.3% dan sebahagian daripada mereka ini datangnya daripada MARA. Bermakna MARA daripada satu segi telah berjaya untuk membangunkan dan menambahkan bilangan profesional bumiputera di dalam industri.

Yang saya ingin nyatakan di sini, maksud saya apa yang MARA buat ini sudah elok tetapi kita berhadapan dengan suasana yang berubah, seperti mana yang saya katakan tadi, dari sudut struktur. AFTA akan dilaksanakan pada tahun 2003 dan seterusnya WTO mengamalkan sistem ekonomi terbuka sepenuhnya pada tahun 2012. Ini mengubah sistem keusahawanan daripada semata-mata pada *input base* kepada *productivity driven base* dan di sini macam mana persediaan kita?

Tadi saya menyatakan MARA telah pun menjalankan tugasnya tetapi dalam suasana ini saya percaya MARA harus memainkan peranan yang lebih aktif dan lebih efektif lagi kerana perubahan-perubahan ini untuk melahirkan usahawan yang lebih berketerampilan pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh. Pertama, kita semua maklum bahawa dalam dunia perniagaan perkara pokoknya adalah daripada segi budaya keusahawanan itu sendiri, *enterprising skill*. Ini sebenarnya yang akan mencetusnya pada lahirnya usahawan yang gigih dan sanggup untuk berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran yang kita sedang hadapi dalam dunia ini. Kita dapati dari segi ini budaya atau semangat keusahawanan ini sebenarnya yang tidak ada dalam masyarakat usahawan bumiputera. *Enterprising* bermakna kesanggupan untuk melalui risiko menjalankan perniagaan, melahirkan produk dan dijual di pasaran. Yang ini tidak begitu wujud dalam masyarakat bumiputera. Yang kita nampak dalam masyarakat bumiputera lebih kepada individu yang mendapat sesuatu daripada kerajaan dan seterusnya memindahkan kepada orang lain. Akhirnya keusahawanan tidak wujud dalam masyarakat bumiputera ini.

Saya lihat perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak MARA, bukan semata-mata kita mengadakan latihan dan berapa bilangan yang telah hadir dalam latihan tersebut tetapi ia lebih kepada budaya keusahawanan sebagai suatu yang telah berbudaya dijadikan budaya dalam masyarakat usahawan tersebut. Itu daripada segi soal budaya.

Sehubungan dengan itu, ada beberapa perkara yang saya percaya boleh dilakukan oleh pihak MARA ataupun pihak kerajaan. Satu dari segi mengenal pasti usahawan-usahawan. Kita tahu sebenarnya, sektor kerajaan menjalankan *business* kerajaan, sektor swasta menjalankan *business* swasta. Maknanya, bidang perniagaan ini bukan tanggungjawab kerajaan, sepatutnya tanggungjawab sektor swasta dan sepatutnya berdikari. Tetapi dalam konteks negara kita, kerana kaum bumiputera tidak mempunyai keupayaan, maka diwujudkan program-program kerajaan untuk mewujudkan usahawan. Kita sedar akan perkara ini.

Jadi, kita berharap pihak MARA dan juga kerajaan, memainkan peranan yang lebih daripada itu – mengenal pasti usahawan-usahawan. Sebenarnya, dalam proses mengenal pasti usahawan ini, ia telah dilakukan. Tetapi kita wujudkan usahawan yang besar, kemudian hilang dalam satu gelombang cabaran ekonomi; kemudian yang pertengahan hilang, yang bawah pun hilang. Mengapakah begitu? Itu yang saya katakan tadi, kita cari jalan untuk mengenal pasti satu-satu usahawan.

Semasa pertemuan dengan Persatuan Pengilang Bumiputera, mereka menyatakan bahawa kerajaan telah berusaha untuk mewujudkan beberapa sistem, yang diminta untuk diamalkan oleh ahli-ahli persatuan. Salah satu ialah TQM, tetapi langsung tidak dilaksanakan. Mengapakah ini tidak dilaksanakan? Kerana orang yang terlibat di dalam perniagaan itu bukan orang yang sepatutnya – dari segi latar belakang mereka, dari segi latihan dan sebagainya, dan juga dari segi semangat mereka untuk menjalankan *business* – kadangkala kita dapati ada orang yang dikatakan usahawan yang kaya raya tetapi tidak ada pejabat. Ada situasi yang pernah saya hadapi, di mana sebuah universiti menjemput seorang usahawan untuk membentangkan satu kertas kerja mengenai keusahawanan, pada hal dia bukan usahawan – dia hanya membawa *paper*, dapatkan kelulusan dan menjualnya, dan sebagainya.

Inilah dia, apabila kita bercakap soal *resilience society* – *resilience businessman*, orang sebegini tidak ada *resilience* kerana mereka bukan *the real businessman*. Kemudian kita lihat, sekarang ini kita berhadapan dengan masalah siswazah menganggur. Sistem yang dilakukan sekarang ini, siswazah menganggur ini diambil untuk bekerja dengan agensi kerajaan, dapatlah RM500, di MARA dan di berbagai-bagai tempat. Saya berpendapat, tidakkah boleh *unemployed graduates* ini kita sasarkan untuk menjadi *businessman*kah, teknokratkah, *industrialist*kah – dengan mereka ditempatkan di kilang-kilang syarikat-syarikat swasta. Maknanya, dari segi peruntukan kerajaan untuk membayar gaji kepada *unemployed graduates* ini, kerajaan mengenalpastikan mana-mana kilang yang berdaya maju, yang *sophisticated*, yang boleh mereka mendapat latihan, wang ini diberi kepada kilang-kilang tersebut dan *unemployed graduates* ini duduk bekerja di situ selama satu tahun umpamanya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tertarik dengan perbincangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tambun. Jadi saya ingin bertanya, ada dua *school of thought* berhubung dengan usahawan ini. Ada yang mengatakan, umpamanya Robert Hassel, mengatakan usahawan ialah *born* bukan *made*. Maknanya orang itu tidak boleh dilatih, orang itu memang dilahirkan menjadi seorang usahawan, ataupun dia wujud dengan situasi keusahawanan sebagaimana masyarakat Cina di negara kita Malaysia.

Yang kedua, ada yang mengatakan bahawa usahawan boleh dilatih, tetapi dengan syarat institusi-institusi yang tertentu di negara tersebut ataupun di negeri tersebut, menjurus ke hala itu. Sebagai alasan, mereka membuat satu rumusan, umpamanya di Amerika, sebelum tahun 1980, tidak mempunyai golongan keusahawanan yang baik, tetapi universiti-universiti dan sekolah-sekolah di Amerika mula mengajar, mengubah tradisi lama - latihan *business studies* dan sebagainya, menghalakan satu peringkat pengajian baru setelah membuat beberapa banyak *brainstorming*, dan mewujudkan satu *syllabus* baru, cara baru dan mengajar kaedah baru untuk mewujudkan *entrepreneurs*.

Dengan keadaan sedemikian, wujudlah beberapa usahawan, terutama sekali antara tahun 1990 hingga ke tahun 2000, di mana banyak *Internet entrepreneurs* diwujudkan di Amerika, berlandaskan pengajian-pengajian yang dibuat di Harvard University dan Stanford University umpamanya. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pokok-pangkal kepada masalah ini ialah, kalau kita tidak bersetuju dengan teori yang pertama, yang kedua kita boleh melatih, tetapi mesti bermula dari peringkat sekolah dan universiti.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Saya menganggap kedua-duanya mempunyai *basis* untuk diterima. Seperti mana kita pernah bahaskan, dalam tiap-tiap tamadun ada golongan usahawan. Tetapi bukan semua tamadun ada golongan usahawan, dan saya pernah menyatakan bahawa di antara tamadun yang tidak ada golongan usahawan adalah tamadun bumiputera di Malaysia ini, dan kita mula membina keusahawanan pada tahun 1970 selepas peristiwa 13 Mei.

Di samping itu, kita juga bersetuju tentang usahawan yang dicipta. Dalam konteks negara kita, sebenarnya kita tidak ada *choice*. Dari segi masyarakat bumiputera, kita perlu cipta mereka – jadikan mereka usahawan. Malah kalau kita kata usahawan yang dilahirkan, sebenarnya ada juga, kalau dibuat kajian, mereka tidak dilahirkan secara automatik. Kita ambil contoh dalam masyarakat Cina umpamanya, kalau kita lihat dari segi usahawan, golongan tertentu – golongan menengah dan bawah, ada sebahagiannya, yang sebenarnya dari segi akademik tidak kelulusan tinggi, tetapi mereka daripada awal lagi mendapat latihan di bengkel saudara-mara mereka, dan dari situ dia *develop skill* keusahawanan kerana keusahawanan ini melibatkan banyak perkara dari segi teknikal, dari segi kewangan, dari segi kepakaran, dari segi pasaran, dari segi *niche market*, banyak perkara yang terlibat dalam soal keusahawanan.

Jadi kalau kita mengambil teori tadi dicipta dan betul, memang dicipta oleh ibu bapa mereka. Dan saya bersetuju, macam di negara-negara maju, terutama dalam bidang-bidang moden sekarang - *Internet* dan sebagainya, dia bukan datang secara *gifted*, dia memerlukan kepada individu tersebut bukan sahaja dilatih tetapi mendapat *exposure*.

Kalau kita ambil contoh, India umpamanya, yang perlu dalam dunia *Internet* ini adalah *intellectualism* dan juga bahasa Inggeris, dan orang India menepati dalam dua bidang ini, dan mereka mendapat *exposure* di Amerika Syarikat. Melalui *exposure* tersebut, oleh kerana berlaku pemindahan dari segi pengeluaran produk IT ini dari Amerika ke negara-negara yang lebih murah kos buruh, dalam dunia *intellectual property*, pemindahan ini dilakukan kepada orang yang dikenali. Bukan dalam p-ekonomi, ia berdasarkan kepada perjanjian semata-mata, tetapi dalam dunia *intellectual property*, ia berteraskan kepada orang yang dikenali.

Ini berkaitan juga dengan apa Yang Berhormat nyatakan tadi, berkaitan dengan pandangan yang saya berikan, terlebih dahulu dari segi untuk melahirkan usahawan yang *real* ini memerlukan kepada pemilihan yang betul. Kalau di institusi yang baik tetapi pemilihannya tidak baik, tidak dapat melahirkan usahawan yang baik. Di sini peranan yang perlu dimainkan lebih daripada kita semata-mata memanggil orang untuk menghadiri kursus, latihan dan sebagainya, tetapi kepada kita mencari, memilih orang yang betul-betul berwibawa.

Saya menganggap bahawa dalam masyarakat bumiputera, ada yang jahat dan banyak juga yang baik. Jadi dalam yang jahat, yang baik ini, macam manakah kita hendak memilih yang baik. Begitu juga dalam masyarakat bumiputera – banyak yang jahat, banyak juga yang baik. Yang baik ini dipilih, kemudian yang baik ini akan menjana pertumbuhan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat ada beberapa senario yang terjadi, yang akhirnya dinyatakan sebagai punca kepada mengapa bidang keusahawanan ini tidak begitu menjadi dalam masyarakat bumiputera ini. Salah satu perkara yang dibincangkan, yang dibangkitkan, mengenai dengan struktur sosial – struktur sosial yang lebih menjurus kepada isu hierarki sosial. Hierarki sosial ini mesti berbentuk - orang yang *terror* di atas, orang yang tidak *terror* di bawah.

Dalam kajian yang dibuat oleh beberapa pihak, dikategorikan negara kepada beberapa kategori – negara maju, negara membangun atas, negara membangun bawah dan negara yang tidak maju. Bila dibuat kajian mengenai dengan soal hierarki sosial ini - yang *terror* di atas, yang tidak *terror* di bawah ini, didapati negara-negara maju, hierarki sosialnya antara 80% hingga 100% *perfect*. Maknanya, yang handal di atas, yang tidak handal di bawah. Bagi negara yang membangun ke atas - di antara 60% hingga 80%; bagi yang membangun bawah - antara 40% hingga 60%; yang tidak maju langsung - bawah daripada 40%.

Kalau kita aplikasikan teori ini, adakah perkara ini terjadi atau tidak? Dalam konteks *environment* keusahawanan dalam masyarakat bumiputera ini, jawapannya ia dan tidak. Tidak - kerana dalam hierarki sosial itu ada orang handal duduk di atas; tidak - kerana dalam hierarki sosial itu, ada orang yang sepatutnya di bawah duduk di atas. Ini mewujudkan *problem*.

Dalam pengalaman saya sendiri, ada individu yang dalam kampung itu, tempat saya namanya Gugusan Manjoi – ada 40,000 penduduk, semuanya orang Melayu. Semua orang tahu budak ini jahat – sekolah sampai darjah enam, jahat, kacau sana, kacau sini. Tiba-tiba dia dapat projek – dia jual projek, dia buat rumah banglo, beli kereta besar. Jadi masyarakat bertanya kepada saya, apakah qualification yang dia dapat projek itu?

Jadi, masalahnya Tuan Yang di-Pertua, macam kita di sekolah, semua orang tahu, 20 orang ini *failed*, jahat, *gangster*, samseng. Tiba-tiba satu hari, pengetua mengumumkan 20 orang ini menjadi *prefect*. Apa akan jadi kepada sekolah tersebut? Ia akan merosakkan *eco-system*, struktur sosial sekolah tersebut, dan saya percaya budaya kecemerlangan yang hendak diwujudkan dalam sekolah tersebut akan hilang. Ini berlaku.

Bila orang yang semua orang tahu tidak layak, jahat, sekolah setakat darjah enam, tidak ada satu kepakaran pada diri individu tersebut – dia dapat projek, buat rumah besar, dan saya dipersoalkan, macam mana dia dapat? Dan ini akan mencetuskan suasana orang yang lebih *qualified* daripada dia pun hendakkan projek, dan masing-masing akhirnya menuju kepada projek – guru menuju projek, pegawai kerajaan menuju projek, semua orang menuju kepada projek. Kerana? *Eco-system* itu telah rosak.

Jadi saya membangkitkan semula perkara ini. Saya berharaplah, harap saya salah dalam analisis saya ini, dan jika adalah kebenaran sedikit dalam kajian saya ini, saya harap beri perhatian, kerana saya tidak percaya 100 tahun akan datang pun masalah ini akan berterusan, dan saya amat bimbang, bila saya bertemu dengan Persatuan Pengilang, apakah akan jadi kepada dunia keusahawanan kaum bumiputera? Satu perubahan sahaja – AFTA, sudah tidak. Perubahan lagi sekali – globalisasi pada tahun 2012, apa akan terjadi?

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah pergi ke mesyuarat *WTO Ministerial Meeting* di Qatar. Dalam agenda sudah dimasukkan mengenai *procurement* kerajaan, perbekalan kerajaan - dalam agenda sudah masuk, mesti dibuat secara tender global. Maknanya, tender ini dikeluarkan dan semua syarikat di dunia akan bersaing di atas tender tersebut. Bermakna apabila ini diluluskan, dan saya jangka akan diluluskan, di manakah lagi kuasa kerajaan? Macam mana kerajaan hendak mengadakan kemudahan untuk rakyatnya, dan globalisasi ini datang.

Jadi, kalau kita tidak perbetulkan perkara ini kita akan terus berhadapan dengan masalah yang sama. Dalam semua bidang kita kajilah. Ada dalam bidang itu individu-individu yang tidak berketeterampilan dan mengamalkan budaya kecemerlangan buat dan dapat satu dan ini tidak mendatangkan keuntungan kepada masyarakat kaum bumiputera.

Saya berharap untuk melihat hierarki sosial yang lebih tepat lagi. Kalau negara maju 80% hingga 100% kesempurnaannya, kita menuju ke arah itu, kalau itu

asas kepada pembangunan negara dan asas kepada pembentukan usahawan bumiputera yang berjaya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Seterusnya kita sedar Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi projek kepada usahawan bumiputera, memberi projek, beri lesen, permit dan sebagainya. Kita tahu di antara orang yang baru menceburi bidang perniagaan dengan orang yang telah lama menceburi bidang perniagaan tentulah caranya berbeza. Cara belanjanya berbeza, cara hidupnya berbeza. Dia tidak boleh di mana orang yang baru menceburi bidang perniagaan, tiba-tiba rumah banglo besar, Mercedes besar tidak boleh. Dia mesti bermula dengan cara mula. Kalau dalam sistem kehidupan manusia dia bermula dengan meniarap, kemudian merangkak baru berdiri jatuh, berlari kemudian balik merangkak dan lingkup terus, habis, *wassalam*, sudah tidak ada di dunia. Dia punya graf naik semacam itu, kemudian turun. Dalam perniagaan pun begitu.

Tetapi bagaimana kita hendak mengelakkan usahawan baru ini, dia hendak membeli Mercedes, hendak membeli kereta besar, hendak pergi luar negara semua. Bagaimana kita hendak mengelakkan, sekiranya kita mengamalkan sistem *laissez faire*, sistem terbuka, kita samakan usahawan yang baru dengan usahawan yang lama, dalam satu kategori. Pada hal kita yang memberi lesen, memberi kontrak dan juga memberi permit. Tentulah kita boleh membuat peraturan kepada mereka supaya mereka menjalankan usaha dan kehidupan *life stylenya* mesti berteraskan kepada usahawan yang baru, bukan kepada usahawan yang telah lama.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar dapat melihat kepada perkara ini. Kalau tidak salah dalam sektor perbankan, pihak bank yang memberikan pinjaman akan meminta kepada *borrower*, peminjam untuk menghantar setiap suku tahun atau setengah tahun atau setahun sekali mengikut kepada kategori standard syarikat, penyata kewangan, oleh itu kita juga harus meminta kepada mereka. Semua orang yang dapat permit mesti dihantar. Kita hendak tahu macam mana laporan penyata kewangan suku tahun, setengah tahun tak kan mereka tidak boleh buat. Dia cari seorang yang boleh membuat akaun dan membuat akaun suku tahun, setengah tahun dan pihak kerajaan pula membuat pemantauan serta mengkaji daripada segi perbelanjaan, ada tidak berlaku perbelanjaan-perbelanjaan yang aneh. Kalau aneh kita nampak, dia tidak betul, jangan *reward* lagi. Kalau mereka memakai sistem yang tidak betul, kita *reward* rosak, yang tidak betul kita *punish*, yang betul kita *reward* barulah wujud eko-sistem sosial yang betul.

Di samping itu kita letakkan prasyarat, apakah dia sebuah *business*, sebuah *business* antaranya mempunyai *working capital* yang cukup. *Long term financing* yang cukup, membayar balik pinjaman apabila tiba kepada masa matang dan juga mengukur pendapatan dengan izin, *accumulated profit* nya untuk digunakan sebagai modal balik kepada syarikat. Jadi, kita letak syarat-syarat itu dan pihak bank boleh membuat bermacam syarat, hendak memberi pinjaman mesti ada 1.2 *times collateral* berdasarkan kepada nilai wangnya, *cash flow* dia mesti semacam ini, *working capital* mesti macam ini, *how many time*, macam-macam yang dibuat oleh pihak bank, mengapa kita tidak boleh, kerana untuk mewujudkan golongan usahawan yang betul, yang penting bagi masa hadapan negara ini, kita mesti membuat dengan cara yang betul supaya dapat wujud kerana asas kepada masa hadapan negara ini mesti keadilan sosial untuk semua kaum ini.

Jadi, saya berpendapat bahawa perkara ini perlu diletakkan dalam syarat-syarat apabila kita memberi pemberian daripada kerajaan seperti kontrakkah, tenderkah, lesen dan sebagainya. Jangan bebaskan mereka untuk hidup cara mereka. Dia dapat projek daripada kerajaan, kerajaan berikan projek dia hendak membeli kereta Mercedes. Dia hendak membeli rumah besar, seolah-olah kerajaan ini kerjanya menanggung kehidupan mereka. Bila mereka peroleh ia mesti ikut matlamat yang dikehendaki oleh kerajaan iaitu untuk melahirkan usahawan yang benar-benar berwibawa.

Kemudian mengenai dengan ruang niaga Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak jelas tentang prinsip MARA daripada segi ruang niaga. Saya pernah membangkitkan isu ini masa Parlimen yang lalu. Antara keperluan usahawan bumiputera adalah berkehendakkan ruang niaga. MARA ada ruang niaga, saya tidak tahu berapa jumlah,

saya cuba membaca dalam penyata kewangan ini tidak sempat saya hendak mendapatkan maklumat tersebut.

Katalah ini ruang niaga Tuan Yang di-Pertua, yang dibuat oleh MARA baik ruang niaga ini setahunkah, lima tahunkah, sepuluh tahun, dua puluh tahun, dia sewa, Bila dia sewa, *holding cost* ke atas ini terbenam di situ, dia menjadi aset kepada MARA, Okeylah baik aset kepada MARA tetapi *holding cost* nya terbenam di situ. Proses untuk menjana lebih banyak ruang niaga ini terhad di situ. Mengapa tidak dikaji balik sistem ini. Mana-mana ruang niaga yang boleh dijual kepada usahawan yang duduk di situ, sudah berjaya di situ dan sudah ada duit, jual supaya dilepaskan *holding cost*nya tadi. Dia menjadi *cash flow* untuk MARA dan daripada *cash flow* tersebut buat lagi rumah kedai.

Jadi proses hendak membanyakkan rumah kedai, ruang niaga ini akan jadi lebih cepat daripada kita simpan terbenam, kita bangga MARA ada beberapa banyak ruang niaga tetapi terhad di situ. Mengapa tidak ia bersikap macam *private sector*, *private sector* tidak membuat rumah kedai, dia simpan untuk sewa. Dia buat rumah kedai dia jual, daripada duit itu dijadikan *cash flow* buat lagi rumah kedai yang lain, barulah proses untuk menambahkan rumah kedai ini menjadi cepat. Barulah bumiputera senang ada ruang niaga dan rumah kedai untuk mereka berniaga. Ini jikalau ia benamkan di situ, hendak jadi apa?

Saya tidak jelas mengapa dasar ini dipakai. Kalau kita takut jual rumah kedai ini dijual kepada orang, kita letakkan syarat dan jika hendak jual, pemilihan kepada orang yang hendak membeli ini mesti betul. Jangan kita beri kepada orang yang tidak betul. Beri kepada orang yang tidak betul, hari ini kita jual, dia jual kepada orang lain. Jadi, kita membuat pemilihan tidak susah. Kita kaji dia punya kewangannya, keupayaannya, *business*nya sebagai *track record* setelah dikaji insya-Allah 80% kita hendak kata 100% kejayaan mungkin tidak boleh, itu sudah konsep kesempurnaan. Tapi kalau 70%, saya percaya boleh dicapai.

Jadi, kita tidak rugi duit itu boleh membina dengan cepat. Kalau ini dilepaskan daripada dahulu, saya rasa sudah banyak rumah kedai yang telah dibina untuk usahawan bumiputera. Jadi, kita tidak bercakap tentang masalah ruang niaga lagi.

Di samping itu ruang niaga ini biarlah duduk di tempat-tempat yang strategik. Strategik ini ada dia punya *qualification*. Tuan Yang di-Pertua strategik bagi usahawan yang dianggap standard Malaysia, di mana pun tempatnya strategik tetapi kalau usahawan Melayu yang baru, strategik itu mesti berteraskan kepada pasarannya. Kalau letak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur, tempat yang bukan pasarannya, dia baru berniaga, orang tidak akan pandang. Dia buka beberapa bulan tutup, buka, tutup kemudian bank tidak beri duit. Bank tidak akan memberi duit kepada orang yang tidak berwibawa. Kita salahkan bank, ini satu *business circle*. Kalau di tempat saya di Manjoi ada 40 ribu penduduk, bukankah itu pasaran besar, 40 ribu orang penduduk Melayu beragama Islam, pasaran besar.

Kalau setiap orang berbelanja RM30.00 sebulan untuk makan, sudah ada satu bulan RM2 juta, *cost* makan sahaja. Kalau keuntungan 30%, 120 jadi ada RM360 ribu keuntungan. Kalau satu usahawan untung RM5,000, RM360 ribu dengan RM5,000 berapa? 100 lebih kuranglah berapa ha?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Lemah Matematik nampak.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Lemah, memang lemah, pasal bukan dalam bahasa Inggeris, tidak belajar dalam bahasa Inggeris Matematik dahulu. [Ketawa] Pakai bahasa Melayu. 360 ribu dengan RM5,000

Seorang Ahli: 360 dengan berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 360 dengan berapa itu?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 360 dengan 5,000 Tuan Yang di-Pertua. 600 lah 700.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: RM700 ribu? 360 dengan 5,000 1 juta

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 72 usahawan dengan mendirikan bangunan, ruang niaga oleh MARA di Manjoi ada 72 usahawan yang

dapat pendapatan RM5,000. Itulah pasarannya. Mengapa letak di *Green Town Mall*. Tidak ada usahawan Melayu yang berjaya di *Green Town Mall*, tempat yang tidak ada pasaran, *marketnya* di Manjoi, bukannya *marketnya* dekat hospital sana.

Jadi, ini soal strategik. Biar kita *qualified* betul. Jangan kita kata strategik KLCC strategik untuk orang Melayu datang ke KLCC. Di situ masyarakat antarabangsa dia bukan hendak membeli dodol, bukan hendak membeli songkok macam-macam ia tidak mahu beli, kita letakkan di situ tidak boleh. Tetapi internasional kalau bumiputera macam yang dibangkitkan *Habib Jewel* katakan yang sudah internasional, letakkan di tempat yang strategik, jangan di tingkat atas.

Jadi, kita mesti *qualified*. *What do you mean by strategic, qualified*. Bentuk mana *business* yang tempat itu bagi dia strategik, tempat mana *business* yang bukan strategik bagi dia. Strategik bagi syarikat yang internasional berbeza dengan strategik bagi syarikat yang baru hendak mula yang *marketnya Malay market*. Kalau kedai runcit orang Melayu letak di kawasan Melayu, dia boleh *survive*, kalau kedai runcit orang Melayu diletakkan di bandar Kuala Lumpur, di sebelah itu ada kedai runcit orang bukan Melayu, tidak bolehlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perkara-perkara ini daripada segi konsep strategik dan ruang niaga ini mesti dilihat dengan betul.

Kemudian di dalam penyata kewangan di mana ada menyatakan, di antara cara MARA untuk membangunkan golongan usahawan ini adalah dengan mengadakan program penilaian dan kaunseling usahawan.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat minta pihak pegawai membuat kajian di atas perkara ini. Dalam dunia perniagaan ini *advisory service, consultancy service ini* memang perkara penting. Syarikat yang paling besar dalam dunia pun memerlukan *advisory* dan *consultancy service*, apatah lagi syarikat-syarikat kecil.

Dalam konteks ini, saya percaya begini Tuan Yang di-Pertua, kalau dia bekerja di MARA, pengalaman di MARA beberapa tahun, kemudian '*secondment*' ke tempat dan sebagainya, ada agensi lain masuk ke situ, pengalamannya sekadar dalam agensi kerajaan, saya tidak percaya program ini berjaya. *Advisory consultancy* ini bukan kerja kecil, kata Yang Berhormat bagi Batang Lupar melalui universiti lahir, itu betul. Hendak membuat *management consultancy advisory service, financial business* bukan kerja kecil. Jadi, saya berpendapat bahawa elok MARA mewujudkan anak syarikat.

Tadi sudah mengatakan boleh mewujudkan anak syarikat yang membuat kerja *consultancy* untuk usahawan bumiputera. Sekarang ini pegawai bank ramai sudah kena berhenti, ambil mereka, *retrain* dalam konteks hantarliah belajar di luar negara kerana untuk agenda yang terpenting dalam negara kita, perimbangan sosial ini. Jadi, hantar ke luar negara tempat-tempat yang betul-betul baik dan kemudian duduk di situ membuat kerja *consultancy* dan *advisory service*. Kita boleh dapat golongan profesional dan saya percaya baharu dapat hasil yang baik.

Kalau harapkan pegawai MARA itu, bukan saya hendak perkecilkan kerana itu bukan bidang mereka. Saya pergi MARA Perak, saya tengok muka mereka – bukan bidang mereka, mereka tidak pernah berniaga, bukan bidang itu. Tiba-tiba dialah hendak bagi *consultancy service* dan sebagainya, dia tidak mungkin boleh. Maknanya kita hanya macam melepas batuk di tangga, adakan program supaya adalah program, begitu sahaja tetapi bukan kita hendak lihat hasil yang besar.

Saya harap pengalaman persatuan pengilang bumiputera biar menjadi iktibar kepada kerajaan dan pengalaman itu dijadikan asas untuk pihak kerajaan bagi melahirkan usahawan bumiputera yang berjaya. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyatakan persatuan pengilangan kita, menyatakan pihak kerajaan buat kursus-kursus TQM dan sebagainya, akhirnya 'haph' pun tidak jadi. Sebabnya kerana dalam dunia keusahawanan kita dia menjadi satu *irony*, orang yang tidak dapat masuk universiti, tidak dapat kerja kerajaan semua, akhir dia pilih jadi usahawan.

Dan, ada orang kata yang usahawan Cina pun macam itu juga, tidak masuk juga tetapi usahawan Cina lain, *channel* dia lain, dia masuk bekerja di bengkel seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Dalam soal pemilihan ini, pemilihan usahawan ini, biar kita buat satu konsep, konsep mesti berteraskan kepada *knowledge base*, kita melahirkan *knowledge entrepreneur*. Mungkin dalam proses itu tidak boleh cari beberapa orang tetapi kita cuba di situ. Macam dalam statistik ini kita dapati banyak golongan profesional, inilah

dia sasaran kita yang pertama, mereka kerja dalam kilang dan sebagainya sampai pada suatu tahap mereka ini boleh jadi *entrepreneur*, dalam kerajaan, dalam bidang-bidang tertentu mereka boleh jadi *entrepreneur*. Maka asas kepada pemilihan ini mestilah kepada yang berbentuk *knowledge* bukan macam mana yang kita - kadang-kadang kita dengar yang berlaku.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, saya menyokong pindaan yang dibuat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Menteri menjawab.

4.47 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat bagi Jeli, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Kepong, okey Kepong ada, Yang Berhormat bagi Sipitang, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Bandau, dan yang terakhir sekali Yang Berhormat bagi Tambun.

Saya juga ucap terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Kota Bharu, Yang Berhormat bagi Bachok dan juga Yang Berhormat bagi Setiu yang telah juga mencelah dalam perbincangan tadi.

Saya pertamanya hendak minta maaf sedikit kalau dalam jawapan saya ini agak tidak tersusun kerana ada jawapan yang saya sendiri menjawab dan juga ada jawapan yang datang daripada pegawai-pegawai saya, yang daripada belakang sana, yang mencatat dan ada juga setengah yang tidak boleh dijawab sekarang kerana memerlukan kajian supaya mendapat jawapan yang penuh. Jadi, saya minta maaf kalau tidak teratur.

Pertama, saya hendak jawab Yang Berhormat bagi Jeli tetapi Yang Berhormat bagi Jeli sudah balik. Saya ucap terima kasih kepada beliau kerana dia pun telah membahar dalam perkara ini dengan begitu sopan-santun sekali berbeza juga di masa-masa yang lepas, macam harimau. Mungkin banyak harimau di Jeli ingat wakil rakyat dari sana jadi dia terpaksa *slow down* sikit, itu nampak dia sopan-santun sikit, jadi saya pun hendak jawablah beberapa perkara yang dibangkit.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jangan tembak, sudah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak tembak [*Ketawa*] kalau dia capik, itu kena tembak sebab dia makan orang sudah. Kalau dia boleh makan di sana, tidak apalah, tidak payah tembak dia. [*Disampuk*] Saya ingat dia boleh cari makan lagi, dia sudah tidak capik lagi. Kalau dia capik kena tembaklah sebab dia makan orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli ada membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan syarikat-syarikat yang dulunya berada di bawah MARA Holdings yang telah kita swastakan, jual kepada Nadicorp. Jadi, dia membangkitkan soal apa keperluannya kita menjual setengahnya itu kalau dia telah maju. Jadi, di sini pun ada perbezaan pendapat, Yang Berhormat bagi Setiu mencelah sebentar tadi pula marah, mengapa MARA mesti ada syarikat bersaing pula dengan individu. Jadi, ini jelas menunjukkan iaitu ada dua pandangan di sini termasuk juga dalam pembangkang. Satu kata suruh jual, satu kata jangan jual. Jadi, ini biasalah. Jadi, kalau kita tengok pembangkang tidak setuju dengan kita, sama dia pun ada perbezaan pendapat.

Jadi, pertama ada berbangkit berkenaan dengan syarikat pengangkutan bas. Bas ini, kita kena ingat iaitu MARA dikehendaki untuk menjalankan perkhidmatan yang dianggap sebagai *social service*. *Social service* ini bermakna kalau suruh kepada syarikat bas swasta untuk memberikan perkhidmatan ini dia orang pun tidak hendak sebab dia tahu memang rugi. Jadi, sebab itu syarikat pengangkutan bas yang dikendalikan oleh MARA banyak merupakan perkhidmatan *social service*.

Jadi, tidak hairanlah kalau kita tengok syarikat-syarikat ini dia tidak mendapat keuntungan kerana ia merupakan satu *service* yang diberi kerana *social service*. Kalau tidak kita berikan perkhidmatan ini, maka orang kampung di situ tidak akan dapat keluar

ke bandar sebagai contoh. Jadi, antara sebab mengapa kita lihat bahawa syarikat pengangkutan bas yang dikendalikan oleh MARA telah rugi kerana kita memberi *social service*, dalam *route* yang tertentu itu yang tidak mendapat keuntungan.

Keduanya, ada juga syarikat pengangkutan yang berjaya. Jadi, sebab itu yang berjaya ini pun kadang-kadang apabila diteruskan, dia juga rugi sebab dia kena bagi subsidi kepada *social service* ini tadi. Jadi, sepatutnya dia boleh buat untung, *route* itu memang *route* yang bagus, tetapi keuntungan itu disubsidikan kepada *social route* itu yang tidak menguntungkan, jadi balik kepada tahap yang mana syarikat itu tidak dapat keuntungan. Jadi, itulah kalau ditanya mengapa MARA mempunyai syarikat pengangkutan ini tidak boleh untung, itulah sebabnya. Kerana *route* yang untung itu, keuntungannya disubsidizekan kepada *route* yang tidak menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli juga bertanya berkenaan dengan *Nadicorp* yang telah diberikan kepada swasta untuk membeli MARA Holdings, jadi Yang Berhormat bagi Jeli ingin tahu iaitu sama ada *Nadicorp* telah pun membayar kepada MARA. Cara pembayarannya adalah *phase by phase* dan *cost privatization* ialah sebanyak RM89,905,974 dan sehingga hari ini baki hutang yang belum dibayar ialah RM27,319,276 tetapi dia tidak lambat. Dia memang ikut dia punya *time table*, memang dia bayar mengikut waktunya.

Jadi, baki hutang RM27 juta ini belum lagi sampai masa untuk dituntut oleh MARA, jadi bermakna *Nadicorp* dia bayar semua dan RM27 juta ini memang bakinya tetapi dia belum sampai kepada tarikh matang yang mana dia kena bayar. Jadi, itulah jawapan berkenaan dengan sama ada *Nadicorp* telah bayar ataupun tidak.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jeli juga bertanya iaitu mengapa kita menjual MARA Holdings, jadi inilah tadi yang kita ambil kira pandangan. Ada pandangan kata mengapa MARA Holdings hendak bersaing dengan individu bumiputera, nanti dia dengan kekuatan duit dia yang individu tidak boleh lawan, jadi ini delima yang kita ada.

Sebab itu akhirnya saya ingat waktu saya jadi pengerusi, saya ambil keputusan supaya kita jual MARA Holdings ini. Kita ambil balik duit dan kita fokuskan MARA ini kepada pendidikan, kemudian untuk tidak mahu menjadi pesaing kepada pengusaha-pengusaha bumiputera dan ini menyebabkan keputusan telah dibuat mengapa kita mahu supaya MARA Holdings ini dijual - sebab tidak mahu ia bersaing dan memang betul. Maknanya, syarikat yang MARA Holdings buat untung kita kena juallah kepada bumiputera. Sebab kalau ia untung kita hendak simpan buat apa? Tujuan kita ialah kalau benda itu untung, kita bagilah kepada bumiputera yang mampu untuk diambil alih.

Oleh sebab itu Syarikat Sepatu Yang Berhormat bagi Jeli sebut, Syarikat Kain Putih, saya pun gerun juga sebut Syarikat Kain Putih ini dengan selimut putih. Jadi yang ini betul, memang kita jual sebab ia maju kita kena bagilah kepada bumiputera, individu. Buat apa MARA hendak pegang lagi kerana MARA ini juga bertindak sebagai inkubator. Sebuah syarikat itu ia mula tidak ada apa-apa, bila ia maju kita kena bagi kepada bumiputera individu untuk mereka ambil alih supaya kita tidak memberikan syarikat yang rugi tetapi syarikat yang untung dengan harapan dia akan dapat meneruskan keuntungan yang telah dicapai oleh syarikat berkenaan. Itulah Sepatu tadi Kain Putih, kita swastakan walaupun untung kerana hendak bagi kepada individu bumiputera.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jeli juga ada sebut berkenaan dengan *tools and die*. Jadi ini saya kena rujuk kepada jawapan daripada kementerian. Sebenarnya Tooltronic, syarikat yang telah diwujudkan ini ia merupakan langkah sementara sahaja sebelum GMI dapat beroperasi penuh. Jadi sekarang, apabila GMI telah beroperasi penuh maka Tooltronic perlu diubah semula sebagai pusat perancangan awal sahaja. Pusat seperti peringkat awal dan walau bagaimanapun, usaha sedang dibuat untuk meningkatkan usahawan teknikal di dalam Tooltronic ini. Jadi ini jawapan daripada kementerian.

Kemudian, di sini Yang Berhormat bagi Jeli juga ada membangkitkan berkenaan penubuhan Syarikat Unitech Sdn. Bhd. yang kita hendak buat universiti ini, dicurigai akan dijual. Yang ini tidak boleh Yang Berhormat, sebab UNITEK MARA ini ditubuhkan sebagai syarikat pengurusan untuk menguruskan universiti ini dan segala asetnya adalah kekal dalam milikan MARA. Jadi tidak adalah, tidak boleh jual, memang tidak boleh dijual. Asetnya MARA punya dan ia diwujudkan semata-mata

kerana untuk kita menunaikan kehendak akta yang saya sebut dalam ucapan yang saya bentang sebentar tadi.

Yang Berhormat bagi Jeli bertanya, apakah ada lagi syarikat-syarikat MARA yang sekarang ini dipunyai oleh MARA yang rugi. Pada masa ini tidak ada lagi syarikat yang ada, sebab semua masa kita swasta MARA Holdings tadi, kita beritahu kepada Nadi Corp bukan sahaja kalau dia hendak ambil MARA Holdings, dia kena ambil semua, dia tidak boleh ambil yang untung sahaja, syarikat yang tidak untung pun dia kena ambil dengan harga RM89 juta tadi. Jadi bermakna, pada hari ini sudah tidak ada syarikat berniaga dalam MARA, cuma syarikat yang ada ialah syarikat institusi-institusi perjanjian MARA. MARA Holdings sudah tidak ada, syarikat MARA yang berniaga tidak ada...

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun hendak keluar*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kepong hendak pergi mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak keluar Yang Berhormat!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab Kepong ni.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan masuk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mari balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, teruskan Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak pergi *toilet* agaknya.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi tidak ada syarikat yang berniaga lagi, yang ada cuma ialah syarikat-syarikat institusi sahaja.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jeli juga ada bertanya berkenaan dengan profesionalisme dalam IKTM. Di sini IKTM dan UNITEK akan diurus oleh syarikat untuk membolehkan ia mendapat tenaga profesional yang diperlukan. Sebab kalau kita tidak buat syarikat, maka kita kena ambil tenaga itu daripada kakitangan MARA. Jadi kita tidak boleh ambil daripada orang luar yang profesional, yang boleh membantu kita. Jadi sebab itu, dengan adanya syarikat ini maka ini membolehkan kita *engage* orang-orang profesional di luar untuk menjadi golongan pelatih ataupun *lecturer* dalam universiti kita. Kalau tidak susah, kalau tidak, dia akan jadi *staff* MARA, dia akan terikat kepada JPA punya gaji. Jadi orang tidak berminatlah.

Jadi apabila ia merupakan syarikat, kita boleh membayar gaji macam *lecturer* takkan kita hendak bayar gaji JPA, kita tahulah JPA rendah tetapi kalau dia *lecturer* syarikat, kita boleh bayar dia ikut pasaran. Jadi inilah sebabnya kalau hendak ditanya tentang profesionalisme dalam IKTM dan UNITEK, ianya dapat dijamin oleh kerana ia merupakan institut yang dikendalikan oleh syarikat, yang membolehkan kita membayar mereka dengan gaji pasaran dan tidak terikat dengan gaji-gaji di bawah JPA yang ada sekarang.

Semasa Yang Berhormat bagi Jeli berbahas, Kota Bharu... [*Melihat ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Kota Bharu*] Kota Bharu mana? Balik dah! *Flight* dia awal kot! Kota Bharu mencelah iaitu bahawa dia mahu supaya kita tidak hanya memikirkan untuk memberi mereka ini ijazah ataupun diploma sahaja tetapi objektif untuk menambah bilangan usahawan yang berjaya. Maknanya tidak cukup jika kita hanya keluarkan dia sebagai pemegang ijazah ataupun pemegang diploma ... [*Yang Berhormat bagi Kepong masuk*] Lepas ini Keponglah, itu I tunggu you.

Jadi, untuk mencapai objektif tersebut iaitu pendidikan yang baik, untuk mendapat usahawan yang baik, kita kena bagi mereka pendidikan yang baik juga dan untuk menjadi usahawan yang berjaya. Oleh sebab itu MARA memberi perhatian yang serius terhadap pendidikan kerana pendidikan boleh menjadikan usahawan itu usahawan yang baik. Lebih daripada 98% graduan MARA tidak bekerja dengan

kerajaan, mereka bekerja dengan syarikat-syarikat *multinational* dan bekerja sendiri sebagai usahawan dan ada juga yang menjadi wakil rakyat PAS macam Jeli tadi dan juga ADUN tadi. Jadi kita okey, tidak ada masalah.

Walaupun MRSM melatih mereka, dia masuk PAS, dia tidak masuk UMNO, jadi betul itu. Jadi ini menunjukkan bahawa kita, apa orang kata *transparent*. Kita tidak ada mensyaratkan you masuk MRSM, you kena masuk UMNO, tidak ada! Itu jelas Jeli, usahawan berjaya. Dia tidak kerja dengan kerajaan, dia jadi Ahli Parlimen, okeylah tu. Yang seorang Amiruddin itu, dia MRSM juga, saya tahu sebab saya dok perhati tengok pasal MARA bawah saya. Tetapi okey, tidak ada masalah, bolehlah hendak masuk, masuk KeADILan boleh, cuma tidak boleh masuk DAP. Lepas ini bolehlah kot, bila sudah bukan 10%, ada juga yang masuk DAP, *no problem*, kita terbuka, kita tidak percaya mengongkong pemikiran mereka kerana kita percaya kepelbagaian pemikiran itu adalah perlu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat Menteri. Sri Gading, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri. Kebanyakan memang masuk UMNO, menyokong UMNO, menyokong kerajaan, lepasan MARA ini kerana mereka berterima kasih. Yang macam Jeli ini puak tidak berterima kasih. Apa komen Yang Berhormat?

[Dewan riuh dengan Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa Yang Berhormat, kita dalam Kerajaan Barisan Nasional, orang kata kita mengamalkan kepelbagaian pemikiran politik. Jadi dia hendak masuk PASKah, KeADILankah, ia tidak merupakan syarat yang kita dikenakan, dia mesti menyokong kerajaan, itu pilihan dialah. Oleh sebab itu rakyat tetap pilih Barisan Nasional walau apa sekalipun. Itu dua sahaja contohnya, yang lain banyak menyokong kerajaan. Jadi tidak perlu bimbang Yang Berhormat, jumlahnya kecil sangat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapa Yang Berhormat. Kita dalam Kerajaan Barisan Nasional, orang kata apa, kita mengamalkan kepelbagaian pemikiran politik. Jadi dia hendak masuk PASKah, KeAdilankah, dia tidak merupakan syarat yang dia mesti menyokong kerajaan. Itu pilihan dialah, itu pilihan dia, ya, sebab itu rakyat tetap pilih Barisan Nasional walau apa sekalipun. Itu dua sahaja contoh, yang lain banyak menyokong kerajaan, tapi tidak perlu bimbang Yang Berhormat, jumlahnya cuma kecil sangat ya, kecil sangat.

Tuan Yang di-Pertua, Kota Bharu walaupun dia mencelah dia ada dua tiga perkara yang dia bangkit. Dia bertanya iaitu dia bimbang, takut kalau kita buka universiti ini, maka kemasukan para pelajar ini adalah orang yang dapat *first grader*.

Jadi macam mana dengan kita punya polisi iaitu bahawa kita membantu bumiputera yang *third grader* itu. Sebenarnya tidak perlu bimbang, sebab kita membuka kemasukan dalam universiti ini kepada mereka yang datang daripada Giat MARA, Giat MARA ini maknanya dia tidak lulus baguslah. Jadi kalau dia masuk Giat MARA, dia cemerlang dia boleh masuk IKM, kemudian kalau dia cemerlang dalam IKM dia lulus, dia masuk IKTM kemudian dia boleh masuk universiti.

Jadi, ini bermakna bahawa untuk kita memastikan supaya mereka yang tidak cemerlang akademik di peringkat SPM itu dia boleh masuk. Itu memang terbuka, sebab saya sudah kata banyak yang berbangkit tentang kelangsungan. Memang ada kelangsungan. Mereka yang daripada Giat, budak-budak Giat ini dia bukan dari *form five* tapi dari *form three*. Tapi dalam Giat MARA, dia nampak bagus dia boleh pergi ke IKM dan ada pun yang masuk ke IKM. Kemudian IKM dia boleh pergi ke IKTM dan akhirnya boleh masuk ke UNITEK MARA ini. Jadi dia ada kelangsungan. Jadi tidak perlu bimbanglah.

Tolong bagi tahu kepada Kota Bharu, Kemaman tolong beritahulah Kota Bharu duduk belakang Kemaman bukan, beritahu dia jangan bimbang iaitu walau universiti ini diwujudkan ia tidak akan menghentikan kemasukan ke universiti ini oleh mereka yang tidak cemerlang dalam bidang akademik waktu mereka mengambil peperiksaan SPM. Ini masih terbuka kepada mereka dan saya hendak sebut memang ada kelangsungan.

IKM, Giat MARA boleh masuk IKM, IKM ke IKTM, IKTM boleh masuk ke UNITEK MARA. Kelangsungan itu wujud.

Kemudian ini, Parit Sulong ada. Parit Sulong telah membangkit beberapa perkara seperti berkenaan dengan pelajar MARA keluar negara. Di sini MARA telah mendapat *transfer of technology* daripada German, Perancis. Daripada hubungan kita punya GMI, MFI. Ini kita telah mendapat *transfer of technology* dari negara-negara demikian dan MARA bersedia untuk menjadi *technology provider* kepada negara-negara yang ketiga dan juga Yang Berhormat bagi Parit Sulong, bertanya sama ada, adakah penubuhan UNITEK MARA telah lari daripada objektif penubuhan institut-institut lain MARA.

UNITEK MARA akan memberi peluang kepada mungkin 20 hingga 30 peratus para graduan untuk mendapat ijazah dalam bidang teknologi yang diperlukan. Majoriti akan keluar sebagai *skill workers at diploma level*. Jadi ini kalau Yang Berhormat hendak taulah.

Kemudian Yang Berhormat sebut bidang-bidang lain, macam *bio-tec*, perkhidmatan *bio-technology*. Itu merupakan pandangan yang cukup baik, bernas dan memang betul Yang Berhormat sebut bahawa MARA ini selalunya *in advance*. Tahun 60 an dulu kita sudah ada *komputer*, walaupun pada ketika itu memang betul, orang tidak bercakap tentang *komputer* lagi. Jadi apa Yang Berhormat sebut ini berkenaan *bio-technology*, ini sudah tentu merupakan - yang juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi pun sebut, dia menyokong Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya mencatat ini sebenarnya dan saya hendak memberitahu pihak MARA tentang betapa pentingnya juga kita menitikberatkan tentang *bio-technology* ini.

Bukan itu sahaja, berkenaan dengan *content* sejarah ya, ini juga perlu, ini merupakan bumiputera, siswazahnya nanti, mereka seharusnya tahu tentang sejarah dan kita akan cari jalan bagaimana untuk memperingatkan mereka juga tentang sejarah negara kita, kerana ini adalah penting dan juga berkenaan dengan *legal aspect of ICT*. Ia memang betul.

Kita mesti tahu juga tentang *legal aspect ICT* ini kerana dia melibatkan berbagai dan kalau tidak diberikan kefahaman dengan awal kepada mereka mungkin mereka akan terlibat saman menyaman nanti, iaitu memang betul dan tentang perkara ini kita ambil maklum dan kita akan memastikan supaya ianya dimasukkan dalam ini, termasuk macam Yang Berhormat sebut, saya juga awal tadi telah menjawab iaitu kita bukan sahaja hendak mengeluarkan pemegang-pemegang ijazah dan diploma, tapi kita mahu mereka menjadi usahawan dan sudah tentu mereka juga tahu tentang *accounting*, *business management* dan lain-lain lagi dan ini memang satu pandangan yang bernas yang diambil kira.

Berkenaan dengan *assistance* kepada negara asing saya telah jawab. Kalau tanpa Unitek MARA ini pun, memang MARA menghantar *technical assistance* ke *Namibia*, *Kampuchea* sekarang ini. Tanpa Unitek MARA, kita insya-Allah akan menghantar ke Timor Timur dan tidak silap saya Myanmar pun kita hantar. Itu sebelum adanya UNITEK MARA. Kalau sudah ada UNITEK MARA sudah tentu saya percaya kita akan teruskan program ini dan akan membesarkan kepada negara-negara lain yang memerlukan kepada bantuan ini.

Sekarang saya hendak jawab Kepong pulak. Ha, Kepong. Tadi dia tidur, Dungun datang dia bangun. Kepong bertanya tentang UNITEK MARA ke Universiti Kuala Lumpur. Sebenarnya dia Universiti Kuala Lumpur, dan saya telah mendapat kebenaran dari Menteri Pendidikan untuk menamakan universiti ini Universiti Kuala Lumpur. Ya, Universiti Kuala Lumpur.

Cuma oleh kerana sekarang ini dalam permohonan kita, kita menggunakan nama UNITEK MARA, jadi kita kena guna nama ini dahulu sehingga mendapat kelulusan sepenuhnya. Sudah dapat kelulusan sepenuhnya barulah kita tukar kepada Universiti Kuala Lumpur. Itu cadangan saya Yang Berhormat, Universiti Kuala Lumpur itu.

Cuma kalau nasib baik kalau dia ada tanah di Kepong, Universiti Keponglah, tapi malanglah Kepong tidak ada tanah. Dia akan dibina di Kuala Lumpur, di atas tanah 100 ekar insya-Allah dan kita akan panggil Universiti Kuala Lumpur dan dia tidak bercanggah dengan Akta Pendidikan, kerana Akta Pendidikan mengatakan iaitu bahawa universiti hendak dinamakan dengan nama-nama yang internasional.

Jadi, saya rasa nama Kuala Lumpur itu lebih internasional daripada Universiti Teknikal MARA. Siapa yang tahu teknikal MARA kan. Siapa yang tahu MARA, kita saja yang tahu MARA. Tapi Kuala Lumpur dunia tahu, jadi sebab itu saya telah mendapat kebenaran daripada Menteri Pendidikan untuk menggunakan nama Universiti Kuala Lumpur kerana untuk memperkenalkan Kuala Lumpur kepada luar negara dan keduanya untuk juga membantu graduan dia. Sebab graduan dia kalau pergi keluar negara hadir *conference*kah, kalau dia sebut *I am graduate from UNITEK MARA*, dia orang tidak tahu, dia orang ingat MARA ini nama pekankah, nama bandarkah, pada hal MARA ini nama agensi, dia mana tahu. Tapi kalau dia kata *I am graduate from University Kuala Lumpur*, orang tahu Kuala Lumpur mana. Jadi, Yang Berhormat setujulah Universiti Kuala Lumpur ini. Okey sebenarnya dia akan jadi Universiti Kuala Lumpur nanti cuma sekarang ini kita panggil UNITEK MARA, *technically*nya dia masih lagi UNITEK MARA kerana sudah habis proses ini besok, kerana permohonan di mula dengan nama UNITEK MARA besok kelulusan semua sudah habis, prosedur mengikut nanti kita boleh tukar ke Universiti Kuala Lumpur. Jangan bimbanglah. Jadi, dia akan dinamakan Universiti Kuala Lumpur.

Yang Berhormat mengenai perbelanjaan, yang diberikan kepada MARA sudah mencecah RM1 bilion, sebenarnya bukan baru Yang Berhormat lama sudah, ya, kita punya peruntukan RM1 bilion bukan tahun ini, bukan tahun lepas, sebenarnya sudah empat, lima tahun, kita sudah dapat *allocation* RM1 bilion, jadi insya-Allah sehingga pada hari ini kita telah dapat membelanjakan wang dengan baik dan dengan hemah sebab itu tidak ada masalah membelanjakan wang ini yang telah diperuntukkan kepada MARA.

Dia yang masalah ini yang macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebut itu, YPM ha! itu masalah tetapi hak MARA punya dia tidak ada masalah, belanja okey. Kalau beri kita duit banyak kita belanja lagi tetapi belanja berhemah ya.

Kemudian Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan MEAT ada MoU dengan MAS. Jadi saya tak dapat jawab lagi Yang Berhormat sebab saya punya pegawai pun belum beri, jadi saya boleh beri selepas inilah ya, sebab saya tak mahulah tipu kan, saya tidak ada jawapan, saya kata ada jawapan.

Ya, oh hendak bertanya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu tanya MEATlah, saya pun *gentleman* jugalah dan cuma ini sahaja seronok saya dengar UKL memang baik, nama itu baik tetapi saya mencadangkan supaya semua pensyarah itu, profesor berkaliber, kita benar-benar pilih agar cocok dengan nama kita ini, ya mesti cocok dengan nama. Jangan kalau UKL keluarkan graduan yang tidak baik, profesor yang tak baik, itu tak guna, cemarkan nama kita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pun tak seronok juga. Ya, tolonglah memastikan kaliber kualiti itu benar-benar kerana kita hendak jadikan Kuala Lumpur sebagai dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the international garden city of light*.

Dan kita hendak jadikan UKL pun *international recognize university*, ini memang cocok dengan nama KL dan juga hasrat kita menjadikan *international garden city of light*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini yang saya marah dia keluar ini tadi. Sebab kalau dia tidak keluar, dia dengar jawapan saya itu, memang kita hendak kualiti profesional dalam universiti ini kita hendak kualiti, sebab itu kita jadikan syarikat yang menguruskannya.

Yang Berhormat kalau tidak buat syarikat, ia akan ikut bayaran gaji JPA, kalau bayaran gaji JPA, you tidak boleh dapat *the best lecturer*. Jadi bila kita buat syarikat, syarikat boleh membayar gaji *lecturer* mengikut pasaran. Itulah sebabnya mengapa kita buat syarikat. Itu yang saya marah Yang Berhormat keluar tadi, saya sudah jawab dah yang ini. Buang masa, saya dah jawab semasa Yang Berhormat keluar tadi, benda ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Nak keluar cuci tangan pun tidak boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak bolehlah, menteri sedang jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah ulang Yang Berhormat, cukup Kepong ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Patut, kalau pergi buang air kecil, saya okeylah, ini cuci tangan, bukan apa [Ketawa] Kalau buang air kecil kita faham, cuci tangan. Saya tahu dia *skin doctor*, dia bersih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak hendak sebutlah yang itu Yang Berhormat, dia sebut cuci tangan itu bermakna termasuk semualah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, termasuk semua, besar sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Tuan Yang di-Pertua, kemudian, Yang Berhormat bertanya iaitu berkenaan dengan berapakah kos bila kita ada GMI, berapa kos kepada Jerman yang kita bayar.

Sebenarnya Yang Berhormat kita tidak bayar apa-apa kepada mereka, macam GMI ini, kita namakan GMI sebab dia beri duit kepada kita. Hah, dia beri duit kepada kita, kalau dia tidak beri duit kepada kita, kita tidak sebut German Malaysian Institute.

Kita sebut German Malaysian Institute sebab dia bagi duit kepada kita. Jadi macam German Malaysian Institute, dia memberi grant RM37 juta untuk peralatan dan *expertise*. Jadi bermakna, kita tidak bayar dia apa-apa, dia yang beri kita RM37 juta, sebab itulah kita izinkan institut itu diletakkan juga nama German Malaysian Institute.

Kemudian kita ada Malaysian French Institute. Dan ini pula merupakan *soft loan*, *French government* beri kita *soft loan*, RM55 juta, sebab itulah kita panggil Malaysian French Institute atau MFI.

Kemudian MSI, ini Spanish Malaysia Spanish Institute atau MSI, kita mendapat grant daripada Kerajaan Sepanyol sebanyak US\$2.9 juta as a *grant*, dan US\$5.6 juta sebagai *soft loan*, dan kalau tak ambil *soft loan* ini dia macam *free* sebenarnya, dia punya *soft loan* itu, dia punya *interest* itu cukup rendah, boleh dianggapkan sebagai *freel*. Jadi itu sebab kalau Yang Berhormat tanya, apakah kos kita, kos kita tidak ada. Dia sebenarnya yang membantu kita ya.

Jadi, GMI, BMI, MFI, MSI semuanya telah menguntungkan negara daripada segi *technology transfer*. Siapa berucap tadi kata macam MSI, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, dia kata iaitu MSI ini, *Spanish is known for spare part*, dengan izin, *spare part* kereta, *known not for car, spare part* ya.

Yang Berhormat gelak *spare part* apa pasal? [Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kepong] Ada *spare part*kah? [Ketawa] Kat rumah ada? Hah.

Jadi, dan kita telah mendapat keuntungan daripada *technology transfer* kepada negara dan yang sangat mendatangkan sukacita kepada kita, semua graduan-graduan institut ini, semua ini GMI, BMI dan MFI belum *graduate* sudah dapat kerja.

Belum *graduate* lagi dah ada orang tunggu dah, dah tunggu dia. Jadi graduan institut ini dengan mudah dapat kerja sebelum dia *graduate* lagi. Jadi inilah keuntungannya yang kita peroleh kerana kita punya *graduate* telah pun ditempah sebelum dia lagi *graduate*.

Yang Berhormat berkata iaitu saya ada buat satu kenyataan berkenaan dengan 15%, bila saya buat itu, saya rasa saya tak buat, bila saya buat? Orang lain buat kot, bukan saya, bukan saya itu. 15% tidak lulus

Dr. Tan Seng Giaw: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, bukan saya buat kenyataan, tetapi memang ada kenyataan itu keluar, MARA tetapi bukan kenyataan saya tetapi saya jawab juga yang 15% tidak lulus daripada tajaan MARA, itu betul. Ada yang tajaan MARA 15% dikatakan tidak lulus, bukan ia tidak lulus, dia lulus cuma mereka

tidak habis dalam masa yang telah diberi, dalam masa yang diberi dia tidak habis, budak ini semua budak cerdik tetapi ada yang cerdik-cerdik ini pun manja, mengadadagada pun ada, kadang-kadang yalah, kadang-kadang orang seni ini, orang cerdik dia manja.

Kalau anak-anak kita yang cerdik ini dia manja, dia membaca malas tetapi dia cerdik. Jadi ada yang dalam masa yang telah diberi dia tidak habis. Jadi dia memerlukan satu semester tambahan tetapi akhirnya semua berjaya. Tidak ada yang tercicir, yang 15% yang dimaksudkan itu ialah dia tidak habis dalam masa yang telah diberikan tetapi itu bukan kenyataan saya, itu kenyataan daripada orang lainlah tetapi saya jawab jugalah ya.

Yang Berhormat juga telah bertanya mengapa pelajar Melayu enggan pergi ke IPTS. Inilah ialah kerana pelajar Melayu ini dia.., ini yang saya buka 10% itu, sebab dia ada *comfort zone* dia, dia dok rasa kalau dia di kalangan suasana itu Melayu, dia *confident* sedikit, kalau dia bersaing masuk dalam institusi yang ada bukan Melayu dia ada *lose confident*, macam kita main bolalah.

Bila kita masuk dalam padang kita tengok *team* di sebelah sana itu besar oh, kita sudah mula *lose confident*. Kita tidak mahu hendak main pun tak hendak, macam itulah.

Jadi, sebab itu untuk mengatasi masalah ini, saya buka 10% kepada bukan bumi, supaya mereka telah dapat bersaing dengan orang bukan Melayu di peringkat dia Tingkatan 3, Tingkatan 4 lagi, jadi dia *confident*lah lepas itu. Tidaklah berbangkit masalah yang pelajar Melayu enggan pergi ke IPTS kerana IPTS ini terlalu banyak yang bukan Melayu. Itu betul Yang Berhormat, pemerhatian yang betul, *so we have to overcome this problem*, dengan izin, dan cara untuk kita mengatasinya ialah kita mahu supaya mereka bersaing di peringkat awal lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itulah kita ambil pelajar bukan bumiputera dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong berdiri lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak itu,..... ini kenyataan. Sejumlah 15% pelajar yang disebutkan sebagai gagal buat sementara waktu dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MARA Dato' Mohd Maidin Mohd Sharif dan beliau mewakili Menteri Pembangunan Usahawan Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:mewakili.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia mewakili sayalah. Tetapi bukan ucapan saya itu. Sebab itu masa dia bagi kenyataan itu, semasa *press conference*. Jadi masa *press conference* dia keluarkan itu, jadi bukan kenyataan saya. Jadi itu bermakna lepas dia mewakili saya, kemudian ada *press conference*, kemudian ada soalan dan dia menceritakan bahawa 15% itu gagal sementara. Jadi Yang Berhormat pun betul, saya pun betullah. Okeylah. Kemudian

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri, masa empat minit lagi...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak habiskan hari ini ataupun macam mana?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak sempat hari ini tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya boleh benarkan mengikut Peraturan 12(3), kita boleh sambung 15 minit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terpujanglah saya ingat. Terpujanglah tunggu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, hendak kena usulka?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak kena usulka?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tahu payah. Ini mengikut peraturan kita ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini Yang Berhormat, banyak ini Yang Berhormat [*Menghalakan pandangan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa saya hendak jawab semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak jawab semua.....ya, saya

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab hendak bagi puas hati kepada dia orang. Nanti saya akan dituduh sebagai yang bercakap banyak, menjawab 20 minit, saya tidak mahulah, kena macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setuju sebelah sana? [*Mengangkat tangan menunjuk ke arah Pembangkang*]

Jadi kalau, kalau [*Menghalakan pandangan kepada jam di dinding*] lima setengah, kita lepas *budget* pun tak apa. Tidak ada *urgency*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila teruskan ada tiga minit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kemudian, Yang Berhormat telah bertanya berkenaan dengan penggunaan bahasa dalam institut ini. Bahasa yang kita guna dalam institut IKTM ialah bahasa Inggeris. Dalam IKTM kita guna bahasa Inggeris.

Jadi dalam UNITEK MARA ini pun juga kita guna bahasa Inggeris. Bahasa Malaysia juga kita gunakan. Bahasa lain, bahasa Jerman pun kita maknanya kita macam di GMI, dia kena juga faham bahasa Jerman, sebab kalau dia hendak pergi ke Germany, bukan? Kita hendak hantar dia ke Germany. Yang MFI *French*, dia kena belajar, kita hantar ke Universiti *de Nice*, kita hantar.

Jadi bahasa-bahasa ...jadi dia tiga bahasalah maknanya yang digunakan dalam IKTM ini. Kemudian Yang Berhormat juga bertanya berkenaan dengan hutang. Hutang mereka yang tidak bayar. Tidak ada masalah..... Besut tanya. Besut dia *session* ini agresif, saya minat.

Tuan Hassan bin Mohamed: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Ahli Yang Berhormat bagi Besut.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' bercakap tentang bahasa tadi. Saya cuma hendak mendapatkan tentang kepastian. Sekarang telah keluar arahan di semua MRSM tentang pemakaian skarf tidak dibenarkan pakai tudung labuh, cuma dibenarkan pakai skaf.

Yang kedua, semua subjek hendaklah dalam bahasa Inggeris berkuatkuasa sekarang. Apakah benar perkara itu? Semua subjek yang diajar di MRSM kecuali Bahasa Malaysia dilaksanakan dalam bahasa Inggeris berkuat kuasa sekarang. Adakah benar perkara itu? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Skarf ini dia tutup aurat, tidak semestinya kena *style* yang satu *style* sahaja. Dia budak muda, kemudian dia hendak main *game*, sebab itu saya kata, bagi hak senang ikat itu. Maknanya pakai skarf, tudung, ikat supaya dia boleh berlari, dia boleh main hoki, dia hendak pakai itu, jadi tidak kena, sebab saya hendak menggalakkan sukan juga di kalangan wanita kita. Jadi kalau dia pergi ke padang, dia pakai skarf macam Yang Berhormat pakai itu [*menghalakan pandangan kepada seorang Ahli Yang Berhormat yang memakai tudung labuh*] dia hendak berlari, dia hendak baling bola, dia tidak kena dengan sukan itu. Sebab itu saya kata pakai skarf yang ikat, itu betul. Jadi makna memudahkan dia. Tetapi dia tutup juga, ringan sedikitlah dan saya kata kena bagi *cotton* jangan suruh dia pakai kain yang bila kena mata hari dia tak mahu meresap peluh. Saya tidak mahu yang itu. Walaupun nampaknya kalau dia tidak diseterika dia nampak licin, tetapi kita hendak kira budak itu macam mana. Kita tengok baguslah skarf itu dia licin, tetapi dia panas.

Sebab itu saya kata bagi dia kain *cotton* nipis supaya dia tidak - walaupun *cotton* ini kadang-kadang dia tidak kusut tetapi dia tak panas. Jadi sebab itu saya bagi arahan iaitu bahawa tudung dia yang paling mudah, ikat sahaja. Kainnya ialah kain *cotton* nipis. Sebab saya tidak mahu budak-budak ini dia panas dan bila dah panas dia tidak mahu bersukan. Jadi itu memang betul saya memberi arahan.

Kemudian bahasa Inggeris, saya menggalakkan supaya menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajian subjek-subjek tertentu sebab MRSM dia tidak di bawah Kementerian Pendidikan. Saya hendak budak MRSM ini cemerlang. Saya hendak budak MRSM ini cemerlang.

Sebab itu saya tidak bersetuju kalau macam masa kita membahaskan ...boleh jalan lagi? Habis kurang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, jadi kita jumpa lepas inilah ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi terima kasih Yang Berhormat, saya akan sambung selepas habis budget nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, insya-Allah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan sehingga besok jam 4.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.

